

**PARLIMEN KESEMBILAN**  
**PENGGAL KEEMPAT**  
**MESYUARAT KETIGA**

---

**Jilid IV**

**Bil. 31**

**Hari Selasa**

**15 Disember 1998**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**(Ruangan )**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**- Rang Undang -undang Perbekalan 1999**

**(Ruangan )**

## **PARLIMEN KESEMBILAN**

**Penggal Keempat**

**Mesyuarat Ketiga**

### **AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob,  
P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T.,  
P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat,  
P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,  
Tan Sri Datuk Kasitah bin Gaddam (Dilantik)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum (Dilantik)

“ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)

“ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)

“ Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M.,  
B.K.T., J.P. (Melaka)

“ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)

“ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)

“ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)

“ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,  
B.K.M. (Kedah)

“ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)

“ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)

“ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T.,  
J.P. (Melaka)

“ Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten (Sabah)

“ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)

“ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)

“ Dato’ Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)

“ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)

“ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)

“ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S.,  
B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)

“ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)

“ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T.,  
P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)

“ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)

“ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)

“ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)

“ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)

“ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)

“ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)

“ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)

“ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)

“ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N.,  
P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)

“ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)

- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)

Yang Berhormat Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)

- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Noor (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Datuk Yee Lung Fook Geoffrey (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)

“ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)

“ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

## **DEWAN NEGARA**

### **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara	:	Abdullah bin Abdul Wahab
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah

### **CAWANGAN DOKUMENTASI**

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop  Mohamed bin Osman Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor Ramlah binti Mohd. Yusuff Nora'ini binti Hetam Miskiah binti Hassan Rosnani binti Ahmad
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

### **CAWANGAN BENTARA**

Bentara Mesyuarat	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh Mejar (B) Kamarudin bin Abdullah A.M.N., Psc TUDM
-------------------	---	--

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Selasa, 15 Disember 1998**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**D O A**

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN  
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**PETUALANG DEMONSTRASI – KENAL PASTI  
DAN TINDAKAN**

1. **Dato' Charern Intachat** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada kerajaan telah dapat mengenal pasti petualang yang menjadi ketua penganjur demonstrasi di ibu kota. Nyatakan tindakan yang telah dan akan diambil terhadap mereka.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tunjuk-tunjuk perasaan yang berlaku di sekitar Masjid Negara, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Dataran Merdeka dan Masjid Jamek Kampung Baru pada hujung minggu dianjurkan oleh penyokong Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Pihak keselamatan telah mengambil langkah-langkah keselamatan yang ketat bagi menghalang penganjuran berterusan serta bertindak menyuraikan perhimpunan-perhimpunan haram ini secara berhati-hati dan bertimbang rasa. Pihak polis telah menahan pemimpin-pemimpin yang menganjurkan aktiviti demonstrasi di bawah seksyen 73(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 untuk siasatan dan untuk mencegah aktiviti-aktiviti ini berterusan yang boleh menggugat keselamatan negara.

Berikutan dengan tindakan tegas kerajaan ini, kekerapan aktiviti perhimpunan dan bilangan yang terlibat telah berkurangan dan aktiviti hanya

tertumpu di sekitar kawasan Masjid Jamek Kampung Baru. Keadaan di Kuala Lumpur adalah terkawal dan kegiatan harian berjalan seperti biasa.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada kerajaan kerana telah dapat mengawal dan membendung usaha-usaha apa yang dikatakan reformasi yang memang di luar dari budaya sistem pemerintahan kita.

Soalan tambahan saya ialah apakah tindakan kerajaan kepada apa yang dikenal pasti sebagai petualang ataupun pengkhianat yang lari dari negara kita dan bolehkah kerajaan menamakan beberapa nama yang dikenal pasti dan apakah tindakan seterusnya? Terima kasih.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, bagi mereka yang disyaki sebagai penganjur ataupun sebagai petualang boleh menghasut atau menjadikan penganjur kegiatan-kegiatan yang boleh memudaratkan ketenteraman, kerajaan memang mengambil pendirian tegas terhadap mereka seperti mana saya terangkan tadi, bagi golongan ini pihak Polis Diraja Malaysia sudah menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri di bawah seksyen 73(1).

Saya kena terangkan di sini selalunya ada pihak tertentu yang cuba hendak memutarbelitkan fakta. Akta Keselamatan Dalam Negeri tidak diguna untuk menghukum mereka, pada hal dalam masalah kegiatan reformasi yang melibatkan demonstrasi haram ini, Akta Keselamatan Dalam Negeri hanya diguna untuk menahan selama ini hanya seramai 27 orang yang disyaki mungkin adalah penganjur untuk siasatan dan mereka itu tidak seorang pun ditempatkan di Kamunting di bawah perintah tahanan jangka panjang, seorang pun tidak dikenakan tahanan itu.

Jadi, baru-baru ini ada orang yang mengambil kesempatan untuk mempertikaikan Akta Keselamatan Dalam Negeri, sebenarnya itu tidak berasas kepada apa yang didakwa. Ada lima orang yang telah dikenal pasti ke luar negara, Indonesia terutamanya dan pernah pergi ke Filipina telah pun mengeluarkan banyak kenyataan yang tidak bertanggungjawab, cuba merosakkan imej negara, pihak polis memang hendak menyiasat mereka ini apabila mereka balik dan bagi yang lain-lain iaitu tidak merupakan penganjur tetapi mereka secara fizikal telah



pergi ke tempat itu berdemonstrasi dan berulang kali mengingkarkan arahan polis untuk bersurai. Golongan ini tidak seorang pun ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk siasatan pada hal mereka itu ditahan di bawah Akta Polis 1967 dan mereka ini kebanyakannya telah pun di dakwa di mahkamah dan diikat jamin dan dilepaskan. Hari ini kita tidak menahan mana-mana orang yang tidak dianggap serius, Akta Keselamatan Dalam Negeri itu pun hanya 27 orang yang ditahan dan telah pun dibebaskan kebanyakannya, cuma tinggal lima orang yang masih dalam siasatan.

Kalau sekiranya siasatan itu menunjukkan tidak sampai ke tahap hingga perlu dihukum, mereka juga boleh seperti yang 22 orang yang lain itu akan dibebaskan. Maknanya ini apa yang dikatakan berhati-hati, bertimbang rasa dan tidak menyalahgunakan kuasa tetapi terpaksa untuk mengawal keadaan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada kebijaksanaan pihak kerajaan dalam menangani masalah kumpulan reformasi ini. Walau bagaimanapun, saya ingin mendapat penjelasan dari pihak kerajaan berhubung dengan dakwaan Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri dalam majalah *Massa* yang terbaru ini iaitu *'Harapkan Pagar, Pagar Makan Padi'*, mungkin itulah pepatah yang paling tepat bagi anggota polis yang terlibat dalam beberapa kes jenayah dan salah laku.

Pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting, baru-baru ini menunjukkan masih wujud bebiri hitam dalam pasukan berseragam itu dan ini ada gambar sekali *'polis diragui'* [*sambil menunjukkan majalah Massa kepada Dewan*]. Itu satu perkara yang saya hendak mendapat penjelasan berkenaan dengan dakwaan ini, kalau benar berlaku apa tindakan yang telah dibuat.

Satu lagi saya juga ingin mendapat .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Majalah apa itu Yang Berhormat?

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Majalah *Massa*, keluaran terbaru, mungkin Tuan Yang di -Pertua pun sudah membacanya bertarikh 12 hingga 18 Disember 1998.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak baca lagi.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Belum lagi ya. Ini current issue.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya ingin mendapat maklumat bagaimanakah kerajaan dapat mengenal pasti golongan yang terdiri daripada pegawai kerajaan yang tertakluk di bawah Perintah Am, pelajar-pelajar universiti dan orang-orang yang terlibat sama, yang didakwa dibayar oleh pihak-pihak tertentu supaya datang berkumpul pada hari-hari tertentu dan pada malam-malam tertentu.

Ini adalah perkara yang pada pandangan saya boleh mendapatkan maklumat, kemudian kita 'release' nama-nama ini dalam akhbar supaya orang ramai mengetahuinya, kita tidak mahu pengkhianat, petualang yang menimbulkan masalah kepada keselamatan negara masih dapat menikmati kemudahan dan kemewahan yang kita sama-sama perjuangkan.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah kerana memberitahu saya bahawa kenyataan saya sudah masuk dalam *Massa*. Saya rasa apa yang saya perkatakan itu adalah dalam sepanjang sesi Parlimen ini di mana saya cuba menjawab semua soalan yang ditanya dan menyentuh pihak polis.

Semasa saya menggulung perbahasan di Dewan Rakyat, kerana begitu ramai Ahli Dewan Rakyat telah membangkitkan isu dan ada di antara mereka yang mempertikaikan salah laku polis dan sebagainya. Saya telah menerangkan bahawa pasukan Polis Diraja Malaysia masih merupakan satu pasukan yang sangat profesional, kira-kira 80,000 anggota kebanyakan mereka sangat berdedikasi dan sangat berdisiplin, cuma ada segelintir black sheep, dengan izin, yang telah pun kadangkala ada merosakkan nama sedikit kerana masalah disiplin ataupun melanggar peraturan.

Saya telah memberi angka di situ, kerajaan tidak kompromi dan sentiasa bertindak tegas terhadap black sheep ini. Sebagai contoh, saya telah memberitahu dalam tahun ini sahaja sehingga 30 Oktober iaitu sepuluh bulan yang pertama, pihak Suruhanjaya Polis (Police Commission) telah pun mengambil tindakan termasuk apa yang di 'recommend' oleh polis seramai 1,810 anggota telah diambil tindakan tatatertib terhadap mereka dalam semua segi bukan sahaja terlibat dalam

reformasi, apa-apa sahaja salah laku, mereka telah sama ada dibuang kerja, ditahan kerja, diturunkan pangkat dan semua tindakan itu sangat tegas.

Maksud saya bagi kerajaan apabila ‘harapkan pagar, pagar makan padi’, kita tidak boleh bertolak ansur kepada mereka seperti ini, itulah yang saya maksudkan. Bagi kakitangan kerajaan yang lain pula, Ketua Setiausaha Negara telah banyak kali memberi amaran, daripada angka mereka yang melibatkan diri dalam demonstrasi haram ini kerana yang dikatakan reformasi ini terdapat dari angka yang ada pada saya sehingga 27 November 1998 seramai 72 orang kakitangan kerajaan yang selalunya terdiri dari yang berpangkat rendah terlibat dalam demonstrasi yang ditangkap oleh polis sepanjang tempoh demonstrasi ini.

Kerajaan dan semua pihak berkuasa memang bertindak tegas tidak akan membenarkan perkara ini untuk berterusan. Itu sahaja yang dapat saya terangkan di sini.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya, di atas perkataan berhati-hati dan bertimbang rasa, apakah pihak kerajaan pernah memberi layanan atau memberi peluang untuk mendengar apakah tujuan sebenarnya perhimpunan kumpulan ini? Terima kasih.

**Dato’ Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat sistem demokrasi di Malaysia ini bila-bila kerajaan siap sedia untuk mendengarnya, sama ada didengar di Parlimen, kalau kita lihat apa yang telah disuarakan di Dewan Rakyat, begitu lantang, begitu ghairah kadang-kadang tidak berasas pun dikeluarkan di Dewan Rakyat dan semua wakil kerajaan di situ sangat sabar dan kita jawab satu demi satu. Itu salah satu saluran sah dari segi demokrasi.

Yang lain-lain, kita sentiasa menerima memorandum, kita beri kebebasan kepada akhbar sehingga sudah banyak akhbar boleh mencetak apa sahaja yang mereka dakwa dan orang ramai membacanya untuk membuat keputusan mereka sendiri sama ada percaya atau tidak.

Selain dari itu, mereka yang terlalu banyak bercakap itu selalunya terdiri dari pihak pembangkang. Pembangkang sudah begitu banyak salurannya untuk mengkritik kerajaan dan sebagainya.

Saya tidak faham mengapa masih ada juga lagi orang yang mengatakan mereka tidak ada peluang untuk bersuara dan kenalah berdemonstrasi. Mereka boleh menyuarakan melalui media massa, saluran politik perhimpunan yang dibenarkan oleh undang-undang dengan menggunakan saluran parti mereka, kalau parti PAS boleh menggunakan perhimpunan PAS dan kalau DAP boleh menggunakan perhimpunan DAP, kalau Suaram, parti rakyat atau parti apa sahaja yang ditubuhkan, mereka ada saluran dan cara untuk bermesyuarat, mengapa tidak mahu memanggil mesyuarat secara teratur, mengapa mereka mesti berkumpul atas nama yang tidak berdaftar, tidak sah, kemudian mereka mengatakan kerajaan bertindak.

Pihak polis hanya menjalankan tugas mereka mengikut undang-undang dan semua undang-undang itu diluluskan di Parlimen dan wakil Parlimen ini dipilih oleh rakyat secara demokrasi mengundi, [*Tepuk*] semua sistem itu telah teratur, kalau semua menafikan ini dan tidak mahu mengiktiraf sistem yang telah pun membawa kemajuan kepada negara ini selama 41 tahun, semuanya sesuka hati hendak pergi demonstrasi atau hendak buat apa sahaja yang mereka suka, saya ingat negara ini akan tetap hancur, bukan sahaja hancur malah kuasa-kuasa asing sudah hendak masuk ke negara ini, pada bila-bila masa sahaja mereka hendak menjajah kita semula dengan secara tidak langsung.

Saya ingat semua ini Ahli Yang Berhormat dari pembangkang tahu cuma mereka sengaja tidak mahu tahu. [*Tepuk*] Cuma apabila pemerintah negara ini di bawah Barisan Nasional mereka tidak mahu tahu, kalaulah di bawah pemerintahan mereka mungkin lagi teruk daripada apa yang kita buat.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan, tahniahlah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menjawab dengan jawapan yang begitu bernas dan baik sekali. Soalan tambahan saya ialah sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa kerajaan telah pun mengenal pasti beberapa petualang yang dianggap petualang yang berada di luar negara hari ini dan saya difahamkan masih berleluasa menyebarkan perkara-perkara yang boleh dianggap negatif dan menghentam kerajaan.

Apakah petualang-petualang ini akan ditangkap, telah ditangkap atau apa tindakan kerajaan akan ambil kepada mereka yang berada di luar negara?

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Polis Diraja Malaysia sedang menunggu mereka balik, bila balik kita akan siasat. Saya guna perkataan 'siasat', jadi jangan kita ada 'conclusion' dahulu.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ramai yang hendak menyoal soalan tambahan ini, banyak sangat, saya tidak dapat membenarkan kerana ramai Yang Berhormat Menteri sedang menunggu untuk menjawab soalan yang lain. Minta maaf lah ya.

### **INDEKS HARGA PENGGUNA (CPI) – “LASPEYRES”**

2. **Puan Kamalia binti Ibrahim** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:-

- (a) apakah tindakan kementerian untuk memastikan CPI negara adalah berdasarkan data semasa; dan
- (b) apakah tindakan kementerian untuk memastikan tidak berlakunya eksploitasi harga barang makanan di kalangan pengguna yang ramai mengeluh kenaikan harga makanan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Perkiraan Indeks Harga Pengguna (IHP) atau CPI oleh Jabatan Statistik adalah berasaskan formula “Laspeyres”. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bersetuju dengan kaedah perkiraan IHP itu memandangkan ia mengikut satu formula dan metodologi yang paling tepat dan digunapakai di kebanyakan negara dalam dunia pada masa ini. IHP itu mengukur kadar perubahan harga semasa bagi lebih kurang 430 barangan serta perkhidmatan secara purata. Harga-harga semasa tersebut diperolehi setiap bulan daripada lebih kurang

16,000 saluran runcit di 88 pusat pungutan di Semenanjung Malaysia, 1,800 saluran runcit di 15 pusat pungutan di Sabah dan 1,600 saluran runcit di 13 pusat pungutan di Sarawak.

- (b) Negara kita mengamalkan dasar ekonomi bebas di mana harga barang-barang umumnya ditentukan oleh faktor-faktor pasaran. Pada masa ini barangan makanan yang harganya dikawal oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna hanyalah susu pekat manis, gula pasir putih, tepung gandum, roti standard loaf, ayam dan minyak masak sawit 100%. Bagi beras gred standard, premium serta super tempatan kawalan harga adalah dikuatkuasakan oleh Kementerian Pertanian melalui Akta Kawalan Padi dan Beras 1994.

Walaupun demikian, kementerian sangat prihatin terhadap isu kenaikan harga dan setiap minggu memungut dan memantau harga bagi 231 barangan di bandar-bandar utama di Malaysia. Di samping itu, dalam usaha untuk mencegah eksploitasi harga barang-barang keperluan, termasuk barang-barang makanan, kementerian secara tegas dan konsisten menjalankan pemeriksaan di seluruh negara bagi menguatkuasakan undang-undang yang di bawah tanggungjawab kementerian, termasuk berusaha menyelesaikan dan mengambil tindakan sewajarnya berasaskan aduan-aduan yang diterima daripada pengguna.

Oleh kerana bukan semua harga barang makanan dikawal, maka kemampuan kerajaan untuk memastikan harga semua barangan makanan adalah rendah agak terhad. Sehubungan itu, pengguna perlulah bijak membuat pemilihan dan mengelakkan daripada membeli serta membuat aduan sekiranya harga sesuatu barangan didapati tidak munasabah. Dalam pada itu kementerian akan terus memberi perhatian serius kepada tindakan menstabilkan harga barang-barang keperluan harian terutamanya harga barang-barang itu tidak membebankan rakyat dalam keadaan kegawatan ekonomi

sekarang. Komitmen ini adalah selaras dengan aspirasi kerajaan untuk menjamin kesejahteraan negara dan rakyat.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah menjawab secara panjang lebar. Soalan tambahan saya, apakah jenis-jenis aktiviti yang dilihat agak kurang memuaskan oleh masyarakat kita dan bolehkah Yang Berhormat menyatakan setakat ini aktiviti kementerian yang berkaitan dengan Ops Sedar, tindakan-tindakan yang telah diambil kes-kes tertentu, rampasan, kompaun, denda dan lain-lain.

**Datuk Tan Chai Hoo:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Haji Rosli kerana prihatin terhadap isu kepenggunaan semasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat untuk memastikan pengguna tidak dibebankan oleh kenaikan harga barangan secara sewenang-wenangnya, penguat kuasa telah pun menjalankan pemeriksaan ke atas premis perniagaan di seluruh negara. Bagi tempoh 1 Januari 1998 hingga 5 Disember 1998 sebanyak 451,655 premis perniagaan telah diperiksa di mana penguat kuasa telah mengambil tindakan, jumlah kes yang diambil terhadap peniaga yang melakukan kesalahan adalah 4,827 di mana nilai rampasan adalah berjumlah RM21,415,296, kompaun yang dikutip adalah RM1,667,725 dan denda dari mahkamah adalah RM366,546.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dua soalan sudah pun setengah jam, kita ada 56 soalan, hari ini bolehkah kita mesyuarat sampai pukul 10.00 malam?

### **KORIDOR RAYA MULTIMEDIA - MANFAAT KEPADA NEGERI SABAH**

3. **Datuk Khoo Keok Hai** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan memandangkan perkembangan Koridor Raya Multimedia yang sudah begitu berjaya dilaksanakan di negara kita, apakah langkah-langkah yang akan diambil supaya Sabah dapat juga menikmati manfaat dalam Koridor Raya Multimedia Teknologi Maklumat dan Perdagangan Elektronik.

**Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat kerajaan untuk membolehkan keseluruhan negara menikmati dan mendapat faedah dari projek-

projek seperti yang dibangunkan di Koridor Raya Multimedia termasuklah negeri Sabah. Proses ini boleh dipermudahkan dan dipercepatkan melalui penubuhan bandar pindah yang boleh disambungkan dengan MSC. Pewujudan rangkaian dalam negeri contohnya state net dengan izin, terlebih dahulu akan menyumbang kepada menjadikan Sabah sebagai sebahagian daripada rangkaian komunikasi seluruh Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada peringkat ini sesiapa pun sudah boleh melibatkan diri dalam perdagangan elektronik khususnya dalam sektor perniagaan. Internet boleh digunakan untuk mengiklankan barangan untuk memudahkan pesanan dan penjualan barangan yang menjangkau pasaran antarabangsa.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat semasa MSC, Multimedia diperkenalkan ia adalah merupakan 'sit bay', iaitu percubaan dalam negara kita. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian setelah ia dilaksanakan apakah penemuan-penemuan yang telah didapati dan adakah program ini akan diperluaskan ke tempat-tempat lain. Bagi negeri-negeri ataupun bandar-bandar yang berminat apakah keperluan-keperluan asas yang perlu ada bagi mereka dalam perancangan mereka untuk terlibat sama di dalam MSC ini? Terima kasih.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan memang hendak menumpukan perhatian kepada kawasan MSC sahaja mengenai pembangunan infrastruktur yang canggih. Selepas MSC dibangunkan kepada keseluruhannya, kawasan ini akan diperkembangkan kepada kawasan yang lain dan pada akhir sekali kita harap seluruh Malaysia akan menjadi satu kawasan MSC.

Setakat ini sebanyak 191 syarikat telah pun diluluskan untuk menjalankan berbagai-bagai aktiviti di dalam kawasan MSC dan bidang-bidang penting yang diceburi oleh syarikat tersebut adalah seperti software development, content development, post production, heavy user, integrasi sistem telekomunikasi elektronik, penyiaran, pendidikan dan latihan. Kesemua bidang ini memang ada yang dijalankan secara test-bed dan setakat ini kementerian boleh dapat diberitahu apa penemuan yang telah pun didapati.



Sungguhpun setakat ini dalam aspek pembinaan infrastruktur, projek MSC belum dapat diperkembangkan ke semua negeri tetapi aplikasi-aplikasi yang dirancang hanya akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan melalui MDC seperti Sekolah Bestari, E-Commerce, Teleperubatan, Smart Card dan kesemua ini akan membawa faedah kepada semua rakyat di Malaysia.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila disebut bahawa Bandar Pintar akan dibina, berapakah Bandar Pintar yang bakal dibina di seluruh negara dan untuk Sabah di manakah kedudukan Bandar Pintar ini untuk dibina? Terima kasih.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini seperti mana saya katakan, kita akan menumpukan perhatian di kawasan MSC dan selepas ini MSC akan diperkembangkan ke Pulau Pinang dan di Johor. Selepas Pulau Pinang dan Johor, ia akan diperkembangkan ke seluruh negara. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dalam konteks ini pihak Kerajaan Pusat telah menerima response dengan izin, yang begitu menggalakkan dari semua kerajaan negeri.

Setakat ini terdapat beberapa negeri telah pun ikut jejak langkah Kerajaan Persekutuan untuk menubuhkan state IT council, dengan izin. Ini merupakan langkah yang positif dan langkah yang pertama untuk menasihatkan kerajaan negeri untuk membinakan Bandar-bandar Pintar dan kita berharap satu hari nanti ke semua bandar di Malaysia boleh dijadikan Bandar Pintar.

Ini bukan merupakan satu impian tetapi ia akan direalisasikan kalau sekiranya kita mengikut apa juga rancangan yang telah dirancang setakat ini.

#### **PERTUKARAN WANG ASING– KEMPEN PENGELUARAN BAHAN MAKANAN TEMPATAN**

4. **Datuk Haji Hashim bin Safin** minta Menteri Pertanian menyatakan setelah kempen pengeluaran bahan makanan sendiri dipertingkatkan berapakah langkah jumlah tukaran asing dapat diselamatkan.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, seperti pernah yang dimaklumkan di Dewan yang mulia ini, langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk

meningkatkan pengeluaran bahan makanan tempatan telah menunjukkan hasil yang menggalakkan.

Namun demikian adalah kurang tepat untuk membuat andaian bahawa peningkatan pengeluaran bahan makanan tempatan telah mengurangkan import bahan makanan, oleh kerana bahan makanan tersebut tidak semestinya menggantikan sepenuh makanan yang diimport.

Tambahan pula terdapat beberapa faktor lain yang mempengaruhi import termasuklah kenaikan harga akibat kejatuhan nilai ringgit berbanding nilai dolar Amerika. Perubahan cita rasa pengguna dan kemerosotan permintaan sebenar akibat hakisan kuasa beli berpunca daripada perubahan pendapatan dan pengangguran.

Walau bagaimanapun, sebagai perbandingan, jika dilihat dari segi nilai import dalam US Dollar adalah didapati nilai import sayur-sayuran dan buah-buahan telah berkurangan dari US\$303.4 juta bagi tempoh Januari hingga Julai 1997 kepada US\$212.8 juta bagi tempoh yang sama 1998 iaitu pengurangan sebanyak US\$90.6 juta.

**Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pertanian menggalakkan orang ramai untuk menanam sayur-sayuran makanan sendiri untuk mengurangkan import dari luar. Adakah berlaku penyeludupan barang makanan seperti bawang dan barang-barang makanan lain seperti sayur-sayuran daripada negara-negara jiran seperti negara Indonesia dan Thailand.

Selain daripada itu, saya hendak tahu juga iaitu kita selalu dapati penyeludupan rokok daripada Indonesia cuma dapat tangkap barang sahaja tetapi tidak pernah dapat tangkap orang yang membawanya itu. Bagaimana keadaan pengawalan ini, tidak pernah dapat, hilang tetapi perahu ada, rokok ada tinggal begitu sahaja, bagaimana boleh berlaku, tidak dapat dikesan dan ditangkap penyeludup tersebut?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Majid. Tentang penyeludupan bahan-bahan makanan ini memang berlaku di kawasan-kawasan

sempadan khususnya di mana barang-barangan yang harga di negara kita terlalu rendah tetapi harga di negara mereka agak tinggi seperti minyak masak dan juga lain-lain. Begitu juga sayur-sayuran sedikit sebanyak ada penyeludupan, tetapi tentang rokok itu di bawah tanggungjawab Kementerian Perusahaan Utama, bukan di bawah Kementerian Pertanian.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, menyentuh berkenaan dengan kempen pengeluaran bahan makanan bagi mengurangkan pertukaran hasil, baru-baru ini kita mendengar Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna meminta Kementerian Pertanian supaya mengimport buah kelapa lebih daripada satu juta. Ini adalah bahan makanan, kena pula dekat dengan bulan puasa, sama ada pihak Kementerian Pertanian tidak sedarkah tentang perkara ini berlaku dan kita tahu banyak tanah terbiar yang terdapat di negara kita. Bagaimanakah caranya Kementerian Pertanian dapat mengimbangkan permintaan buah kelapa ini mengikut musim supaya kita tidak terlibat dengan pertukaran asing kerana hendak beli buah kelapa?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar. Import kelapa ini memanglah tahun ini tahun yang agak serius sedikit kekurangan buah-buah kelapa. Pada tahun-tahun yang lalu tidak sebegini. Kita telah pun import sebanyak lebih kurang 30,000 biji tetapi untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, import ini dari Sumatera harganya agak mahal iaitu di antara 50 sen hingga 70 sen sebiji harga di sana. Transport, kos dan lain-lain lagi menyebabkan harganya masih tinggi.

Walau bagaimanapun, kita akan berusaha, bila berlakunya sesuatu insiden, baru kita mengkaji. Kalau tidak, tiada masalah mengapa kita mahu mengkaji, kita ingat kelapa yang kita ada di sepanjang pantai dan di kampung-kampung sudah mencukupi tetapi sebenarnya pada hari ini kekurangan, ini juga kerana kurangnya pemanjat kelapa, kena ada pertandingan memanjat kelapa nampaknya.

Jadi, sebab itu Kementerian Pertanian akan cuba mengadakan projek jangka panjang supaya dapat menambahkan tanaman Kelapa Mawar pada masa hadapan, bukan sahaja untuk kegunaan kelapa tua tetapi kegunaan kelapa muda pada musim-

musim permintaan kelapa tua berkurangan. Insya Allah, kita akan cuba susun pada masa akan datang.

### **GAGAL HADIR KERJA TANPA SEBAB – TINDAKAN MEMBUANG DAN MENAMATKAN PERKHIDMATAN**

5. **Puan Hajah Ramlah binti Kassim** minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah Jabatan Perkhidmatan Awam sukar untuk membuang kerja dan menamatkan segera khidmat kakitangan awam yang telah gagal hadir kerja tanpa sebab atau secara diam ia telah bekerja dengan swasta hingga tempoh tidak hadir kerja dengan kerajaan meningkat dari beberapa bulan hingga ke beberapa tahun.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam perkhidmatan awam, kesalahan tidak hadir bertugas adalah satu kesalahan yang serius dan mereka yang melakukan kesalahan tersebut akan diambil tindakan termasuk hukuman buang kerja. Kaedah atau tatacara untuk mengambil tindakan bagi kes tidak hadir bertugas telah pun diperuntukkan dengan jelas di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Kaedah atau tatacara seperti mana yang dinyatakan di dalam peraturan ini perlu diikuti dengan teliti supaya ianya tidak menimbulkan masalah undang-undang kepada kerajaan kelak. Tindakan ini bukanlah merupakan satu perkara yang sukar tetapi ianya perlu diteliti dan memerlukan sedikit masa.

**Puan Hajah Ramlah binti Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan yang memuaskan. Walau bagaimanapun, soalan tambahan saya ialah saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, sehingga akhir-akhir ini berapa banyakkah kes tidak hadir bertugas dan berapa ramaikah yang telah diberhentikan?

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ambil mulai tahun 1993 hingga 1997, jumlah kes tidak hadir bertugas adalah sebanyak 2,798 orang yang mana daripadanya 1,412 orang telah pun dibuang kerja. Pada tahun 1997 sahaja, sebanyak 467 kes tidak hadir bertugas dan daripada 467 kes ini 293 telah diberhentikan kerja.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan mempunyai statistik tentang kakitangan kerajaan yang tidak hadir kerja ataupun yang menggunakan waktu kerja untuk kegiatan yang cenderung kepada politik, tidak kira sama ada ke arah kecenderungan mana tetapi menggunakan kedudukan dan waktu untuk kegiatan politik dan jika ada, apakah corak kegiatan mereka dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengatasi supaya perkara ini tidak berlaku?

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, jelas di dalam Perintah Am, pegawai-pegawai di dalam tingkatan-tingkatan tertentu dilarang terus mengambil bahagian di dalam politik tetapi pegawai-pegawai di dalam kumpulan sokongan boleh memegang jawatan di dalam badan-badan politik setelah mendapat kelulusan bertulis daripada ketua masing-masing. Dari sudut sama ada kita menyimpan statistik, JPA tidak menyimpan statistik tetapi dari masa ke semasa Ketua Setiausaha Negara menghantar panduan-panduan kepada ketua-ketua jabatan agar diwaspadakan mereka yang terlibat di dalam politik khususnya mengambil masa kerjanya untuk melaksanakan tugas-tugas politik.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak merasakan masalah ini merupakan masalah yang besar dalam pentadbiran hari ini.

#### **AKTIVITI JUALAN MURAH –KAWALAN**

6. **Puan Jamilah binti Ibrahim** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah bentuk kawalan yang dilakukan oleh kerajaan terhadap aktiviti jualan murah yang kadang kala ada unsur penipuan terhadap pengguna dan seterusnya menyatakan kadar inflasi pada masa kini dan tindakan yang akan diambil bagi mengurangkan kadar inflasi semasa.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, kawalan ke atas aktiviti jualan murah adalah dibuat mengikut kuatkuasa Perintah Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah) 1997. Pemeriksaan-pemeriksaan dijalankan sebelum dan semasa jualan murah diadakan dengan memberi penekanan dari aspek harga bagi menentukan kesahihan aktiviti jualan murah tersebut. Dalam hubungan ini, harga jualan murah adalah berasaskan kepada harga yang pernah ditawarkan terdahulu oleh peniaga berkenaan, bukannya perbandingan harga yang ditawarkan oleh peniaga-peniaga lain.

Berhubung dengan kadar inflasi, kedudukannya yang diukur berdasar peratus perubahan Indeks Harga Pengguna. Bagi tempoh Januari hingga Oktober 1998 naik sebanyak 5.2% berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Kenaikan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan indeks bagi semua kumpulan utama kecuali pengangkutan dan perhubungan yang turun sebanyak 0.1%. Kategori makanan adalah penyumbang terbesar ke arah peningkatan keseluruhan IHP iaitu dengan perubahan sebanyak 8.9%.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sentiasa mengambil langkah-langkah perlu bagi membendung inflasi. Langkah-langkah yang diambil ini adalah merupakan tindakan berterusan. Contohnya, mengawal selia aktiviti pengeluaran, pengimportan, pengedaran, pengsetoran dan penjualan barang-barang yang diisytiharkan sebagai barang-barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Pengawalseliaan dijalankan dengan tujuan menentukan bekalan barang-barang tersebut mudah diperolehi di pasaran dengan harga yang berpatutan dan menjalankan pemeriksaan fizikal di setiap peringkat urus niaga bagi menentukan tidak ada pihak-pihak yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang boleh meningkatkan harga barangan seperti penyorokan dengan menjual, mengenakan syarat jualan yang tidak sah dan sebagainya.

#### **SEMINAR/KURSUS UNTUK KAKITANGAN – KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN –**

7. **Datuk William Lau Kuang Hui** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah pelbagai seminar atau kursus yang biasanya diadakan di Semenanjung Malaysia bagi kakitangan kementerian beliau.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua, kursus dan seminar yang diadakan untuk kakitangan kementerian adalah dalam bidang yang berkaitan dengan tugas mereka. Ini termasuk kursus pentadbiran dan pengurusan bagi kakitangan sokongan am dan kursus teknikal bagi kakitangan teknikal. Selain daripada itu, kakitangan kementerian ini juga menghadiri kursus anjuran Institut Tadbiran Awam Negara. Kakitangan pihak berkuasa tempatan bukanlah kakitangan

kementerian, namun begitu kementerian ada juga menjalankan kursus dan seminar bagi mereka dalam bidang yang berkaitan dengan tugas pihak berkuasa tempatan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, yang ada kaitan dengan soalan no. 6 untuk Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tadi iaitu baru-baru ini kerajaan melancarkan Kempen Pemilikan Rumah selama sebulan mulai dari tarikh sekian dan akan berakhir pada 12 Januari. Saya hendak bertanya sama ada kempen ini juga tertakluk di bawah Akta Kawalan Harga dan Pengguna dan bagaimanakah mekanisme yang digunakan untuk memastikan kempen ini tidak diambil kesempatan oleh mana-mana pihak terutama sekali pemaju-pemaju perumahan dan pembeli yang akan menjadi mangsa.

Misalnya Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada menyatakan pemaju perumahan tidak boleh mengambil bayaran deposit tetapi apabila kita contact dengan pihak pemaju, dia beri syarat-syarat begitu dan sebagainya, lepas itu akhirnya dia kata projek ini hendak siap sekian-sekian tahun, tidak ada lagi. Inilah yang menimbulkan masalah kepada pengguna.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini di luar daripada soalan asal tetapi hanya untuk hendak menyenangkan hati Yang Berhormat yang bertanya soalan ini, [*Ketawa*] biarlah, yang mendengar pun mungkin ada keraguan, biar saya sebutkan sedikit bahawa kempen sebulan ini....Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan yang terkeluar daripada soalan asal, ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh, silakan.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Sedikit sahaja. Dalam sebulan ini bagi projek-projek perumahan yang telah siap ataupun dalam binaan yang akan siap, bukan projek-projek baru, maka pemaju-pemaju yang menyertai kempen ini adalah yang telah mendapat lesen, yang telah juga mempunyai lesen untuk kebenaran iklan, maka tidak ada timbul soal pembayaran dahulu yang tidak sah.

**Datuk Joseph Balan Seling:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Adakah pada masa depan, kementerian mempunyai cadangan untuk mengadakan seminar dan kursus yang serupa di Sarawak dan di Sabah, kalau tidak kenapa?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, semua pihak berkuasa tempatan di Sabah dan Sarawak tidak di bawah kawalan kementerian ini oleh kerana ini adalah termasuk dalam Perjanjian Persekutuan antara Kerajaan Malaysia dengan Sabah dan Sarawak tetapi walau bagaimanapun, kalau ada kursus-

kursus mereka juga dijemput dan mereka boleh dibenarkan untuk menyertai kursus.

#### PROGRAM ORIENTASI KETATANEGARAAN - PELAKSANAAN

8. **Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusof** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adakah kerajaan telah melaksanakan program orientasi ketatanegaraan belia-belia lepasan SPM dan sebagainya bagi melahirkan generasi belia dan patriotik dan mengurangkan gejala keruntuhan moral di kalangan belia.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan telah pun melaksanakan Program Khidmat Sosial Negara iaitu satu program khusus yang telah dirancang oleh kementerian ini bagi belia-belia yang telah menduduki peperiksaan SPM dan sedang menunggu keputusan diumumkan. Projek perintis pertama Program Khidmat Sosial Negara ini telah dilaksanakan selama tempoh 30 hari iaitu dari 22 Februari hingga 23 Mac tahun ini dan untuk maklumat Yang Berhormat, seramai 1,027 orang remaja telah mengikuti program perintis pertama ini di seluruh negara.

Program Khidmat Sosial Negara ini adalah berkonsepkan khidmat nasional. Walau bagaimanapun, ia berteraskan kepada pembangunan diri generasi muda dengan memberi penekanan khusus kepada pembentukan ilmu, disiplin hidup, semangat patriotik dan cintakan negara, semangat perpaduan, disiplin dan etika prasosial, sukan dan budaya. Dengan terlaksananya program ini, kementerian berharap ia akan dapat turut membantu mengurangkan masalah gejala sosial terutamanya di kalangan generasi muda. Kementerian Belia dan Sukan juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang bukan sahaja telah menyokong dasar program ini, malah turut juga terlibat membantu pelaksanaan program ini di seluruh negara.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kebelakangan ini kita bukan sahaja bimbang dengan perkembangan yang berlaku di kalangan belia dari segi masalah-masalah gejala sosial tetapi kita melihatkan patriotisme belia-belia kita pada masa sekarang ini dalam keadaan yang menjadi tanda tanya kepada kita sejauh mana mereka sanggup dan memahami suasana politik dan juga suasana perkembangan dunia yang berlaku hari ini.



Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, melalui kementerian ini adakah program-program yang disusun oleh kementerian ini bersesuaian dengan keadaan semasa sebab belia-belia sekarang ini tidak lagi gemar menghadiri perjumpaan dan sebagainya. kebanyakan mereka terdedah kepada komputer dan mereka selalu di access, dengan izin, ataupun komunikasi yang berlaku di kalangan mereka adalah melalui Internet dan kita tahu melalui Internet sekarang ini pelbagai fitnah yang telah pun disampaikan oleh pihak-pihak terutamanya pihak-pihak yang antikerajaan dan juga pihak-pihak yang tidak memahami situasi semasa keadaan negara.

Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Belia dan Sukan, apakah program pihak kementerian di dalam mendekati pihak belia ini melalui program-program komputer, Internet dan sebagainya dan adakah pihak kementerian mempunyai program jangka pendek, jangka panjang dan juga program-program lain selain daripada melalui komputer untuk membendung keadaan yang berlaku sekarang ini.

**Dato' Loke Yuen Yo w:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat di atas soalan tambahan yang disuarakan. Sebenarnya Kementerian Belia dan Sukan sedar bahawa di kalangan belia kita sekarang ini menghadapi masalah gejala sosial terutamanya tentang konsep patriotisme. Jadi, oleh kerana itu Kementerian Belia dan Sukan bekerjasama dengan kementerian-kementerian yang lain untuk membendung keadaan ini dan banyak projek yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan, seperti apa yang saya katakan tadi Program Khidmat Sosial Negara yang mana kita tumpukan program ini kepada pelajar-pelajar yang baru menduduki peperiksaan SPM semasa mereka menunggu keputusan, sebelum mereka keluar masuk ke masyarakat untuk mencari kerja, tempoh dua, tiga bulan itu yang penting yang mana mereka selalu lepak, masa itu yang kita tumpukan kepada mereka sebagai tarikan kepada mereka balik ke sekolah-sekolah atau ke tempat-tempat yang mana mereka duduk supaya mereka menyertai Program Khidmat Sosial Negara itu. Jadi, ini satu program yang kita anggap adalah amat baik dan berjaya dan seramai 1.027 pelajar telah menyertai dan semuanya adalah baik.

Satu lagi projek yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan, ini ada sedikit hubung kait dengan cara kementerian untuk meningkatkan perasaan patriotisme terhadap negara iaitu Program Motivasi Perdana yang sedang dijalankan di seluruh negara yang mana kita masuk ke kampung-kampung dan

tempat-tempat yang mana kita mengadakan perjumpaan di padang-padang di kampung-kampung yang mana kita bawa penceramah yang termasyhur dalam negara kita ini dan juga kumpulan-kumpulan macam kumpulan Hijaz, Raihan dan sebagainya untuk menarik bukan sahaja belia tetapi ibu bapa mereka bersama-sama, mereka datang dan mendengar lagu-lagu yang bermakna dan mendengar ceramah.

Jadi itu satu langkah lagi atau program yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Semuanya ada kaitan dengan langkah-langkah kementerian untuk mempertingkatkan perasaan patriotisme terhadap negara di kalangan belia. Kalau dikatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian terhadap bagaimana kita membendung belia kita dipengaruhi oleh komputer-komputer terhadap perasaan patriotisme dan sebagainya. Kementerian Belia dan Sukan tidak ada langkah yang secara langsung untuk mengawal (control) belia supaya mereka tidak mempelajari apa-apa elemen yang tidak baik melalui komputer.

Ini adalah kerja kementerian lain yang mana mereka harus mengikat keadaan ini, jadi apa yang kita boleh buat ialah mempengaruhi kalangan belia supaya mereka mempelajari apa-apa elemen yang baik daripada komputer dan kita telah 'set-up' beberapa pusat komputer di seluruh negara yang mana kita ada agreement dengan syarikat-syarikat supaya mereka menubuhkan pusat-pusat komputer di kawasan-kawasan berhampiran kampung supaya belia pergi ke pusat itu dan mempelajari komputer dan mengambil apa-apa ilmu yang baik. Tetapi kalau di luar bagaimana kementerian mengawal (control) keadaan ini, kita tidak ada apa-apa langkah secara langsung mengenai perkara itu, terpulanglah kepada kementerian lain. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Menunjuk ke arah Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop]* Maaf, nama kadang-kadang saya tidak tersebut. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah kriteria yang digunakan untuk memilih belia-belia lepasan SPM ini menyertai program yang disebutkan tadi? Ketiga-tiga program ini, berapa peratuskah di kalangan mereka ini yang telah berpeluang

menyertai program ini pada setiap tahun dan adakah kerajaan bercadang, oleh kerana saya rasa perkara ini amat penting sekali, menyerahkan tugas ini untuk dikendalikan oleh kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Pertanian, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Kewangan dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, kalau dikatakan Program Khidmat Sosial Negara dan Program Motivasi Perdana tidak ada apa-apa kriteria yang spesifik. Cuma kita tumpukan kepada kalangan belia umur 18 tahun hingga 40 tahun. Kalau dikatakan Program Komputer atau pusat komputer ini saya tidak dapat menerangkan kriteria dengan spesifik atau terperinci, jadi saya minta maaf. Kalau boleh pegawai saya akan jawab tentang kriteria yang mana mereka boleh memohon supaya bekerjasama dengan syarikat yang berkenaan menubuhkan pusat-pusat komputer di kampung-kampung. Terima kasih.

#### **PASUKAN SIMPANAN SUKARELA – SUMBANGAN SEKTOR SWASTA**

9. **Dato' Haji Ahmad bin Ismail** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah kerajaan sedar bahawa sektor swasta menjadi penyumbang paling pasif di segi penyertaan keahlian dalam pasukan simpanan sukarela berbanding sektor kerajaan dan apakah langkah dan tindakan kementerian bagi mengatasi masalah ini.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pertahanan Malaysia, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kementerian sememangnya menyedari akan kurangnya sambutan daripada pekerja-pekerja swasta untuk memasuki pasukan simpanan bagi ketiga-tiga perkhidmatan tentera. Walau bagaimanapun, pihak kementerian telah pun mengambil langkah-langkah tertentu di dalam menangani perkara ini dengan melibatkan kerajaan negeri, ketua-ketua jabatan kerajaan dan pemimpin-pemimpin masyarakat untuk menggalakkan penglibatan rakyat dalam pasukan simpanan sukarela angkatan tentera.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan Tambahan. Saya ingin bertanya kepada kerajaan berapakah jumlah sebenar pasukan simpanan sukarela daripada NGO, sektor kerajaan dan apakah kerajaan berhasrat untuk mewujudkan national service bagi mereka yang lepasan SPM atau yang sebaya, seumur dengan mereka yang lepasan SPM ini? Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana faktor keselamatan memang kita tidak menggalakkan angka itu dihebohkan. Walau bagaimanapun, boleh saya menyebutkan di sini bahawa penyertaan bagi pasukan simpanan sukarela tentera darat daripada sektor swasta sahaja sehingga kini hanyalah 5.38% sahaja. Manakala pasukan simpanan sukarela tentera laut ialah 35.5%, menunjukkan sambutan tentera laut lebih hebat daripada tentera darat dan apa Yang Berhormat Datuk menyatakan tadi, bahawa usaha-usaha sedang dibuat ke arah meningkatkan lagi penglibatan golongan muda terutama yang lulus SPM dan sebagainya.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Ini soalan saya dalam bentuk peringatan tambahan, Tuan Yang di-Pertua .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Peringatan?

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Saya menjadi Ahli Dewan Negara hampir setahun lebih. Saya ingin mengemukakan pandangan dan perasaan kita di Dewan Negara, menteri tidak pernah datang sekalipun dan timbalan menteri pun .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini lari daripada soalan.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Saya mohonlah wakil, kita tahu bahawa menteri, timbalan menteri yang lain kadang-kadang mempunyai tugas tetapi kita menekankan kepada Kementerian Pertahanan supaya memberi penghormatan sedikit kepada Dewan Negara. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ambil ingatan atau menyampaikan.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan majlis bahawa kebetulan pada hari ini Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri ada urusan terpenting yang tidak dapat beliau ke sini dan saya yakin pada masa-masa yang lalu, kalau Yang Berhormat Menteri tidak boleh hadir, Yang Berhormat Timbalan Menteri akan hadir menjawab. Jadi dari segi tanggungjawab saya rasa kerajaan telah menjalankan tanggungjawab seberapa yang termampu tetapi saya akan menyampaikan salam daripada Yang Berhormat itu. *[Ketawa]*

## **PENDATANG TANPA IZIN – KEMASUKAN SEWENANG-WENANG**

9. **Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian bagi menentukan supaya pendatang-pendatang tanpa izin tidak dapat memasuki negara ini dengan sewenang-wenangnya memandangkan pasport penumpang yang menggunakan perkhidmatan KTM tidak dicop semasa memasuki Malaysia.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, pendatang tanpa izin tidak dapat dengan sewenang-wenangnya memasuki Malaysia dengan menggunakan

perkhidmatan kereta api Malaysia di Tanjong Pagar, Singapura. Walaupun Jabatan Imigresen tidak mengecop pasport mereka, sebenarnya setiap penumpang yang hendak menaiki kereta api di pusat pemeriksaan Imigresen Tanjong Pagar diperiksa dengan teliti dahulu dan mereka yang layak sahaja dibenarkan masuk ke Malaysia dengan menaiki KTM tersebut.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini kita membuat program untuk penghantaran semula pendatang-pendatang tanpa izin. Saya pernah pergi ke Melaka baru-baru ini dan saya dapati pendatang dari luar negara yang bekerja di negara kita mungkin dengan izin begitu ramai melepak di bandar Melaka. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian kenapakah keadaan ini berlaku kerana ia memperlihatkan satu imej yang tidak begitu baik kepada negara kita dan juga telah pun menimbulkan masalah kebersihan dan juga kekotoran yang saya kira amat memalukan kita. Terima kasih.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat pergi ke Melaka pada masa terutamanya beberapa hari sebelum tamatnya tempoh pengampunan. Memang pada masa itu – ini satu kebiasaan manusia, selalunya apabila diberi satu tempoh mereka hanya sampai saat-saat akhir sahaja mereka baru hendak cuba keluar. Sebenarnya beberapa hari itu pihak berkuasa tidak boleh melarang mereka sebab kita sudah memberi pengampunan, kalau dia ada tiket feri ataupun tiket bot untuk balik, kita kena beri mereka tunggu di situ dan dalam satu, dua minggu itu begitu ramai yang telah berjaya balik melalui feri di Melaka.

Sejumlah 187,000 orang lebih telah pun pulang secara sukarela di bawah program pengampunan daripada 31 Ogos sehingga 15 November. Kalau dibandingkan dengan operasi kita, operasi penguat kuasa kita menangkap dengan susah payah, polis, imigresen pergi mencari dan sepanjang 10 bulan yang pertama dalam tahun ini kita hanya dapat menangkap 82,722 orang, pada hal kita beri mereka dua setengah bulan untuk mereka balik secara sukarela, lebih 187,000 orang balik. Ini bermakna tempoh pengampunan ini berkesan dan keadaan yang mengotorkan kawasan kita itu memang bukan selalu timbul, sesuatu yang tidak dapat dielakkan dan tidak disangka pada masa itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Soal Jawab Lisan sudah pun selesai.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 48 akan dijilid dalam buku berasingan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1999**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, 'Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.' [14 Disember 1998]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Abdillah sila sambung.

**11.08 pagi.**

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan menyambung semula ucapan saya daripada perenggan ini. Mereka pernah menjatuhkan nilai mata wang Sterling dan kegiatan mereka ini akan terus berlarutan. Menyedari hakikat inilah, maka Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri kita telah menyarankan secara terbuka di forum-forum antarabangsa supaya kegiatan pedagang-pedagang mata wang ini perlu diawasi dengan mengadakan satu peraturan di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya semua orang sedar dengan hakikat ini tetapi tiada seorang pun yang berani menyuarakan apa yang patut dibuat seperti apa yang telah disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Memang pada mulanya terdapat banyak pandangan yang bercampur-campur ataupun dengan izin, mixed reaction ke atas saranan beliau tetapi di akhir-akhir ini nampak sudah hasil pada cadangan beliau itu di mana ramai ketua negara di dunia ini telah bersetuju dengan pandangan beliau.

Saya percaya masalah yang telah kita tempuhi telah memberikan kita satu pengalaman dan pengajaran untuk masa akan datang. Kita hendaklah lebih berjaga-jaga lagi dan berwaspada dalam setiap usaha yang kita buat untuk membangunkan negara kerana anasir-anasir luar yang tidak senang melihat kita berjaya akan terus cuba mengacau usaha kita untuk mereka menguasai negara-negara membangun.

Oleh yang demikian, janganlah kita lalai dan lupa risiko yang tidak dijangkakan. Sebenarnya masalah yang kita hadapi selama ini adalah suatu cabaran yang perlu ditangani secara positif yang mana akan dapat membuat kita menjadi lebih matang lagi. Sebagai contoh, apa yang berlaku sekarang ketika kita berada di dalam gelanggang pertarungan kita mudah bertindak balas, dengan izin, react apabila dicabar, akibatnya kita mudah kalah apabila emosi menjadi tidak terkawal.

Oleh yang demikian, semasa kita menghadapi realiti yang ada sekarang ianya hendaklah ditangani secara positif melalui interaksi dengan pihak yang mencabar.

Tuan Yang di-Pertua, memang diakui bahawa adalah sukar bagi kerajaan hendak memenuhi semua kehendak rakyat apatah lagi dalam keadaan sekarang. Sepatutnya rakyat juga harus memahami dan bekerjasama dengan kerajaan dalam menangani masalah-masalah yang tertentu. Sebagai contoh, dalam keadaan di mana kos sara hidup telah meningkat disebabkan harga barangan menjadi lebih tinggi, rakyat hendaklah berbelanja dengan jimat, cermat dan hanya untuk keperluan yang penting sahaja. Sikap boros sebelum kegawatan ekonomi ini berlaku hendaklah diubah.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh beberapa perkara di dalam Belanjawan 1999 seperti berikut. Walaupun saya tidak akan menyentuh ataupun mengulas perkara-perkara itu dengan terperinci, namun saya akan cuba memberi pandangan saya bagi beberapa perkara untuk renungan kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, pengalaman kita sepanjang tahun 1998 mungkin dapat juga membantu kita dalam menjalankan tugas kita dalam tahun 1999. Seperti mana yang kita maklum, dalam tahun tahun 1998 juga kita telah dinasihatkan supaya berbelanja dengan cermat dan membuat sesuatu dengan mempunyai kos yang berkesan dan mengelakkan amalan yang tidak sihat seperti melambatkan projek. Saya berharap apa yang kita telah lalui sepanjang tahun 1998 akan dapat juga kita gunakan untuk menjalankan kegiatan dalam tahun 1999 dalam keadaan ekonomi kita yang kurang menyenangkan pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim kelmarin di mana beliau telah menyarankan supaya laporan audit bagi badan-badan tertentu harus juga dibincang dalam Dewan ini. Apa yang berlaku sekarang kita hanya menerima laporan dan disimpan begitu sahaja tetapi tiada pandangan lanjut mengenai laporan audit tersebut. Saya percaya dengan meninjau apa yang terkandung di dalam laporan audit tersebut, kita juga akan dapat memberi teguran bagaimana penyediaan anggaran perbelanjaan bagi tiap-tiap tahun dapat disusun dengan rapi supaya tiap-tiap anggaran perbelanjaan yang dibuat adalah hampir tepat pada maksud supaya ianya tidak hanya

diperuntukkan tetapi dalam tahun di mana ia digunakan tidak dapat dibelanjakan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai pendidikan, saya percaya pembangunan sesebuah negara adalah bergantung kepada pembangunan sumber manusia dan pendidikan adalah penting untuk membolehkan pembangunan ini dilaksanakan. Segala usaha kerajaan meningkatkan pencapaian negara dalam bidang pendidikan sangatlah dialu-alukan, walau bagaimanapun terdapat juga kelemahan di dalam pelaksanaannya di peringkat bawah. Dalam perkara ini saya ingin mengetengahkan kekurangan tenaga pengajar dalam mata pelajaran sains dan matematik di sekolah-sekolah yang berada di luar bandar terutama sekali di negeri Sarawak dan juga Sabah.

Segala usaha kerajaan dalam menangani masalah ini sememangnya dihargai terutama sekali dengan adanya penubuhan maktab-maktab perguruan khas untuk melatih guru-guru dalam bidang-bidang tertentu tetapi masalah kekurangan tenaga pengajar yang saya sebutkan tadi masih belum dapat diatasi, maklum sajalah setiap tahun jumlah murid-murid semakin bertambah. Pernah dalam Dewan ini saya memaklumkan bahawa di sebuah sekolah di Sarawak seorang guru yang mengajar Bahasa Inggeris terpaksa juga mengajar Sains dan Matematik kerana kekurangan guru yang berkenaan di sekolah tersebut.

Saya percaya kebanyakan daripada guru-guru sains dan matematik yang dilatih khas di dalam bidang ini ditugaskan di bandar-bandar, dengan itu sekolah yang terpencil di luar bandar kadangkala tidak dapat menikmati perkhidmatan guru-guru ini. Saya juga ingin menyarankan supaya guru-guru yang terlatih seperti ini harus juga dipindahkan ke sekolah-sekolah di luar bandar. Walaupun itu mungkin tidak akan menyenangkan mereka, mungkin sistem insentif boleh difikirkan untuk menggalakkan mereka mengajar di sekolah-sekolah luar bandar. Saya juga ingin menyarankan mungkin perlu guru dilatih bukan sahaja di dalam satu bidang tetapi juga dalam bidang lain yang diperlukan supaya guru ini menjadi serba boleh terutama sekali guru yang dilatih khas untuk mengajar di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, selain masalah kekurangan tenaga pengajar saya juga ingin menyarankan supaya sekolah-sekolah berasrama lebih bercorak multiratio,



dengan izin, supaya perpaduan dan persefahaman generasi baru kita untuk membentuk sebuah negara Malaysia yang tidak berbelah bagi akan dapat diwujudkan. Dengan cara begitu murid-murid yang terdiri daripada berbilang bangsa dan kaum akan dapat memahami dan menghormati budaya masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga kadang-kadang menghadapi atau mengalami masalah sosial dan disiplin di sekolah-sekolah. Kadangkala apabila masalah ini timbul barulah pihak-pihak tertentu bertindak. Seperti contoh, di masa-masa lampau pernah murid-murid ditangkap di sekolah kerana berbuat sesuatu yang tidak baik dan justeru itu banyak rakyat ataupun orang telah menyuarakan supaya murid-murid ini juga diajarkan pelajaran moral dan kalau tidak silap saya di dalam Dewan ini juga ada banyak Ahli-ahli Yang Berhormat menyarankan supaya pelajaran moral juga diadakan di sekolah-sekolah untuk menyedarkan murid-murid kepada nilai-nilai dan tata tertib yang baik untuk mengelakkan mereka daripada melakukan perkara-perkara yang sia-sia dan merugikan masyarakat dan mereka sendiri. Dengan ini saya berharap Kementerian Pendidikan telah menjalankan saranan-saranan yang telah dibuatkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan hendak membina rakyat pintar melalui kemudahan dan pendidikan teknologi bermaklumat juga adalah penting, tetapi tidak semua rakyat akan dapat menikmati kemudahan ini dari segi keupayaan mereka untuk membeli komputer dan juga kewujudan kemudahan-kemudahan yang berkaitan seperti bekalan tenaga elektrik dan telekomunikasi terutama sekali bagi mereka yang tidak berkemampuan atau pun mereka yang berada di luar bandar.

Oleh yang demikian, adalah wajar sekiranya bagi setiap kampung yang menjadi tumpuan penduduk-penduduk di sekelilingnya, kerajaan menyediakan satu 'kiosk,' dengan izin, di mana komputer dan kuasa elektrik dibekalkan dan ianya juga harus dilengkapi dengan tenaga pengajar.

Tuan Yang di-Pertua, pertanian juga banyak pentingnya kepada negara terutama sekali dalam keadaan kita sekarang, di mana kita telah mula menggalakkan banyak pengeluaran barang makanan dalam negeri untuk mengurangkan pengaliran wang kita ke luar negeri. Dalam Dewan ini juga, di masa-masa yang lampau apabila menteri-menteri ditanya mengapa kita

mengimport barang makanan, mengapa kita tidak mengeluarkan bahan makanan dalam negeri, jawapan yang selalu diberi ialah kos pengeluaran dalam negeri adalah begitu tinggi dan dengan itu maka adalah lebih baik kita mengimport.

Seperti yang saya maklumkan tadi, tiap-tiap satu masalah akan hanya timbul selepas sesuatu perkara berlaku dan selepas itu barulah kita mencari jalan untuk menyelesaikannya. Saya berharap setelah kita berusaha menambahkan pengeluaran barang makanan dalam negeri, kita tidak akan berulang balik kepada amalan kita di masa lampau, di mana kita mengurangkan pengeluaran di dalam negeri tetapi lebih berminat untuk mengimport.

Saya ingin juga memaklumkan di sini bahawa usaha kerajaan pada masa ini untuk memodenkan pertanian adalah digalakkan dan ianya dialu-alukan. Saya percaya dengan adanya kaedah baru dalam pertanian, mungkin tenaga pekerja yang digunakan tidak akan melebihi daripada yang patut dan kos pengeluaran juga dapat dikawal dan hasil pengeluaran juga akan dapat bertambah. Tetapi yang ingin saya ingatkan di sini ialah apabila keadaan ekonomi sudah pulih, usaha kita untuk mengeluarkan banyak lagi barang makanan tidak akan dilupa, sepatutnya diteruskan sepanjang masa supaya negara kita akan terus dapat menjadi self-sufficient, dengan izin, dalam pengeluaran barang makanan supaya kita tidak dapat dipermainkan oleh kuasa-kuasa luar di masa-masa yang akan datang. Mungkin di masa-masa yang akan datang, jikalau kita tidak mempunyai cukup makanan dalam negeri, apabila negara-negara luar memulaukan kita daripada barang makanan, kita juga akan mengalami masalah seperti apa yang kita hadapi sekarang. Contoh telah ditunjuk di negara Iraq misalnya, apabila negara itu dipulaukan oleh negara-negara besar, ramai rakyat telah mati kebuluran.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh sedikit mengenai pelancongan. Usaha kerajaan untuk mempertingkatkan pelancongan dalam negeri adalah dialu-alukan dan usaha kerajaan membina infrastruktur dan kemudahan-kemudahan pelancongan dalam negeri adalah dialu-alukan juga, tetapi dalam konteks ini saya berharap peredaran ataupun pergerakan pelancong-pelancong dalam negeri hendaklah digalakkan supaya mereka dapat melawat, bukan sahaja di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, tetapi juga di negeri Sabah dan Sarawak.

Dengan adanya pergerakan pelancong-pelancong yang terdiri dari rakyat Malaysia yang berbilang kaum ini, di antara negeri di Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak, ianya akan dapat mengeratkan lagi perpaduan di kalangan kita. Apatah lagi di negeri Sarawak, kita juga mempunyai banyak produk pelancongan yang menarik seperti Gua Niah dan Gua Mulu.

Sebenarnya perkara ini telah berkali-kali kita ulang dalam Dewan ini dan saya berharap pihak kementerian akan benar-benar serius mengambil jalan untuk menggalakkan lebih banyak lagi pergerakan di antara pelancong-pelancong dalam negeri di kedua-dua negeri di Malaysia Timur.

Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan untuk memberi satu hari pelepasan dalam sebulan untuk membolehkan rakyat mempunyai lebih masa melancong dalam negeri sambil memberi setiap keluarga itu lebih masa untuk berinteraksi dan bermesra dengan keluarga mereka sangatlah dialu-alukan. Sepatutnya kita telah mengadakan usaha ini terlebih awal lagi supaya kita dapat menggalakkan keluarga menggunakan lebih masa untuk mereka berinteraksi dan bermesra dengan anak-anak mereka dan juga dengan jiran tetangga supaya kualiti hidup mereka akan menjadi baik.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kesihatan, peruntukan yang diberi kepada Kementerian Kesihatan untuk mendirikan hospital dan menambah tenaga pekerja seperti doktor adalah dialu-alukan, tetapi walaupun peruntukan ini telah disediakan, banyak lagi hospital yang mengalami kekurangan tenaga doktor terutama sekali tenaga doktor pakar. Dengan ini saya ingin mencadangkan supaya kelonggaran juga diberi kepada doktor pakar yang berkhidmat di hospital-hospital kerajaan untuk membolehkan mereka berkhidmat dengan pihak swasta di waktu yang lapang, supaya mereka tidak berhenti kerja dengan kerajaan dan berkhidmat dengan pihak swasta.

Seperti mana yang kita maklum sekarang, Tuan Yang di-Pertua, iklim dalam negara kita adalah menggalakkan untuk penubuhan hospital-hospital pakar swasta dan ini telah banyak menyebabkan doktor-doktor pakar kerajaan berpindah bekerja di hospital swasta, maka dengan itu saya ingin ulang sekali lagi supaya kelonggaran

dapat diberi kepada doktor-doktor pakar yang berkhidmat dengan kerajaan juga berpeluang memberi khidmat mereka secara sambilan di hospital-hospital swasta.

Tuan Yang di-Pertua, soal alam sekitar semakin hari semakin menjadi penting. Kalau dahulu ianya hanya menjadi masalah dalam negeri, pada masa sekarang masalah alam sekitar boleh menjadi global dan ianya juga kalau tidak dikawal dalam negeri, boleh menyebabkan kesulitan dalam perdagangan negara dan seterusnya. Walaupun banyak peruntukan yang telah diberi kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk menambah peruntukan bagi keperluan mereka, saya ingin mencadangkan supaya lebih banyak lagi alat-alat yang canggih dibeli untuk Jabatan-jabatan Alam Sekitar supaya mereka dapat memperolehi teknologi baru, moden dan kepakaran yang tertentu untuk mengatasi ataupun untuk mencegah pencemaran berlaku dalam negeri.

Saya telah difahamkan juga bahawa Jabatan Alam Sekitar tidak mempunyai tenaga kerja yang cukup, maka dengan itu untuk membantu jabatan tersebut mengatasi masalah yang mungkin timbul daripada pencemaran maka perhatian khusus patut ditumpu kepada penambahan tenaga pekerja, alat-alat yang canggih, teknologi yang perlu untuk mereka menjalankan tugas.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini apabila kita hendak menghadapi La-Nina, tiap-tiap malam kadang-kadang pada masa-masa tertentu dalam Televisyen Malaysia kita akan dapat melihat tayangan filem di mana jabatan-jabatan tertentu telah melatih bagaimana mereka akan menyelamatkan rakyat apabila dilanda La-Nina. Tayangan ini dibuat seolah-oleh khas dibuat untuk menghadapi La-Nina, sehingga kita terfikir bahawa satu malapetaka yang besar akan menimpa negara kita. Pada hal latihan seperti ini sepatutnya dibuat dari masa ke semasa kerana ianya perlu untuk menyelamatkan rakyat. Jadi yang ingin saya ketengahkan di sini ialah cara tayangan dibuat adalah menakutkan, jadi saya berharap pihak RTM apabila membuat tayangan filem seperti ini biarlah ianya dalam unsur-unsur pengetahuan umum tetapi tidak dibuat seolah-olah menakut-nakutkan.

Bagi saya sendiri, sehingga sekarang saya masih lagi menunggu-menunggu seolah-olah satu malapetaka yang besar yang disebabkan oleh La-Nina akan tiba. Jadi dengan ini sebelum saya mengakhiri, ingin menyentuh sedikit mengenai perumahan.

Kerajaan yang prihatin kepada keperluan rakyat telah memberi peruntukan yang mencukupi untuk membantu rakyat yang tidak berkemampuan membeli

rumah-rumah kos sederhana. Walaupun demikian, saya berharap pihak yang dipertugaskan akan dapat menentukan supaya kualiti rumah itu dapat dibuat dengan baik. Jangan hanya difikirkan dari segi kos sahaja tanpa mengira kemudahan yang perlu dan kualiti rumah yang dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya akhiri ucapan saya dengan menyokong Rang Undang-Undang Perbekalan 1999. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin.

**11.35 pagi.**

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menyertai perbincangan Belanjawan 1999. Berikutan dengan pembentangan belanjawan ini banyak perkembangan yang meyakinkan untuk membolehkan kita memandangkan ke hadapan dengan positif dari segi ekonomi walaupun tidak menjanjikan suatu kemantapan bagi politik dan sosial di negara ini.

Dengan dibantu oleh strategi-strategi MTEN, belanjawan telah mengarahkan ke arah kerancakan pasaran dalam negara dari segi perbelanjaan pengguna bagi pembelian barangan-barangan yang diperlukan yang bukan pembaziran, peningkatan jualan kereta, peningkatan pasaran saham, pembayaran dividen ASB dan ASN yang di luar jangkaan, ertinya barangkali ramai orang menjangkakan lebih rendah tetapi telah diberi bayaran yang agak melegakan, pembayaran subsidi kepada kakitangan kerajaan RM400 dalam keadaan ekonomi yang masih genting, pembinaan semula capital projek, malah yang terakhir ialah kemudahan dan galakan bagi penjualan rumah. Jika kita tidak tahu menguruskan ekonomi maka tidak mungkin langkah-langkah yang meyakinkan ini dapat kita kemukakan dan dapat kita jalankan tetapi inilah yang ada pada kita yang membezakan kita dengan negara-negara lain yang membolehkan, saya rasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan baru-baru ini bahawa mereka yang cuba untuk minta kita supaya kita membatalkan penetapan kadar pertukaran asing supaya terjun ke laut.

Kata-kata ini tentu mengejutkan dan tidak menyenangkan kita tetapi inilah yang telah dilakukan dari masa ke semasa yang kadang-kadang agak menakutkan, kadang-kadang kita rasa menyinggung perasaan orang lain. Tetapi dengan kata-kata semua inilah keyakinan kita telah dibina dari masa ke semasa dan kita dapat keluar daripada keadaan ini dengan keadaan yang lebih meyakinkan.

Walaupun belanjawan ini dikemukakan dalam keadaan yang begini dan sedikit sebanyak telah meyakinkan dari segi memantapkan ekonomi tetapi kita

terus berada dalam satu krisis keyakinan yang paling besar dalam sejarah negara. Krisis keyakinan ini telah meliputi judiciary, polis, parti pemerintah, alim ulama malah parti-parti pembangkang sendiri yang merasakan bahawa mereka berada dalam satu keyakinan yang besar. Tetapi yang sebenarnya mereka sendiri adalah menghadapi suatu krisis entiti yang paling besar yang mereka sendiri tidak dapat melihat diri mereka sendiri.

Orang-orang Melayu berada dalam suatu krisis keyakinan yang meyakinkan bahawa demonstrasi di jalan raya akan dapat menyelesaikan masalah mereka. Pada hal pada suatu masa dahulu, saya masih ingat saya sendiri pernah menemui Menteri Dalam Negeri Allahyarham Tun Dr. Ismail. Allahyarham menyatakan bahawa apabila orang-orang Melayu telah mengambil kuasa di tangan mereka sendiri, mereka tidak lagi menjadi contoh kepada orang-orang lain. Kalau orang Melayu melompat 10 kaki, orang-orang bukan Melayu akan melompat lebih tinggi lagi dan hal ini apa yang paling menyedihkan mereka yang berdemonstrasi di jalan raya mempercayai bahawa cara-cara tidak berperlembagaan. Cara-cara yang bukan budaya kita dilakukan oleh sebahagian besarnya dilakukan oleh orang-orang Melayu sendiri. Ini bukanlah suatu contoh yang baik, sebagai satu tunjang, sebagai satu asas, sebagai satu model kepada politik Malaysia ini bukan peribadi kita. Hal ini adalah suatu hal yang amat menyedihkan. Bagaimana kalau orang bukan Melayu berdemonstrasi, bagaimana orang Melayu dapat satu kebebasan yang luar biasa. Kenapa kita tidak bertanya kepada diri kita sendiri. Kenapa kita tidak harus malu kepada diri kita sendiri sebagai suatu bangsa yang memerintah yang mengambil langkah-langkah yang tidak akan menjadi contoh yang baik kepada orang lain.

Dalam keadaan begini suatu parti yang terkenal sebagai suatu parti yang anti-Melayu, sebuah parti kuat dan ghairah menentang hak-hak istimewa orang-orang Melayu, parti ini oleh kerana dapat melihat satu kesempatan politik telah menyokong satu reformasi yang dicetuskan oleh Amerika di Indonesia tanpa mengambil kira apakah sebenarnya konotasinya dengan Indonesia.

Apakah ertinya reformasi. Parti ini telah bersekongkol dengan satu reformasi yang tidak disedarinya iaitu reformasi yang saya harus sebutkan iaitu DAP sendiri, ia menyokong satu reformasi menentang orang-orang Cina, suatu reformasi menyerang peniaga-peniaga Cina, suatu reformasi yang membunuh orang-orang Cina, suatu reformasi yang menyingkirkan orang-orang Cina daripada Indonesia. Inilah sebuah parti yang dalam keadaan krisis politik telah hilang identitinya di Malaysia.

Hal ini haruslah disadari oleh orang-orang bukan Melayu sendiri, orang-orang China sendiri, siapakah yang disokong? Adakah reformasi yang berlaku di Malaysia, reformasi yang telah diatur, suatu reformasi yang berlaku secara mendadak? Ia bukanlah satu rancangan tetapi lahir daripada satu krisis politik yang tidak dijangkakan dan tiba-tiba mereka melihat bahawa inilah satu kesempatan untuk menyokong dan tanpa memikirkan kepentingan-kepentingan politik, masing-masing telah terjerumus ke dalam satu lembah kehinaan politik yang tentunya menakutkan orang-orang China sendiri. Hal ini telah dilakukan oleh DAP di Malaysia. DAP sendiri telah hilang identiti, telah berada dalam satu kesamaran, telah berada dalam satu langkah politik yang tentunya tidak akan dilupakan oleh orang-orang China buat selama-lamanya.

DAP telah menyokong satu reformasi yang telah dilancarkan oleh orang-orang Indonesia untuk menentang orang-orang China di Indonesia. Inilah reformasi yang telah disokong oleh DAP di Malaysia dan dalam keadaan ini juga saya rasa suatu golongan lagi yang tentunya oleh mereka yang mengikuti sejarah. Satu golongan yang telah menentang begitu kuat imperialisme, neokolonialisme dan juga kapitalisme dari Amerika. Orang-orang ini telah melupakan sejarah. Orang-orang ini tiba-tiba tidak dapat melihat tentang agenda-agenda politik yang berlaku di sebalik suatu reformasi yang telah berkembang dari Korea Selatan ke Indonesia dan juga ke Thailand. Suatu reformasi yang bertujuan untuk mengambil alih kekuasaan politik dalam dasar globalisasi yang menjurus ke arah penguasaan Amerika secara yang lebih besar di dunia sebelah sini. Suatu reformasi yang bertujuan untuk mengimbangi kekuatan dan kebangkitan China di sebelah sini, suatu reformasi Amerika untuk menjamin kepentingan-kepentingan Amerika untuk selama-lamanya di kawasan ini, suatu reformasi untuk menjamin supaya China tidak menjadi ancaman kepada Amerika dan ini telah disokong oleh golongan-golongan yang terkenal sebagai golongan-golongan yang anti imperialis, anti-Amerika iaitu golongan yang saya maksudkan, golongan yang berada dalam parti rakyat.

Golongan-golongan ini terdiri daripada profesor, intelektual dan sebagainya dan saya hairan bagaimana mereka tidak dapat melihat agenda ini. Kita akui hakikat bahawa apa yang ada umpamanya APEC itu sendiri adalah American ployed yang diterima oleh kita, diterima oleh ASEAN dan beberapa lagi

kepentingan-kepentingan yang didukung oleh kita dalam soal-soal Iraq umpamanya kita tidak menyokong Iraq dalam perjuangannya. Itu hakikat politik sebabnya kita ada perhitungan sendiri tetapi pada hakikatnya, kalau kita keluar daripada aliran ini apakah kita akan berada pada keadaan ini. Kita tidak akan berada pada basic ekonomi iaitu kita masih berada dalam keadaan memerlukan makanan, pakaian dan sebagainya. Tetapi yang membolehkan kita berada pada keadaan sekarang yang tidak dapat dilihat oleh orang-orang intelektual, oleh golongan-golongan yang anti-Amerika yang dahulunya tidak dapat dilihat. Mereka tidak dapat melihat bahawa kita telah keluar daripada masalah basic yang masih menjadi struggle di Soviet Union dan di China. Itu adalah masalah basic, masalah foods dan pakaian, tetapi kita berada dalam satu kegawatan, dalam satu masalah yang sama dengan masalah yang telah dihadapi oleh negara-negara yang telah membangun itulah masalah kita.

Masalah yang kita hadapi sekarang, ialah kegawatan iaitu apa yang kita hadapi sekarang. Kegawatan kita ialah untuk menyempurnakan highway untuk menyempurnakan lebuhraya. Masalah kita ialah untuk membolehkan rakyat mempunyai rumah-rumah yang indah dalam satu kawasan kediaman dengan landscaping yang baik. Masalah kita ialah masalah untuk menegakkan satu masyarakat multimedia. Ini bukan masalah negara-negara yang basic yang kita telah keluar, bagaimana kita sampai kepada masalah ini kalau kita hanya rhetoric kalau kita hanya bercakap seperti zaman Sukarno dahulu kalau kita telah menerima nilai-nilai ini, bagaimanakah kita berada pada peringkat itu. Ini adalah kerana keupayaan kita joint atau jump in their bid dalam vengeance mereka dan menggunakan strategi mereka untuk memerangi mereka atau untuk bersama dengan mereka tetapi kita cuba dengan rhetoric mereka, kalau kita cuba mengikut dengan cara-cara mereka mungkin kita akhirnya menjadi alat yang boleh diperkotak-katikkan oleh Amerika sendiri iaitu bagaimana kita melihat keadaan di Soviet Union sendiri.

Bagi China walaupun kita berbangga, China sebagai sebuah negara yang telah maju tetapi sebenarnya siapa yang pergi ke China mestilah mengakui hakikat di manakah pertumbuhan yang cepat 10% dan sebagainya. Pada keseluruhannya rakyat di China, di kampung-kampung masih menderita, masih dalam keadaan yang jauh ketinggalan tetapi kita diyakinkan bahawa seolah-olah pertumbuhan itu



telah hebat - tidak. Soviet Union masih boleh diperkotak-katikkan oleh Amerika, boleh diaturkan politiknya kerana mereka telah jauh ketinggalan, jauh ketinggalan dari kita sendiri, 50 tahun ke belakang. Tetapi kita dalam suatu perjuangan yang simpang siur ini, kita telah sampai ke peringkat ini kerana kita telah berada dalam satu sistem yang sama yang 'kalut' sekiranya kita tidak berbuat demikian maka keadaan kita adalah seperti di Burma, Kampuchea dan seperti di negara-negara Indo-China yang lain.

Inilah kejayaan kita, saya rasa bahawa kita telah mengambil langkah yang benar daripada awal lagi, pada awal kemerdekaan kita. Jadi hal inilah, saya rasa satu krisis keyakinan di mana kita sekarang berada dan kita tidak dapat melihat di mana kebenaran kita. Dalam keadaan ini juga saya rasa parti PAS sendiri terdorong untuk menyokong demi untuk kepentingan politiknya, kerana kerakusan, melihat ini sebagai satu kesempatan untuk bangun untuk mengambil pengaruh politiknya mereka telah keluar daripada nilai-nilai mereka sendiri. Mereka sanggup bersekongkol dengan kepimpinan yang kredibilitinya masih diragui dan saya mengatakan alim ulama sendiri berada dalam satu krisis ialah oleh kerana kita yakin bahawa golongan kita, golongan yang berserban, golongan yang memakai kopiah putih, golongan yang mengeluarkan hadis dan ayat Quran, adakah golongan-golongan ini sanggup untuk melakukan perkara-perkara yang unislamic.

Kita tidak percaya umpamanya adalah luar biasa kalau seorang polis mencuri. Adalah luar biasa, bagi seorang guru umpamanya melakukan sesuatu yang di luar pengajarannya. Itu adalah perkara-perkara yang luar biasa, tetapi dari pengalaman saya sendiri perkara ini tidak banyak, saya pernah membuat liputan berita sendiri seorang yang bekerja di pejabat agama, seorang tokoh agama yang besar di Pulau Pinang, yang membaca doanya tidak begini [*sambil menadah tangan*] tetapi begini [*menadah tangan lebih tinggi daripada kepala*] dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan memakan wang zakat.

Jadi perkara-perkara ini di luar kebiasaan. Apabila orang-orang yang dalam golongan kita sendiri melakukan perkara-perkara yang mungkar, kita tidak sukar untuk mempercayainya, tetapi kita akan terus cuba untuk menganggap ini sebagai satu perkara yang mengaibkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau boleh pendekkan oleh sebab ...

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Ya, saya akan pendekkan. Insyallah saya habiskan pada pukul 12.00 tepat. Jadi saya ingat ini adalah suatu perkara yang saya rasakan di mana keyakinan kita tercabar dan alim ulama kita berada dalam keadaan yang juga tercabar dengan masalah ini yang memerlukan suatu keyakinan diri untuk menghadapi masalah-masalah ini dan saya rasa yang tercabar ialah UMNO sendiri. Pihak orang-orang Melayu sendiri yang tiba-tiba, saling memecahkan pekung masing-masing. Yang telah menjadi asas kepada kita sampai kepada sekarang ini iaitu *laissez-faire* budaya iaitu kita sendiri berada dalam budaya ini dan masing-masing mendedahkan satu keburukan masing-masing yang saya rasa meminta supaya pengkajian terhadap diri sendiri, melihat kepada keadaan diri sendiri apakah salah kita, di mana salah kita.

Bagi saya sendiri bahawa budaya kronisme dan nepotisme itu tidak salah. Inilah kita sampai pada keadaan sekarang ialah kerana budaya ini tetapi budaya ini haruslah dikaji semula dan dasar kronisme dan nepotisme ini mestilah dijalankan dengan lebih berani dan lebih tegas lagi tetapi ia haruslah berlaku secara yang lebih adil supaya tidak menampakkan monopoli dan tidak menampakkan kerakusan dan lebih menampakkan keadilan sosial yang menyeluruh.

Hal ini kita tidak boleh menafikan bahawa perlu dan kebanyakan orang Melayu sendiri tidak boleh menafikan bahawa keadaan yang ada pada hari ini di mana kita berada pada hari ini adalah kerana budaya kronisme dan nepotisme itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya memendekkan ucapan ini iaitu dalam keadaan yang telah saya katakan tadi, kita belum keluar daripada krisis ekonomi, selain daripada langkah-langkah pemulihan ekonomi yang meyakinkan yang telah diambil oleh MTEN dan juga oleh kerajaan keseluruhannya, kita mestilah mengambil langkah pemulihan, keyakinan politik yang saya rasa mesti dilakukan dengan mengatasi masalah krisis kepimpinan Melayu itu sendiri.

Dalam hal ini yang boleh melakukannya ialah saya rasa Perdana Menteri sendiri. Soal pokok yang kita hadapi sekarang yang telah disuarakan dan yang telah menjadi percakapan dan menjadi perbualan sekarang ialah ketidakpercayaan terutama orang Melayu sendiri dalam keadaan kemantapan politik di Malaysia terutamanya ini adalah oleh kerana kita tidak ada Timbalan Perdana Menteri.

Tidak adanya penetapan dalam hal ini menyebabkan kita terus berada dalam satu krisis keyakinan yang besar. Saya rasa inilah juga yang menyebabkan foreign media meneruskan kempen untuk mengatakan bahawa Perdana Menteri ingin untuk berkuasa terus menerus.

Saya rasa perlantikan ini harus dibuat dengan segera untuk memulihkan keyakinan, sebab dari segi banyak perhitungan yang dibuat oleh Perdana Menteri dalam keengganannya untuk membuat keputusan ini dengan cepat iaitu, pertama mungkin oleh kerana setiap bakal Perdana Menteri yang telah dicalonkannya telah berakhir dengan tidak sampai kepada yang diharapkan - mungkin. Jadi, beliau telah mempunyai satu ketakutan untuk membuat perlantikan. Tetapi sekarang orang ramai sendiri merasakan, orang-orang UMNO sendiri, orang-orang Melayu dan seluruh negara, saya rasa bukan saya bercakap bagi pihak diri saya sendiri tetapi inilah perasaan menyeluruh yang ada bahawa perlantikan ini harus dibuat.

Kalau perhitungannya tentang kualiti seseorang untuk menjadi Perdana Menteri, saya ingat kualiti itu memang perlu tetapi segala kriteria yang keterlaluan yang telah diambil tidaklah semestinya akan menjamin suatu kemantapan yang kekal. Umpamanya dalam soal perlantikan bakal calon Timbalan Perdana Menteri sendiri kita telah memilih seorang yang mempunyai 'the highest calibre' dalam politik dan juga mempunyai kualiti keagamaan, kualiti kepimpinan dan sebagainya, akhirnya perkara itu tidak jadi juga. Perkara ini haruslah diselesaikan dengan cepat demi untuk memulihkan keyakinan rakyat dan untuk mengelakkan suatu perpecahan yang lebih besar dalam masyarakat Melayu.

Kalau sekiranya perlantikan tidak dibuat dengan cepat, saya kira perpecahan akan lebih besar dalam masyarakat Melayu sendiri sebab sekurang-kurangnya apabila perlantikan seorang pemimpin telah ditentukan maka apa juga persaingan yang berlaku, persaingan itu sudah tidak besar lagi dan berdasarkan kepada perhimpunan yang telah berlaku dua hari lalu, keyakinan telah diberikan kepada kepimpinan untuk mengambil langkah-langkah yang boleh mengekalkan perpaduan rakyat dan kesetiaan kepada kepimpinan yang ada. Maka, saya rasa walau apa juga perlantikan yang dibuat akan diterima dengan baik oleh rakyat dan akan menjamin keyakinan yang berpanjangan kepada kerajaan yang ada sekarang.

Kebimbangan yang paling besar ialah kalau sekiranya tunjangan politik Malaysia, orang-orang Melayu berpecah belah maka satu senario politik yang baru akan muncul, inilah yang membimbangkan. Apakah kita sanggup, di mana kelemahan kuasa orang-orang Melayu akan menakutkan orang-orang bukan Melayu sendiri. Apakah MCA dan lain-lain akan sanggup bekerjasama untuk menubuhkan kerajaan dengan orang-orang PAS, apakah ini satu senario politik ataupun satu campuran DAP dan sebagainya? Yang penting ialah kekuatan parti yang boleh bekerjasama dengan orang-orang bukan Melayu di negara ini, ini telah dibuktikan oleh UMNO dan oleh parti Melayu yang terbesar dan kita diminta dijauhkan Allah bahawa suatu keruntuhan kuasa Melayu akan berlaku kerana satu sentimen masalah peribadi seseorang dan kita mengorbankan kepentingan perpaduan yang lebih besar untuk kepentingan orang-orang Melayu. Inilah yang menakutkan yang harus saya kemukakan sebagai satu curahan pendapat yang saya harap akan dapat difikirkan bersama.

Selain daripada itu saya juga ingin pergi kepada satu perkara lagi, hanya ada lima minit lagi, secara ringkasnya.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Zainudin, saya ingat masa sudah cukup. Ada lima atau enam Ahli Yang Berhormat lagi yang akan berucap.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mematuhi arahan yang dibuat dan saya rasa apa yang akan saya cakapkan pun tidak penting lagi dan saya tamatkan setakat ini. Terima kasih dan saya menyokong Belanjawan yang telah dibentangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Norjan dahulu selepas itu saya minta Yang Berhormat To' Puan Wan Seri.

**11.56 pagi**

**Datuk Norjan binti Khan Bahadar:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang membahas Usul Belanjawan 1999 yang telah dibentangkan oleh

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan I di Persidangan Dewan Rakyat pada 23 Oktober 1998.

Sebagai salah seorang Ahli Dewan Negara, saya telah tertarik dengan beberapa cadangan yang terkandung dalam Belanjawan 1999 seperti peruntukan khas yang berjumlah RM390 juta bagi pembinaan jambatan dan jalan raya, sejumlah RM138 juta bagi pembangunan luar bandar di negeri Sabah. Di samping itu, saya juga mengalu-alukan cadangan untuk memberikan peruntukan yang secukupnya bagi pembinaan kampus Universiti Malaysia Sabah. Saya ingin mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Kerajaan Persekutuan terhadap keperluan infrastruktur pendidikan dalam pembangunan luar bandar bagi negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, saya juga mengalu-alukan cadangan untuk memberikan beberapa insentif yang bertujuan untuk merangsang sektor pelancongan dan pertanian yang saya percaya insentif ini boleh membantu meningkatkan prestasi sektor berkenaan. Cadangan membangunkan sektor maritime dengan lebih agresif lagi melalui peningkatan penggunaan pelabuhan-pelabuhan tempatan dan pembangunan kegiatan perkapalan termasuklah pembaikan serta penyelenggaraan kapal sememangnya amat bertepatan.

Namun demikian di dalam Dewan yang mulia ini, suka saya mengambil kesempatan ini, menarik perhatian ahli-ahli Dewan yang mulia ini, bahawa sektor maritime sebenarnya adalah satu sektor yang amat strategik terutama bagi negeri Sabah. Kedudukan geografi negeri Sabah yang strategik di dalam rangka rantau kawasan pertumbuhan ASEAN sebelah Timur atau BIMP-EAGA dengan jelas menunjukkan betapa pentingnya peranan sektor maritime bagi negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Sabah sebenarnya boleh memainkan peranan sebagai pembangunan maritim yang amat sesuai dengan rantau BIMP-EAGA.

Antara kegiatan-kegiatan maritim yang berpotensi yang diterokai di negeri Sabah termasuklah pergerakan muatan perikanan, pelancongan, perkhidmatan feri penumpang dan kegiatan sokongan bagi pengeluaran gas dan minyak laut. Dalam menyedari akan hakikat ini, Kerajaan Negeri Sabah telah menyediakan agenda pembangunan maritim bagi negeri Sabah pada tahun lalu melalui sebuah dokumen yang dikenali sebagai Rangka Pembangunan Strategik Maritim Sabah. Dokumen tersebut telah menggariskan keperluan untuk membangunkan negeri Sabah sebagai pusat perkhidmatan maritim yang bertaraf dunia yang mampu menyediakan kemudahan yang berupaya bukan sahaja menghubungkan pusat-pusat pertumbuhan ekonomi dan rantau BIMP-EAGA, malah mampu untuk menyediakan perkhidmatan sokongan bagi menghubungkan rantau BIMP-EAGA dan lain-lain kawasan yang pesat pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada keperluan asas yang diperlukan bagi menggerakkan industri maritim di negeri Sabah ialah menyediakan kemudahan infrastruktur asas pelabuhan dan peningkatan keupayaan, kemudahan, perkhidmatan dan penyelenggaraan kapal di pelabuhan-pelabuhan utama di negeri Sabah iaitu Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau dan Kudat. Oleh itu, memandangkan potensi perkembangan industri maritim bagi negeri Sabah adalah amat cerah, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan supaya Kerajaan Pusat dapat memberikan beberapa insentif untuk menggalakkan pembangunan industri maritim di negeri Sabah dan ini termasuklah memberikan insentif pengecualian cukai pendapatan kepada aktiviti pembaikan dan penyelenggaraan kapal seperti yang diberikan kepada Pulau Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya difahamkan Universiti Malaysia Sabah telah pun mempunyai beberapa program penyelidikan yang berkaitan dengan dengan aktiviti maritim melalui Unit Kajian Marin Borneo. Di samping itu, pihak Bank Pembangunan Asia, ESCAP dan 'Damshape' juga telah melaksanakan beberapa kajian yang berkaitan dengan sektor maritim di negeri Sabah. Kesemua kajian ini menunjukkan bahawa sektor maritim sememangnya mempunyai potensi yang cerah untuk dibangunkan di negeri Sabah.

Di samping itu, pembangunan industri maritim di negeri Sabah sekali gus boleh membantu mengurangkan kadar kemiskinan di negeri Sabah. Sebagai yang kita sedia maklum negeri Sabah pada masa kini mempunyai kadar kemiskinan antara yang tertinggi berbanding dengan negeri-negeri lain walaupun kadar insiden kemiskinan secara umumnya sudah berkurangan. Salah satu kumpulan masyarakat yang mengalami insiden kemiskinan yang tinggi di negeri Sabah ialah masyarakat nelayan. Dalam sektor pelancongan umpamanya negeri Sabah mempunyai banyak pulau yang terkenal di merata dunia sebagai pusat menyelam dan amat menarik serta kaya dengan pelbagai jenis ikan.

Di samping itu, kedudukan geografi negeri Sabah yang strategik juga menyebabkan ia menjadi salah satu daripada tempat persinggahan utama bagi para peminat kapal layar antarabangsa. Sekiranya perancangan yang sistematik dibuat dan dilaksanakan dari sekarang, tidak mustahil bagi negeri Sabah menonjol sebagai sebuah pusat perangan terhebat di Asia Tenggara. Pembangunan industri maritim di negeri Sabah tentunya boleh membuka banyak peluang pekerjaan dan perP-EAGAAan bagi masyarakat nelayan setempat yang sememangnya sejak zaman berzaman sudah terkenal dengan pelbagai kemahiran di dalam ilmu pelayaran, seni bina, membuat perahu dan kemahiran menangkap ikan. Oleh itu, pembangunan industri maritim tentunya boleh mengurangkan kadar kemiskinan di samping membuka peluang kepada pelabur untuk menerokai industri baru.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga sedia maklum antara beberapa cadangan yang telah diutarakan di dalam menangani kegawatan ekonomi ialah menggalakkan urusan perdagangan tukar barang, negeri Sabah sebenarnya memang sudah sekian lama terlibat di dalam kegiatan perdagangan tukar barang dengan pedagang-pedagang dari negara jiran. Kerajaan Negeri Sabah melalui pembangunan strategik maritim Sabah juga telah mengenal pasti beberapa lokasi yang boleh dibangunkan sebagai pusat tukar barang, sekiranya rancangan ini dapat dilaksanakan terutama dapat membantu negara di dalam proses pemulihan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya selaku seorang Ahli Dewan Negara dari Sabah amat berbesar hati sekiranya pihak Kerajaan Pusat dapat memberikan beberapa insentif dan bantuan untuk membangunkan industri maritim di negeri Sabah. Saya

juga ingin menarik perhatian Dewan, berkaitan dengan peruntukan sebanyak RM265 juta yang dicadangkan untuk mengawal pencemaran alam sekitar walaupun kita menghadapi krisis ekonomi, namun pemulihan alam sekitar tidak seharusnya ditekankan. Kita harus menjadikan sumber alam sekitar tidak sebagai model untuk pembangunan yang berterusan dan bukannya sebagai kos melepas. Oleh itu, saya mencadangkan agar penekanan harus diberikan terhadap pendidikan alam sekitar yang lebih bersistematik sungguhpun ia harus melibatkan setiap golongan masyarakat. Namun penekanan dan modul khusus harus ditekankan pada golongan muda ataupun pada peringkat awal lagi kerana dengan memberi pendidikan pada peringkat awal lagi akan dapat menanam semangat cintakan alam sekitar dan barang pasti akan berterusan sepanjang hidup mereka.

Kementerian Pendidikan juga seharusnya mengambil langkah yang proaktif dalam perkara ini. Sudah tiba masanya pendidikan alam sekitar diperkenalkan secara khusus di peringkat rendah dan menengah. Kita harus sedar alam sekitar merupakan isu global yang serius. Selain itu, dalam peruntukan yang dicadangkan sebanyak RM170 juta untuk pelancongan, saya mencadangkan agar penekanan diberikan terhadap pemulihan dan pengindahan kawasan peranginan seperti pesisiran pantai dan taman-taman negara. Adalah perlu bagi kita mempertingkatkan kualiti dan daya tarikan kawasan-kawasan tersebut untuk mengekalkannya bagi kedatangan pelancongan di samping mendidik masyarakat untuk menyintai alam sekitar. Antara langkah yang patut diambil adalah mempertingkatkan lagi kemudahan-kemudahan asas di kawasan terbabit.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan agar kerajaan memperuntukkan Tabung Khas Alam Sekitar yang akan digunakan dan disalurkan kepada masyarakat melalui pertubuhan bukan kerajaan dan organisasi masyarakat di suatu tempat. Tabung tersebut adalah untuk membolehkan anggota masyarakat menjalankan aktiviti penjagaan alam sekitar sendiri, seperti penjagaan kualiti air sungai dan kawasan hutan di tempat masing-masing. Langkah seumpama ini akan dapat membantu mengatasi masalah kekurangan pegawai penguatkuasaan alam sekitar dan yang lebih penting adalah keterlibatan masyarakat itu sendiri. Ia akan dapat menanamkan semangat menyintai alam sekitar, langkah seumpama ini



sebenarnya telah dijalankan di negara-negara lain seperti Australia dan ternyata ianya mendatangkan kesan yang positif khususnya dalam aspek mempertingkatkan kesedaran masyarakat terhadap penjagaan alam sekitar. Sekian, terima kasih

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat To' Puan Wan Asiah. Selepas itu saya jemput Datuk Joseph.

#### **12.10 tgh.**

**To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon izin untuk sama-sama turut membahaskan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 23 Oktober di Dewan Rakyat yang mulia dan kemudian dibaca bagi kali kedua oleh Menteri Kewangan II pada dua minggu sudah. Belanjawan ini membuktikan kerajaan masih prihatin kerana memberikan perhatian kepada perkhidmatan berimbang dan usaha-usaha memulihkan ekonomi negara serta mewujudkan masyarakat yang sihat dan bertanggungjawab. Saya yakin Belanjawan ini dapat membuktikan dan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara terutama bagi mengurangkan kadar kemiskinan, membangunkan sektor pendidikan luar bandar serta meningkatkan kecairan bagi menolong pemulihan ekonomi dengan lebih cepat.

Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah dapat menyediakan belanjawan yang bermanfaat kepada semua lapisan masyarakat dengan isi bahasa yang mudah difaham dan mudah dimengertikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usaha kerajaan dalam menyediakan peruntukan yang begitu besar bagi menangani masalah sosial dan gejala dadah serta meningkatkan syiar Islam. Dengan peruntukan yang begitu besar itu, adalah diharapkan supaya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dapat menyusun atur program yang lebih menekankan kepada akidah dan nilai-nilai Islam bagi masyarakat terutamanya mengenal pasti kumpulan sasaran sama ada di bandar mahupun di luar bandar dengan menambahkan para pendakwah dan kaunselor yang berwibawa dan terlatih. Saya juga ingin menyarankan supaya JAKIM mengkaji semula imbuhan kepada guru-guru KAFA di seluruh negara, kerana mengikut

keadaan sekarang imbuhan itu terlalu rendah dan patut dikaji untuk kesesuaian pada masa kini.

Saya ingin menyentuh mengenai Majlis Agama Islam dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri. Adalah disarankan supaya memperbanyakkan pendidikan awal, pendidikan asas agama dengan memperbanyakkan bilangan pusat bimbingan asuhan anak-anak (nursery), tadika dan tabika kerana pendidikan awal ini perlu diberikan kepada anak-anak dan kanak-kanak yang kecil, kerana memandangkan kebanyakan wanita kita bekerja dan tidak mempunyai ruang masa yang banyak untuk mendidik dan berceloteh dengan anak-anak. Maka pendidikan awal ini sesuai dikelolakan oleh Majlis Agama Islam kerana cara pendekatan roh Islam dan roh keimanan itu pada peringkat awal adalah lebih baik, untuk menjadikan anak-anak ini apakala dewasa akan menjadi anak-anak yang penuh dengan roh Islam, roh keimanan dan roh takwa.

Satu lagi, saya ingin menyentuh mengenai poligami. Saya ingin menyentuh mengenai poligami ini bukanlah bertujuan untuk menyekat apa yang diharamkan oleh Allah S.W.T., tetapi bagi memperkemaskinikan syarat-syarat poligami yang sedia ada. Syarat yang sedia ada ialah dengan persetujuan isteri atau tidak tetapi masih dia buat juga, itu hanya syarat sahaja. Kemampuan untuk berpoligami dengan tidak menyebut tentang nafkah anak dan isteri yang pertama sebelum berpoligami. Saya rasa ini amat mendukacitakan kerana banyak kes yang berlaku hari ini ialah banyak isteri, bukan isteri tunggal tetapi isteri yang ditinggalkan oleh suami akibat poligami, anak yang ditinggalkan oleh bapa akibat poligami ini tanpa nafkah, tanpa pengawalan, tanpa belas kasihan, tanpa kasih sayang. Maka anak-anak inilah menjadi penyakit masyarakat yang ditanggung oleh kerajaan hari ini.

Maka saya memohon di Dewan yang mulia ini supaya kalau boleh diletakkan satu syarat lagi iaitu setiap seseorang yang hendak berpoligami hendaklah menentukan nafkah bagi anak, bagi isteri dan anak dengan isteri yang pertama mengikut pendapatan masing-masing setiap bulan dan majikan boleh membuat potongan gaji masing-masing mengikut apa yang ditetapkan oleh Mahkamah Syariah.

Mengenai Rang Undang-undang Keluarga Islam. Rang undang-undang ini memang....

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** *[Bangun]*

**To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Minta laluan. Saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat telah tidak dimaklumkan yang mengatakan ada saluran-saluran yang telah disediakan oleh pihak jabatan agama bagi membolehkan isteri-isteri membuat tuntutan terhadap nafkah daripada peninggalan suami terhadap isteri dan anak-anak. Saya mengharapkan pihak badan NGO dapat menyampaikan maklumat ini kepada pihak-pihak tertentu supaya perkara yang berkaitan dengan poligami ini tidak boleh menyulitkan pihak yang mempunyai niat dan matlamat untuk berpoligami pada masa yang akan datang.

**To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, pada saya kalau ada jalan yang paling mudah mengapa kita cari jalan yang paling susah hendak buat aduan itu aduan ini. Kalau Yang Berhormat hendak pegang hidung janganlah sampai tangan itu pusing ke belakang, lebih baik kita capai dari depan, lagi mudah. Jadi, dengan peruntukan yang ada kalau kita tambahkan satu lagi column syarat di situ, saya rasa adalah lebih mudah dan tidak menyusahkan.

Mengenai Rang Undang-undang Keluarga Islam amat baik dan praktikal sekali. Tetapi apalah guna undang-undang yang baik kalau sipemakainya tidak mengetahui akan manfaatnya. Maka undang-undang ini perlu diberi penerangan yang lebih luas lagi kepada pemakai-pemakainya terutama di kalangan umat Islam baik lelaki mahupun perempuan.

Saya ingin menyentuh mengenai rumah kos rendah. Memang banyak diperkatakan mengenai rumah kos rendah ini, adalah amat baik dan menolong golongan yang berpendapatan rendah. Tetapi ada segelintir manusia yang tidak terlibat dengan rumah kos rendah ini dan tidak layak untuk memiliki rumah kos rendah ini ialah golongan wanita yang tidak berkahwin. Kerana syarat-syarat untuk mendapat rumah kos rendah ini ialah bertaraf perkahwinan. Maka gugurlah bagi wanita-wanita yang tidak berkahwin walaupun mereka ini, ada tanggungan seperti ibu, anak angkat, adik, kakak dan sebagainya.

Maka, saya mohon izin di sini supaya dikaji semula syarat-syarat untuk mendapat rumah kos rendah ini meliputi wanita yang belum berkahwin. Ke mana mereka hendak mencari tempat Tuan Yang di-Pertua, hendak beli rumah kos tinggi tentu tidak mampu, tanah tidak ada, ke mana orang ini hendak pergi. Apa malangnya nasib orang yang macam ini? Maka saya harap dapat dipertimbangkan.

**Tuan N. Marimuthu:** *[Bangun]*

**To' Puan Wan Seri Asiah binti Ahmad:** Ya, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Oleh sebab masa kurang ....

**Tuan N. Marimuthu:** Terima kasih. Satu laluan saja. Bagaimanakah kalau lelaki tidak kahwin, macam mana mahu dapatkan rumah itu?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak kahwin, pergi cari MIClah. *[Ketawa]*

**To' Puan Wan Seri Asiah binti Ahmad:** Kalau lelaki tidak kahwin, lebih baik cari Dato' Seri S. Samy Vellu.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi saya hendak sambung mengenai penyertaan bumiputera dalam industri petroleum. Saya dapati program-program menggalakkan penyertaan bumiputera adalah amat bagus. Bagaimanakah pelaksanaan, sambutan dan pencapaian program yang telah disediakan ini, adakah ia mencapai matlamat yang digariskan dan adakah program-program ini dikaji dari masa ke semasa dari aspek tertentu bagi tujuan mempertingkatkan keberkesanan program-program ini?

Kedua, industri kapal sokongan luar pantai. Bagaimanakah tahap keupayaan dan kemampuan syarikat-syarikat perkapalan tempatan dalam merebut peluang-peluang dan memenuhi keperluan industri kapal sokongan luar pantai. Saya kira khidmat syarikat-syarikat kapal asing memang perlu tetapi adakah kerajaan mengambil kira dengan menyewa kapal-kapal syarikat asing ini menyebabkan pengaliran wang keluar yang banyak kerana sudah tentu sewaan-sewaan dan segala perkhidmatannya dibayar dengan Dollar US tidak dengan Ringgit Malaysia. Oleh itu saya berharap dan mencadangkan kerajaan lebih bersungguh-sungguh dalam memberikan galakan kepada industri kapal sokongan luar pantai ini kepada bumiputera kerana mengikut jangkaan yang dikeluarkan oleh Petronas dalam *The Star* 13 Julai 1998, bahawa pelaburan dibidang minyak dan gas di antara tahun 1997 hingga 2001 melebihi RM56 juta. Maka, tidakkah ini memberi satu peluang kepada bumiputera untuk menyertainya.

Dengan ini saya pohon menyokong Belanjawan 1999. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Joseph Balan Seling.

**12.32 tgh.**

**Datuk' Joseph Balan Seling:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Disebabkan masa agak singkat, saya cuba berlari lajulah sedikit, tetapi kerana usia sudah meningkat, tidak begitu cepat seperti dulu.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan 1 dan Yang Berhormat Menteri Kewangan II yang telah membentangkan satu Rang Undang-undang Belanjawan dan Perbekalan bagi tahun 1999 yang begitu ketara sekali kepada kita, canggih, bijak untuk membanteras, memulih dan seterusnya mengembang ekonomi negara sehingga berani masuk dalam satu defisit yang terbesar dalam dekat ini. Juga syabas dan tahniah saya ucapkan kerana kerajaan dan pucuk pimpinan yang bijak telah mengambil langkah dan tindakan yang cepat dan tepat untuk mengawal sistem kewangan pada masa ini yang pada mula-mulanya sangat diragukan dan dikritik, baik dari dalam dan luar negeri tetapi baru-baru ini sudah ketara sekali ianya sangat berkesan. Banyak pelabur telah pulih kepercayaan dan keyakinan mereka untuk melabur kembali di negara ini.

Saya juga senang melihat bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi kepastian bahawa capital control ini bukan akan berterusan selamanya, sampai masanya akan dilonggarkan. Saya sendiri rasa ini adalah bijak kerana dalam jangka panjang, saya percaya sesebuah negara tidak akan dapat terus berada dalam satu isolism. Kita harus membuka kembali kepada dunia luar.

Dan juga kita lihat sistem perbankan yang telah diuruskan semula supaya membolehkan para peminjam mendapat wang dengan mudahnya daripada bank-bank. Tetapi daripada laporan-laporan dan penerangan-penerangan yang kita telah dengar dalam Dewan ini, ada masalah. Pihak bank tidak begitu mudah memberi dan sebab-sebabnya kita mengetahui juga, kita faham ada sebab-sebabnya. Ada bank yang menyatakan kurang orang meminjam tetapi para peminjam menyatakan bank ragu-ragu atau enggan memberi pinjaman. Adakah baik jikalau kerajaan menubuhkan satu one-stop loan institution untuk para peminjam kerana wang yang diberi oleh kerajaan melalui bank tidak begitu sampai kepada rakyat dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini dan pada masa akan datang pun saya rasa yang terpenting sekali di negara kita adalah kestabilan politik. Kestabilan politik ini adalah tanggungjawab setiap insan yang ikhlas dan taat setia kepada raja dan negara. Segala usaha, cita-cita dan impian yang lain akan gagal dan musnah

belaka kecuali ada kestabilan politik di negeri ini. Pada masa ini saya rasa adalah penting sekali bagi segala parti komponen dalam Barisan Nasional dan bahkan rakyat seluruhnya untuk saling merapat diri (close friend) dan memberi sokongan yang padu kepada pucuk pimpinan kita pada masa ini. Bila sebuah kapal belayar melalui laut yang bergelora dan angin taufan yang dahsyat melanda, adalah penting sekali bagi anak-anak kapal tidak berkelahi dan panik serta bergaduh dan menuduh sesama sendiri. Lebih penting bagi mereka untuk menyokong dan membantu jurumudi, juragan dan kapten kapal itu supaya dapat melalui laut yang bergelora dan ombak yang melambung tinggi dengan selamat sampai kepada air yang tenang dan bahkan terus sampai ke pantai yang permai di akhirnya.

Tuan Yang di-Pertua, kegawatan ekonomi bukanlah satu perkara baru. Ianya selalu berlaku pada zaman silam. Recessionlah, depressionlah dan sedang berlaku sekarang serta akan terus berlaku juga pada masa depan. Ini disebabkan oleh keadaan realiti di dalam dunia. Ekonomi dunia adalah seperti pasang surutnya air di laut. Bila pasang meningkat naik, bisa satu pantai, bermakna bawah air terpaksa diheret turun di pantai yang lain, bertarik-tarik. Begitulah caranya ekonomi dunia. Dan juga ke gawatan ekonomi tetap akan berlaku kerana sumber-sumber ekonomi dunia ini berpunca dan bergantung kepada air susu ibu pertiwi bumi.

Bila tidak diawasi dengan baik, bila diboros-boroskan maka ibu pertiwi tidak sempat mengendalikan, memenuhi bahan-bahan itu lagi, dengan izin, *mother nature will not be able to replenish the economic need of its inhabitants if dilute wastefully*, dengan itu saya puji pucuk pimpinan kerajaan kita yang mengambil langkah-langkah untuk mengawal dan mengawasi sumber-sumber alam ekonomi di negara ini. Sama ada bijih timah, petroleum, kayu balak dan lain-lainnya dengan tidak memboroskan seperti beberapa negara lain. Selagi ekonomi dunia ini berputar-putar di lingkungan bumi memang kegawatan ekonomi akan berlaku sekali sekala, kecuali mungkin Tuan Yang di-Pertua, kita mendapat satu trading partner di satu planet yang lain yang pada masa ini belum kita dapati ada penduduk-penduduk di sana, kalau terdapat, ekonomi dunia kita perluaskan ke angkasa ke planet yang lain yang paling dekat barangkali Marikh mungkin kita akan memperkembangkan trading post kita ke dunia angkasa. Dan mungkin Dewan ini akan menubuhkan satu rombongan pertamalah, kalau saya masih ada di sini saya

akan ikut bersamalah, tetapi sampai setakat ini tidak ada kita dapati penduduk-penduduk di planet yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, adalah telah dikajikan didapati bahawa bila belalang yang berjuta-juta hinggap di sesebuah padang yang hijau dengan sekejap sahaja segala tumbuh-tumbuhan dan rumput-rumput akan habis dimakan dan bila itu terjadi didapati bahawa akhirnya belalang-belalang itu memakan sama sendiri. Adalah satu kepentingan dan tanggungjawab kita di negara ini dan bahkan penduduk bumi untuk berjaga-jaga tentang ekonomi mereka supaya jangan diboros-boroskan dan pucuk pimpinan kita adalah bijak dalam perkara ini dan kita dapat tahu kesan-kesannya.

Tuan Yang di-Pertua, kestabilan politik berpunca dan bergantung kepada perkara-perkara asas fundamental yang menjadi asas kewujudan dan pembentukan negara Malaysia sendiri. Satunya ialah harmoni dan keprihatinan di antara kaum-kaum di negeri ini. Malaysia adalah satu negara yang berbilang kaum dan dalam hal ini kita puji negara Malaysia kerana ianya jadi satu negara contoh kepada banyak negara-negara lain yang homogenous. Ahli-ahli falsafah sociology, ekonomi memberitahu kita rusuhan dunia, conflict adalah oleh kerana colour barrier, economic barrier, dengan izin, kita berperang kita bergaduh kerana we have different colours. Dan kerana economic barrier, the rich and powerfull supress the poor, the poor rebel against the rich, maka dengan itu jadilah rusuhan di dunia berpunca kepada kaum dan jurang perbezaan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin itu betul tetapi logically bermakna bahawa peperangan dan pergaduhan harus hanya berlaku antara kulit putih dan kulit hitam tetapi kita lihat di antara orang yang sama warna kulit pun ada pergaduhan, permusuhan dan peperangan juga. Logically kalau ikut falsafah ini, peperangan dan pergaduhan berlaku hanya di antara golongan kaya dan golongan papa, tetapi kita lihat dengan izin, the rich also fight among themselves, and the poor also fight among themselves. Yang menjadi puncanya saya rasa dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kalau sudah kerana manusia lupa bahawa "men shall not live by bread alone but by every word that proceeded out of the mouth of God". Itu yang menjadi puncanya kepada saya.

Dalam perkara ini juga, Malaysia menjadi satu negara contoh, lihat homogenous society, mengapa berlaku the French Rebellion, kenapa berlaku American Civil War, kenapa berlaku rusuhan di Northern Ireland, homogenous

society, satu warna, satu bahasa, satu budaya. Tetapi di Malaysia ini berbilang kaum, berbilang budaya, kita dapat hidup dengan aman damai dan harmoni. Menunjuk kebijaksanaan pucuk pimpinan. Kebaikan perlembagaan dan undang-undang sahaja tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, Pancasila merupakan satu philosophy yang sangat baik di Indonesia, tetapi di sana ratusan gereja, masjid di bakar. Tidak ada berlaku di Malaysia. How best is the law is not enough, it is the quality of the leadership which we have in Malaysia here, dengan izin. Harmoni, keprihatinan di antara kaum-kaum.

Yang kedua, ialah harmoni dan tolerancy di antara agama. Agama adalah penting kepada penganutnya, dan di Malaysia ini hak-hak golongan agama adalah diberi perhatian bukan hanya diberi perlindungan dari segi undang-undang tetapi ditolong juga oleh kerajaan. Kita bangga kepada kerajaan kita yang mengambil perhatian dalam perkara ini. Pendidikan-pendidikan akhlak dan moral adalah penting, tetapi ianya sendiri menjadi satu petunjuk sahaja. Petunjuk kepada perkara-perkara yang salah dan dosa. Tetapi yang memberi kekuatan kepada seseorang insan supaya tidak terjerumus ke dalam dosanya ialah iman yang ikhlas. Itu yang penting. Pengetahuan sahaja baik tetapi tidak memberi kekuatan. Iman yang ikhlas yang akan menjadi sauh supaya anak-anak muda akan menang atas percubaan-percubaan. Percubaan-percubaan ini Tuan Yang di-Pertua di meratarata tempat, di rumah sendiri pun ada, dalam gereja pun ada, tidak kita kata kalau kita masuk gereja atau masuk masjid tidak ada percubaan lagi, ada, tetapi iman yang ikhlas yang akan menolong supaya kita dapat menang. Knowledge of evil alone is good, but not sufficient. Faith will help you to win, temptation is not sin, but submission to temptation committment is sin, biarpun percubaan dan godaannya banyak, kalau kita tidak lakukan dont submit yourself kita tidak buat salah. Iman akan menolong kita menjadi perisai yang kuat. Haruslah digalakkan golongan-golongan agama di negara ini mendidik, mengajar ahli-ahli mereka. Dan dalam perkara ini saya puji pucuk kerajaan kita kerana mempunyai pimpinan yang moderate, saya sebutkan pucuk pimpinan yang moderate yang mengambil perhatian terhadap segala golongan agama di negeri ini supaya kita dapat hidup dengan harmoni, dan damai, keprihatinan, mengerti dan saling mengerti. Di mana-mana negara yang mempunyai pucuk pimpinan yang agak extreme maka akan ada rusuhan di antara golongan-golongan agama.



beberapa tahun kita mengalami kegawatan ekonomi pula di mana kita telah mengalami ekonomi yang defisit. Kemudian Belanjawan ini pula dibentangkan oleh Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan I, pada masa lepas Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan tetapi kerana ada masalah, ia jadi begitu.

Ketiganya, kita sudah tentu begitu peka dengan krisis yang dialami oleh negara kita, kegawatan di dalam politik pula. Seperti yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kalau ekonomi kita memang di dalam keadaan yang stabil, yang baik kerana fundamental kita kukuh, mengapakah keadaan ini berlaku dan inilah yang menjadi masalah yang pertama harus kita fikirkan. Ekonomi kita gawat bukan kerana kita yang membuat dia gawat tetapi akibat daripada perbuatan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang sengaja mahu melihat negara kita menjadi sebuah negara yang kucar-kacir dan rakyatnya menentang kerajaan, sebab itulah kerajaan berkali-kali seperti yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyeru semua rakyat memberi kerjasama, keyakinan dan sokongan penuh terhadap kerajaan dalam usaha memulihkan keadaan kegawatan ekonomi. Saya yakin penuh dan kita bersyukur kerana masih ramai bilangan rakyat dalam negara ini termasuklah di dalam parti pembangkang yang masih menyokong dan memberi kepercayaan kepada rakyat walaupun berbagai-bagai usaha daripada pihak luar terutama sekali Amerika Syarikat dan juga termasuk golongan yang menyokong bekas Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Anwar dalam usaha menggugatkan kepimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad.

Saya ingin mengingatkan pihak-pihak yang terus-menerus berusaha untuk menggugat pentadbiran kerajaan ini supaya menyedari kepimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad adalah dipilih secara sah yang mana Perlembagaan telah menetapkan pemerintahan kerajaan kita adalah berasaskan demokrasi berparlimen di mana parti-parti politik apabila dibubarkan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri terpaksa meminta mandat daripada rakyat empat ataupun lima tahun sekali dan pemilihan kerajaan ini adalah suatu pemilihan kerajaan yang sah di sisi undang-undang.

Kita juga perlu ingat bahawa kerajaan yang memerintah sekarang adalah kerajaan yang terdiri daripada gabungan komponen-komponen parti yang telah memberi kepercayaan penuh yang tidak berbelah bahagi kepada pemimpin Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad selaku Perdana Menteri Malaysia. Kita bersyukur kerana komponen parti yang tidak mengira kaum, MCA, MIC, Gerakan dan beberapa parti lain di Sabah dan di Sarawak sehingga kini tidak pernah mencurigai dan mempertikai kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Inilah yang perlu dilihat oleh dunia tetapi malangnya ada pemimpin seperti Al Gore yang disebut oleh Yang Berhormat Yahya Husin daripada Sabah dia kata 'Al Goray' dan begitu juga Albright, yang katanya semuanya cerah, Albright wanita yang pernah berbalah dengan Dato' Seri Rafidah Aziz dan seorang lagi Soros, penyangak, penyamun Yahudi yang memang kita patut tentang habis-habisan.

Mereka ini adalah terdiri daripada wakil sebuah negara yang kononnya menentang kezaliman, yang kononnya membela keadilan sejagat, yang kononnya menjadi polis dunia tetapi saya ingin menyarankan kepada Kerajaan Malaysia supaya mengemukakan satu usul di Bangsa-Bangsa Bersatu supaya Amerika ini didakwa di mahkamah antarabangsa kerana telah melakukan jenayah, menzalimi negara-negara, menggunakan tiket Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menghalalkan perbuatan jenayahnya di Iraq, di beberapa negara seperti di Korea, di Afghanistan dan baru-baru ini termasuklah di Malaysia. Mereka terang-terang mencabuli piagam hak-hak kedaulatan sesebuah negara itu dengan mendesak supaya Perdana Menteri kita dilucut atau berhenti daripada menjadi Perdana Menteri kemudian disuruh pula bebas Dato' Seri Anwar yang sekarang ini melalui proses undang-undang, dibicarakan di mahkamah. Ini adalah satu perbuatan yang bercanggah dengan prinsip piagam Bangsa-Bangsa Bersatu yang memberi hak kedaulatan sesebuah negara yang telah merdeka.

Oleh sebab itu dunia sepatutnya kutuk Amerika, apa hak AlGore, apa hak Soros, apa hak Albright dan paling malang sekali seolah-olah Amerika ini bertindak sebagai orang yang menentukan apa yang patut dibuat oleh sesebuah negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyarankan kepada kerajaan supaya kita berhati-hati dan berwaspada dengan orang-orang yang bersubahat dengan

pihak-pihak luar yang sentiasa mahu menggugat keamanan dan kemakmuran negara kita. Orang-orang ini sepatutnya, setelah menikmati kemewahan hidup melalui pentadbiran kerajaan yang ada sekarang ini dalam keadaan perkembangan ekonomi yang berterusan sejak beberapa tahun tetapi apabila menikmati segala kemudahan mendapat wang ringgit melalui kroni-kroni mereka, mereka menjadi pengkhianat, menjadi pelesit, menjadi orang yang menikam balik dari belakang. Orang-orang ini sepatutnya dilucutkan kerakyatan mereka, dikenakan tindakan yang keras.

Apa maknanya menjadi rakyat sedangkan taat setia mereka boleh dipertikaikan dan sanggup merosakkan kerajaan yang memberi jasa, memberi kemudahan kepada mereka. Oleh sebab itu kita tidak boleh bertolak ansur kepada mereka ini, mereka berhak menuntut keadilan tetapi jangan diperalatkan oleh orang lain, apa gunanya pergi ke Australia, apa gunanya pergi ke Indonesia, apa gunanya pergi ke Filipina, apa gunanya pergi bernaung di bawah Amerika Syarikat, adakah negara-negara yang saya sebutkan tadi, bersusah payah membangunkan negara kita semenjak daripada merdeka sehingga sekarang ini selama 41 tahun.

Inilah persoalan yang perlu difikirkan dan kita mengucapkan terima kasih kepada kaum-kaum di negara kita yang mewakili komponen parti ini kerana sanggup menerima hakikat iaitu UMNO adalah sebagai tunggak kepada Kerajaan Barisan Nasional dan mereka sendiri sedar dan mengakui jika UMNO lemah sudah pasti parti politik yang memerintah negara ini juga akan menjadi huru-hara, akan menjadi kucar-kacir. Ini suatu hakikat yang perlu kita hormati dan atas prinsip inilah kerajaan kita dapat berterusan dan di atas semangat itulah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mencari jalan dengan berani mengemukakan suatu cadangan dalam usaha memulihkan kegawatan ekonomi.

Saya penuh yakin kita tidak mempertikaikan dan kita tidak mempersoalkan seperti kata Yang Berhormat Datuk Zainudin tadi, saya berpendapat sudah sampai masanya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad mencari jalan meredakan krisis keyakinan yang dihadapi oleh rakyat sekarang ini dengan adanya perbalahan di antara bekas Timbalan Perdana Menteri dengan kepimpinan yang ada.

Saya amat bersimpati dengan pendirian Yang Amat Berhormat Dato Seri kerana kita dengar begitu hebat, begitu dahsyatnya kecaman terhadap beliau sebagai pemimpin yang telah berjasa dan kita memberi kepercayaan penuh kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya membuat pilihannya sendiri. Tiada ada makna untuk menunggu masa supaya proses pemilihan dalam parti itu berlaku sebelum menentukan siapa yang akan menjadi Timbalan Perdana Menteri sebab hak menentukan Timbalan Perdana Menteri adalah hak Perdana Menteri dari segi undang-undang.

Oleh sebab itu, biarlah sampai proses pemilihan Timbalan Presiden UMNO dalam parti itu sampai masanya dan dibuat pilihan sedangkan pemilihan Timbalan Perdana Menteri itu dibuat dulu oleh Perdana Menteri. Saya penuh yakin rakyat yang setia, rakyat yang tahu nilai kepimpinan, mereka tidak akan mempertikaikan keputusan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah pasti akan diterima oleh seluruh rakyat, lebih-lebih lagi komponen parti yang tidak pernah langsung mempertikaikan kewibawaan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir. Sudah tentu sebagai manusia biasa dan dari segi agama tidak ada manusia yang maksum, malah di zaman nabi dahulu pun kita dapati, Nabi Muhammad sebagai seorang nabi yang telah diberi suatu kelebihan oleh Allah S.W.T, mereka juga ada kalanya membuatkan perkara-perkara yang boleh dipertikaikan oleh umat semasa itu, lebih-lebih lagi kita sebagai rakyat biasa sudah tentu ada sedikit sebanyak kekeliruan. Kalau kita perhatikan track record kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir, kita dapati tidak ada banyak, tetapi kita ini kadang-kadang taksub kepada seseorang yang telah membina imejnya dengan agama dan menunjukkan kepada dunia bahawa dia seorang yang tahu, yang prihatin kepada soal-soal agama, bercakap rhetoric maka apa juga yang dibuat walaupun kita tidak tahu sama ada benar atau tidak benar, kita mengatakan tidak mungkin dan sebagainya.

Tetapi kita kena ingat, orang yang lebih mengenali dan mengetahui Yang Berhormat Dato' Seri Anwar ialah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Dia yang membawa Yang Berhormat Dato' Seri Anwar masuk, oleh sebab itu tidak ada lagi perkara yang boleh menimbulkan syak-wasangka

terhadap apa yang dia buat. Tunggulah pengadilan di mahkamah sebab proses perbicaraannya sedang berlaku dan kalau ditakdirkan satu masa nanti keputusan dibuat sebaliknya, kita terima sebagai satu hakikat.

Saya tidak percaya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir yang umurnya sudah 74 tahun akan membuat sesuatu yang mengakhiri karier pentadbirannya sebagai Perdana Menteri, sebagai orang yang berjasa dengan keadaan yang boleh menghitamkan sejarah hidup perjuangannya. Itu suatu hakikat yang saya yakin, sebab apa yang dia buat tentulah dia akan memberi pertimbangan yang sewajarnya. Tentang penglibatan anak Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir, kita janganlah menganggap kalau bapa jadi Perdana Menteri maka anak tidak usah membuat apa-apa. Walaupun ada kebolehan, boleh berniaga dan sebagainya kerana dia anak Perdana Menteri tidak payah terlibat dalam perniagaan, takut orang kata, ini salah dari segi prinsip. Mana ada dalam Al-Quran atau hadis mengatakan bila bapa jadi PM, anak tidak payah buat apa-apa. Tidak ada, jadi janganlah kita terlalu sentimen, menganggap perkara itu sesuatu yang tidak patut dan bercanggah dari segi undang-undang, tidak boleh macam itu.

Berilah peluang kepada mereka dan pada pendapat saya walaupun anak Perdana Menteri, kerajaan mesti tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan seperti mana bertindak terhadap orang lain jika didapati mereka melakukan apa-apa kesalahan. Proses ini yang kita mahu berlaku dan jangan ada syak-wasangka, tuduhan secara syak-wasangka itu tidak membantu sesebuah kerajaan yang kukuh. Saya penuh yakin sekiranya rakyat membiarkan perkara ini diselesaikan mengikut proses dan cara yang betul di mahkamah tidak akan timbul krisis keyakinan seperti yang berlaku pada hari ini.

Yang paling malangnya dalam masa kerajaan menghadapi untuk pemulihan ekonomi, kerajaan juga terpaksa berhadapan dengan krisis keyakinan. Inilah dilema yang kadang-kadang menggugat kemampuan kerajaan untuk menghadapi masalah ekonomi. Saya penuh yakin sekiranya golongan ini dapat dikenal pasti, sesiapa yang terlibat dengan reformasi, siapa yang terlibat dengan pengedaran kaset ataupun risalah yang mengecam, yang menghentam pemimpin, menuduh perkara yang tidak betul dan kalau kerajaan mampu mengambil tindakan tentulah

perkara ini akan dapat diredakan, yang mana sekarang ini pun kita lihat sudah ada perubahan.

Saya yakin seperti yang didakwa oleh beberapa orang timbalan menteri ataupun beberapa pihak, mereka ini dibayar sama ada oleh pihak luar ataupun pihak kroni-kroni yang memang dari dahulu lagi mendapat duit yang cukup banyak dan menjadi pengarah dalam beberapa syarikat yang sehingga ini ada seorang atau dua sahaja yang menafikan maklumat ini.

Kita tahu suatu masa dahulu bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mendedahkan satu senarai, masih ada lagi senarai di bawah Kementerian Kewangan belum didedah. Saya ingin bertanya Dewan yang mulia ini, mengapakah pihak kerajaan tidak mahu dedah senarai pihak-pihak yang mendapat saham ataupun mendapat kontrak di bawah Kementerian Kewangan, sehingga hari ini pun kita tidak tahu, mengapa tidak?

Sepatutnya kita sudah isytiharkan kerajaan telus, mesti telus di bawah kementerian mana, di bawah Jabatan Perdana Menteri pun kita kena siar, kalau ada anak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun kita siar juga, apa salahnya, supaya kita tidak timbul syak-wasangka. Sebab itu saya meminta di Dewan yang mulia ini, supaya kerajaan menyiarkan juga mana-mana pihak yang mendapat saham ataupun kontrak secara turnkey atau apa sahaja di bawah Kementerian Kewangan disiarkan untuk pengetahuan umum.

Kalau perkara itu tidak bercanggah dengan contempt a court, sebab baru-baru ini ada tersiar, orang-orang yang memberi sokongan kepada Dato' Seri Anwar termasuklah bekas Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Yang Berhormat Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, Dr. Rahim Gouse, bekas Setiausaha Politiknya dan beberapa orang lagi telah didapati melalui ROC memegang beberapa jawatan dalam berpuluh-puluh syarikat.

Apa cerita ini dan mereka ini dikatakan selalu membawa fitnah, kroni Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mahathir beri kepada mereka, tiba-tiba orang yang bercakap itu sendiri itu terlibat dalam pelbagai syarikat seperti Yang Berhormat Datuk Ahmad Zahid sendiri, dia kata dia kehilangan pendapatan RM95,000 sebulan kerana terpaksa melepaskan beberapa jawatan, lepas itu dia kata balik

semua jawatan yang dipegang itu adalah sebelum dia memegang jawatan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, bercakap kepada budak-budak bolehlah, sebelum dia jadi Ketua Pemuda, tetapi kalau tidak jadi kroni daripada awal macam mana orang boleh melantik dia jadi pengerusi syarikat itu? Saya sendiri pun kalau kerajaan beri seperti itu juga boleh jadi kaya, yang kita tidak mahu dapat kekayaan melalui jalan yang tidak betul, lepas itu tikam daripada belakang, biayai orang-orang yang hendak rosakkan kerajaan. Ini perbuatan apa ini?

**Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Saudara saya telah menyebut dua kali ‘menikam dari belakang’. Bagaimana tikamannya dan apa pasal ditikam, saya minta penjelasan dan tikam dari belakang apa itu?

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, orang Melaka ini kalau sebut tikam, dia pantanglah sebab dia keturunan Hang Tuah, Hang Jebat apa semua, jadi saya tidak payah jelaskan biarlah tikam bagaimana tanyalah Dato’ Seri Anwar, kalau-kalau boleh dia jawab. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan berkenaan dengan apa yang hendak saya sebut.....

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang minta laluan Yang Berhormat. Masa sudah cukup.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Boleh bersetuju atau tidak, kalau saya keluarkan satu hadis yang mengenai persekitaran apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar. Boleh bersetuju, hadis Rasulullah menyebutkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya ingat tidak apalah.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat orang pembangkang ini selalu macam itu, dia pandai hadis sahaja. *[Ketawa]*

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Tidak, ini hendak beri sokongan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Kalau hendak beri sokongan, hendak dengar dahululah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Ya hendak dengar dahulu, terima kasih. Rasulullah mengatakan [*sepotong hadis*] yang bermaksud: “Kalau anak aku mencuri akan aku potongkan tangannya” yakni untuk keadilan. Terima kasih.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih, saya minta Yang Berhormat itu balik desak Kerajaan Negeri Kelantan supaya buat yang itu dahulu selepas itu baru baca hadis. Dia tidak boleh tidak guna cakap rhetoric sebab itu cakap rhetoric seperti itulah sehingga sekarang, ini kita malu negara-negara Islam menjadi alat perkakas ....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa sudah cukup, saya beri dua minit lagi ya.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana mengingatkan saya. Akhirnya saya hendak sebut beberapa strategi yang diambil oleh pihak kerajaan yang katanya drastik tetapi yang menarik bagi saya ialah usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan ini setelah menubuhkan MTEN, lepas itu adakan pelan pemulihan ekonomi dan sebagainya, dalam pelan pemulihan ekonomi ada pula pelbagai strategi, kalau tidak silap saya ada enam strategi, kalau kita lihat strategi ini, insya Allah kalau dapat sokongan daripada semua pihak termasuk individu swasta dan sebagainya, kerajaan akan berjaya memulihkan ekonomi yang mana sekarang ini pun kita telah lihat pemulihan itu sedang berlaku, pasaran saham daripada 200 indeks telah naik hampir 600, sekarang ini 500 lebih.

Ini bukti yang tidak payah kita pertikaikan lagi, kita tetapkan kadar dari RM3.80 bagi US\$1 pun sudah berjaya dan kita sekat duit kita diperniagakan di luar negeri pun sama juga, tetapi apa yang ingin saya sebutkan sekarang ini ialah tentang strategi menjamin kesejahteraan rakyat. Ini yang saya hendak minta perhatian supaya kerajaan mengambil perhatian yang serius iaitu mengutamakan golongan yang berpendapatan rendah.

Saya ini bukanlah orang socialist tetapi masalah rakyat ini perlu diberi perhatian, kita tidak mahu jadi macam Indonesia. Indonesia itu sebab rakyat susah, macam-macam boleh berlaku, mereka boleh terlibat dalam reformasi, tunjuk perasaan dan bila perut lapar ini, apa pun mereka sanggup buat. Oleh sebab itu kerajaan yang bijak, kerajaan yang sanggup mengatasi masalah golongan yang



miskin. Oleh itu kerajaan kena beri bantuan, sekarang ini jadi La Nina, padi bendang rosak, banjir berlaku, oleh sebab itu kena kerajaan kena sediakan peruntukan ....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Ya, saya hendak simpulkan ini. Oleh sebab itu kerajaan hendaklah kalau syarikat-syarikat besar, mereka boleh buat danaharta, danamodal, rakyat yang buat bendang bukan ada danaharta, bila tiba banjir, rosak. Tiba La Nina semua rosak, padi tidak keluar kena penyakit, kerajaan kena cari jalan, nilai balik banyak mana kerugian, terpaksa keluar perbelanjaan, bajak tanah, beli dan bubuh baja, tenaga dan sebagainya, kerugian sudah ada. Oleh sebab itu harus diambil kira begitu juga dengan orang pergi ke laut, begitu juga peniaga pasar malam, buat makanan datang hujan ribut, orang tidak boleh pergi, mereka rugi. Siapa hendak bertanggungjawab tolong mereka ini. Oleh sebab itu, perlu ada satu mekanisme buat satu tabung bantu kepada golongan ini supaya mereka juga dibela. Saya penuh percaya kalau ini dibuat, insya-Allah mereka akan sokong kerajaan berterusan sampai akhir zaman. Sokonglah Barisan Nasional. Sekian, terima kasih. [Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, petang ini menteri masing-masing akan menjawab. Dewan ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang ini.

*Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Kewangan akan menjawab.

**2.38 ptg.**

**Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan Kedua [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi giliran yang pertama kepada saya menggulung perbahasan dalam Dewan Negara. Rakan-rakan saya dalam kerajaan akan menyambung penggulungan ini jika sekiranya ada perkara

yang tidak saya sentuh dalam jawapan ini, maka ianya akan disentuh oleh rakan-rakan saya yang lain dalam kerajaan.

Yang keduanya saya ucap terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah menyokong perutusan Belanjawan di Dewan Negara. Kerajaan amat berbangga dengan sokongan ini dan insya-Allah, dengan sokongan semua pihak, kita yakin bahawa usaha-usaha kita untuk memulihkan ekonomi negara akan dapat kita percepatkan.

Yang ketiga, kerajaan ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang memberi beberapa teguran yang membina serta cadangan-cadangan tertentu sama ada untuk memulihkan ekonomi negara ataupun untuk memperbaiki sistem pentadbiran di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab beberapa persoalan utama yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Isu mengenai bank telah banyak dibangkitkan. Yang Berhormat Datuk Haji Sairin Karno, Yang Berhormat Datuk Haji Hashim Safin adalah antara Ahli Yang Berhormat yang menyatakan perasaan dukacita terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh usahawan dalam memberi pinjaman dan ada Ahli Yang Berhormat yang memohon supaya bank-bank tertentu yang tidak memberi pinjaman kepada usahawan ditutup. Saya ingin memberi jaminan bahawa kerajaan mengawasi keadaan ini. Kita belum lagi sampai ke peringkat untuk menutup bank jika mereka tidak memberikan pinjaman tetapi Bank Negara dari masa ke semasa sentiasa mengawasi masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak usahawan untuk meminjam. Satu jawatankuasa telah ditubuhkan di Bank Negara – Unit Aduan khusus untuk menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh usahawan. Sehingga kini, unit ini telah menerima hampir 600 aduan dan daripada 600 aduan tersebut kira-kira 25% daripadanya telah dapat ditangani di mana masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka yang memohon pinjaman telah dapat diselesaikan oleh Bank Negara.

Saya ingin memberi jaminan di sini bahawa kerajaan memandang serius masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak usahawan untuk membuat pinjaman. Pada masa yang sama saya ingin menekankan bahawa bank juga perlu berhemat dalam memberi pinjaman, bukan bermakna kesemua permohonan yang dikemukakan dapat diluluskan. Ini lumrah alam, ada yang berjaya dan ada yang tidak berjaya tetapi bagi kes-kes yang, dengan izin, genuine, di mana seorang usahawan mempunyai projek yang berdaya maju tetapi pinjaman ditolak oleh pihak bank, maka bolehlah dirujuk kepada Unit Aduan di Bank Negara dan kita sentiasa bersedia untuk membantu usahawan-usahawan berkenaan, malah saya sendiri

menerima banyak aduan ini yang mana dirujuk kepada Bank Negara dan insya-Allah, kita akan cuba membantu. Itu isu pertama yang dibangkitkan mengenai bank.

Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan menyatakan bahawa peruntukan untuk membantu usahawan kecil dan sederhana tidak mencukupi. Pada masa ini antara tabung yang kita tubuhkan – tabung-tabung baru selain daripada Amanah Ikhtiar yang ditubuhkan khusus untuk membantu kumpulan termiskin untuk usahawan kita sekurang-kurangnya ada RM250 juta iaitu RM100 juta di bawah Tabung Usahawan Kecil dan RM150 juta di bawah Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN).

Mengenai Tabung Usahawan Kecil (TUK), permohonannya banyak yang kita terima dan peruntukan yang disediakan RM100 juta sudah pun hampir kehabisan dan apabila tiba masanya kita akan mencari jalan bagaimana peruntukan ini dapat ditambah. Setakat ini, peruntukan yang ada sudah pun hampir habis dan oleh kerana sambutan amat membanggakan daripada seluruh negara, maka kita akan mengkaji keadaan apabila peruntukan ini habis.

Mengenai TEKUN, ianya baru dilancarkan. Wangnya akan disalurkan dalam sehari dua lagi dan institusi pentadbiran ataupun mekanisme pentadbirannya sedang dirangka dan insya-Allah, permulaan tahun depan mungkin bulan Februari atau Mac, kita akan dapat menyalurkan tabung baru ini iaitu TEKUN kepada usahawan-usahawan kecil yang memerlukan pinjaman di bawah RM20,000. Saya memberi jaminan di sini bahawa kerajaan cukup prihatin kepada masalah-masalah usahawan kecil, saya akan berusaha sedaya upaya untuk memastikan usahawan-usahawan ini akan mendapat pembiayaan yang sewajarnya termasuklah peruntukan yang secukupnya termasuklah masalah kerenah-kerenah pentadbiran, kita akan cuba kurangkan dan memastikan bahawa masa yang tidak terlalu lama diambil untuk memastikan pinjaman dapat diproses dengan sewajarnya.

Yang Berhormat Tuan Haji Rosli juga membangkitkan masalah gabungan. Saya ingin memaklumkan bahawa setakat ini kita telah menggabungkan empat tabung menjadi dua tabung. Di Bank Negara kita menggabungkan Tabung Industri Bumiputera dengan Tabung Usahawan Bumiputera. Tabung Usahawan Bumiputera peruntukannya RM1.25 juta digabungkan dengan Tabung Industri Bumiputera. Tabung Industri Bumiputera ini khusus untuk membantu usahawan bumiputera yang terlibat dalam bidang vendor sebagai pembuat komponen bagi dibekalkan oleh syarikat-syarikat besar oleh kerana pembekalnya pun tidak banyak tinggal, maka kita akan tutup tabung ini dan kita akan gabungkan dengan tabung usahawan baru dan dengan itu akan dapat melicinkan lagi pentadbiran.

Di Kementerian Pembangunan Usahawan dalam seminggu dua ini kita akan menggabungkan Tabung Usahawan Kecil dan Tabung SELF yang diperuntukkan RM200 juta. Kedua-dua tabung ini akan digabungkan di mana kita akan menjadikan kemudahan di bawah tabung ini, two tier, dengan izin, bagi mereka yang memerlukan pinjaman di bawah RM25,000 kita akan menyenangkan proses untuk memohon, bagi mereka yang memerlukan pinjaman antara RM25,000 hingga RM50,000 kita akan perketatkan sedikit termasuklah keperluan untuk menghadiri kursus satu hari. Insya-Allah, pada awal tahun depan kedua-dua tabung ini akan dapat kita gabungkan. Jadi, daripada lebih 30 tabung pada masa ini kita sudah pun berjaya untuk menggabung empat tabung menjadikan dua dan dengan itu kita berharap para usahawan akan kurang terkeliru apabila mereka membuat permohonan.

Lain-lain tabung kita tidak bercadang untuk menggabungkannya, umpamanya TIKS dan TPKS. Tabung Industri Kecil Sederhana (TIKS), TPKS Tabung Pemulihan ini ialah untuk syarikat-syarikat yang bermasalah, ia mempunyai satu tujuan yang khusus, begitu juga tabung perumahan kos rendah untuk membina rumah kos rendah. Jadi kita tidak akan menggabungkan tabung ini kerana mereka, dengan izin, served the purpose, mereka ada tujuan yang tersendiri.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Dato' Chet Singh supaya diwujudkan satu tabung khusus untuk bukan Islam, kita berpendapat tabung-tabung yang ada adalah memadai kecuali beberapa tabung sahaja. Kebanyakan daripada tabung-tabung adalah terbuka kepada semua kaum, termasuklah Tabung Usahawan Kecil, tabung-tabung di bawah CGC, semuanya adalah terbuka untuk kaum-kaum lain. Secara umumnya penglibatan kaum lain dari segi nilai untuk Tabung Usahawan Kecil, tabung-tabung ini adalah dalam lingkungan 25%, tabung-tabung ini terbuka untuk semua, oleh itu kita berpendapat adalah tidak perlu kita wujudkan tabung yang khusus untuk golongan bukan bumiputera.

Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan mencadangkan supaya dana-dana ini diuruskan oleh NGO atau badan-badan tertentu termasuklah mungkin Dewan Perniagaan Melayu dan lain-lain seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan. Saya suatu masa dahulu memang ada mencadangkan perkara ini, saya sendiri mencadangkan kerana saya merasa amat hampa dengan respond daripada bank-bank tetapi oleh kerana saya ini memakai dua topi, saya telah melihat kembali perkara ini dan saya merasakan perlu kita

memberi peluang sedikit kepada bank, sudah pun kita nampak beberapa perubahan positif di pihak bank tetapi kalau ada masalah-masalah yang serius yang dihadapi oleh usahawan untuk mendapatkan pinjaman, kita akan mengkaji perkara ini lagi. Buat masa ini kita akan menyalurkan tabung-tabung ini melalui bank.

Selain daripada itu Yang Berhormat sudah pasti tahu bahawa kita ada MARA yang dikhususkan untuk usahawan bumiputera. Ini adalah di luar sistem bank dan oleh kerana banyak usahawan bumiputera yang mempunyai masalah kita telah mengarahkan MARA untuk meningkatkan pinjamannya. Setakat ini MARA telah mengeluarkan pinjaman kira-kira RM60 juta membantu 2,584 orang usahawan, ini adalah di luar sistem bank dan angka ini sehingga akhir November merupakan tambahan sebanyak 20% berbanding dengan angka yang sama tahun lepas. Jadi kalau pihak bank nampaknya kurang cenderung untuk meminjam, sekurang-kurangnya pihak MARA telah meningkatkan peranannya dengan peningkatan sebanyak 20% telah membantu 2,584 orang usahawan, kita merasakan ini satu prestasi yang agak membanggakan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menjawab beberapa soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, beliau panjang bercakap dan banyak isu yang dibangkitkan. Antara isu yang dibangkitkan ialah perhubungan di antara beberapa syarikat tertentu, Abrar, Phileo Allied Bank, Hong Leong dan Magnum Corporation. Kita ingin memaklumkan bahawa kita telah pun menjalankan siasatan dan kita dapati bahawa setiap syarikat yang dinyatakan tadi mempunyai institusi perbankan yang berlainan iaitu Abrar, Phileo Allied Bank, Hong Leong dan Magnum Corporation mempunyai institusi kewangan yang berlainan, maka isu percanggahan kepentingan tidak berbangkit.

Saya kira apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, ialah sama ada telah berlaku penyelewengan dalam pemberian lesen-lesen ataupun dalam kita menimbangkan beberapa keistimewaan kepada pihak-pihak tertentu. Saya ingin maklumkan bahawa Abrar merupakan sebuah syarikat yang terlibat dalam bidang kewangan, ia juga sebuah syarikat yang terlibat dalam bidang pembinaan. Kita sedang meneliti kegiatan-kegiatan syarikat ini, Phileo Allied Bank sebagai latar belakang merupakan sebuah bank yang mula beroperasi tahun

1994, apabila syarikat ini mengambil alih UOB Kota Kinabalu, apabila UOB diambil alih oleh United dan selepas itu pihak ini bersetuju untuk menyelamatkan CCB yang ditawarkan oleh Syarikat United.

Bank Negara telah membuat perakuan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan ketika itu bahawa cadangan yang dikemukakan oleh Phileo Allied harus diterima oleh kerana syarikat berkenaan telah membuat tawaran untuk mengambil kesemua liabiliti CCB termasuk deposit kerajaan berjumlah RM1.124 bilion. Jadi itu latar belakang kewujudan Phileo Allied, sebuah bank yang beroperasi bermula April 1994, bermula dengan UOB Kuala Kangsar selepas itu ia mengambil alih semua liabiliti CCB. Mengikut Bank Negara perakuan yang dikemukakan, cadangan daripada United merupakan satu cadangan yang terbaik untuk menyelamatkan CCB. Oleh itu, maka pihak Phileo Allied telah mula beroperasi pada bulan April 1994.

Ada beberapa perkara yang dibangkitkan walaupun tidak secara langsung oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita sedang menyasat segala latar belakang berkaitan dengan bank ini, Phileo Allied dan perkara-perkara lain yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya hendak pergi kepada beberapa perkara kontrak dan saham yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali. Beliau bertanya mahukan senarai syarikat-syarikat yang diberikan saham untuk Tenaga Nasional, Klang Terminal, Hicom, STM dan lain-lain. Beliau meminta supaya penerima-penerima saham ini disiarkan dalam akhbar tempatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan ada mempunyai rekod ini, memang saham-saham ini diperuntukkan kepada pihak tertentu selain daripada PNB, Tabung Haji dan lain-lain. Ada syarikat-syarikat dan individu tertentu yang menerima saham daripada Kementerian Kewangan. Dalam tempoh tahun 1992 hingga tahun 1996, sebanyak 2.927 ribu juta unit saham telah diagihkan oleh Kementerian Kewangan kepada banyak pihak.

Kita ada dasar untuk memberi keutamaan pengagihan saham kepada institusi amanah saham dan pelaburan, yayasan dan institusi peringkat nasional dan

negeri, koperasi peringkat nasional, negeri dan daerah dan akhirnya kita juga berikan saham-saham ini kepada syarikat bumiputera yang berdaftar. Jadi, Kementerian Kewangan mempunyai rekod-rekod ini, kita sedang menganalisis rekod-rekod ini dan apabila tiba masa yang sesuai, insya-Allah, kita akan hebahkan senarai penerima saham ini dalam tempoh tahun 1992 hingga kini.

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali juga membangkitkan isu pemberian kontrak di KLIA dan juga di Putrajaya. Di KLIA, untuk makluman Yang Berhormat, kontrak bernilai hampir RM7 ribu juta telah diberikan, kontrak dibahagikan kepada 124 pakej dan begitu juga di Putrajaya, 158 pakej telah dikeluarkan, kontrak diberikan kepada lebih 80 buah syarikat melibatkan RM5.1 bilion. Kita juga ada senarai mereka yang menerima projek-projek ini ada pada kita dan kita sekarang dalam peringkat membuat analisis siapa yang mendapat. Memang ada syarikat-syarikat tertentu yang mendapat kontrak yang banyak, ada syarikat-syarikat tertentu yang mendapat sedikit, ada syarikat-syarikat berwibawa yang mendapat kontrak khususnya di KLIA dan juga di Putrajaya. Ini bukan satu rahsia, maklumat ini ada pada kerajaan, cuma kita sedang menganalisis maklumat ini dan apabila tiba masanya kita akan keluarkan maklumat yang berkenaan. Itu isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali.

Seterusnya saya pergi kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak. Beliau juga bercakap tentang masalah bank yang katanya memberi pinjaman secara selektif kepada pelanggan-pelanggan tertentu. Walaupun kita kurang jelas dengan apa yang dimaksudkan dengan pemberian pinjaman secara selektif, saya ingin memberi jaminan bahawa institusi kewangan telah diarahkan untuk menilai projek ataupun permohonan itu, memastikan bahawa ia berdaya maju dan mempunyai profil kredit yang memuaskan dan sepatutnya tidak ada perbezaan ataupun tidak ada mereka yang diberi kelebihan ataupun keutamaan berbanding dengan pihak-pihak lain.

Itu secara dasarnya, penilaian kredit adalah dibuat mengambil kira kemampuan peminjam membayar balik pinjaman tersebut. Oleh itu isu pemberian pinjaman kepada pelanggan yang tertentu tidak harus berbangkit. Dalam pada itu jika ada masalah-masalah tertentu ataupun jika ada kes-kes tertentu, kita bersedia

untuk menyiasat apa yang disifatkan oleh Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak sebagai pemberian kredit secara selektif ini.

Seterusnya Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor membangkitkan kerugian besar yang dialami oleh Bank Bumiputera. Bank Bumiputera memang menghadapi masalah dan suntikan modal telah dimasukkan sebanyak tiga kali dan kali terakhir modal sebanyak RM1.1 ribu juta dimasukkan ke dalam Bank Bumiputera dalam usaha untuk memastikan bank ini dapat berjalan dengan baik.

Bank ini juga mempunyai NPL ataupun kadar hutang tidak berbayar yang tinggi berbanding dengan bank-bank lain. Masalah Bank Bumiputra adalah dalam perhatian kerajaan dan kita sentiasa mengawasi perkara ini dan pihak Bank Negara akan mengambil tindakan yang sewajarnya sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan. Pada masa ini pengurusan dan juga modal Bank Bumiputra sedang dikaji untuk digabungkan dengan Bank of Commerce. Kita telah menerima cadangan daripada Bank of Commerce pada bulan September yang lalu untuk digabungkan kedua-dua bank ini dan perbincangan sedang dalam peringkat advance, dengan izin, untuk menimbangkan permohonan Bank of Commerce untuk mengambil alih Bank Bumiputra dan kita mengambil perhatian pandangan-pandangan Ahli Yang Berhormat termasuklah berkaitan dengan penggunaan nama Bank Bumiputra apabila bank ini diambil alih oleh Bank of Commerce satu hari nanti.

Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim dalam konteks bank ini menyebut tentang masalah check and balance, dengan izin, dan akauntabiliti. Sebenarnya memang sudah ada akta dan peraturan-peraturan tertentu untuk memastikan ada check and balance dan akauntabiliti ini tetapi itu cuma peraturan undang-undang, yang penting ialah sikap dan mereka yang mengurus dan mengendalikan bank. Kalau peraturannya elok atau undang-undangnya baik tetapi mereka yang menguruskan bank terdiri dari orang-orang yang tidak beramanah,



maka sudah pasti kita akan terdedah kepada risiko dan masalah-masalah yang timbul sebelum ini akan terus kembali.

Dalam pada itu kita ingin memberi jaminan bahawa kerajaan sentiasa mengkaji perkara ini untuk meningkatkan, dengan izin, governance menerusi amalan-amalan berterusan dan penyebaran maklumat. Kita berharap dengan langkah-langkah yang berterusan yang diambil oleh pihak Bank Negara termasuklah menguatkuasakan peraturan undang-undang yang ada maka masalah-masalah yang dihadapi oleh bank akan dapat kita atasi. Sebenarnya masalah kemelesetan ekonomi yang kita hadapi lapan belas bulan yang lalu telah memberi banyak iktibar kepada kita termasuklah ia meningkatkan azam kita untuk memperbaiki, dengan izin, cleaning up, sistem bank di negara kita.

Banyak kelemahan terdedah akibat daripada kemelesetan ini termasuklah, dengan izin, over exposure kepada sektor hartanah, pinjaman terlalu banyak yang diberikan kepada sektor hartanah sehingga menimbulkan satu keadaan berlebihan dalam pasaran hartanah, begitu juga keadaan kemelesetan ini telah mendedahkan beberapa kelemahan dalam pengurusan. Jadi masalah-masalah yang kita hadapi ini khususnya dalam tempoh kita menghadapi kemelesetan telah mendedahkan beberapa masalah dengan risiko dan kita sedang mengambil peluang ini untuk membersihkan isu-isu yang berbangkit.

Selain itu, kita juga meneruskan usaha untuk mengukuhkan modal bank melalui Danamodal dan Danaharta seperti mana yang disebut dalam ucapan saya tempoh hari Danaharta telah pun melaksanakan usaha bagi membeli pinjaman tidak berbayar (NPL), dengan itu dapat memperkukuhkan sistem kewangan di negara kita. Jadi dengan langkah-langkah yang diambil oleh Bank Negara, penubuhan Danaharta, penubuhan Danamodal, penubuhan Corporate Debt Restructuring Committee (CDRC), dengan langkah-langkah ini kita percaya tahun depan, kita akan dapat melihat sistem kewangan yang semakin teguh, yang semakin kuat. Ini antara kesan positif yang kita perolehi daripada keadaan kegawatan yang melanda kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin antara lain telah membangkitkan tentang tempoh masa sekatan

modal supaya dilonggarkan bagi menggalakkan semula kemasukan modal asing. Saya ingin menjelaskan bahawa dalam tempoh setahun ini keuntungan boleh dibawa keluar. Keuntungan daripada portfolio investment ataupun modal jangka pendek ini yang tidak boleh dibawa keluar cuma modalnya tetapi kalau mereka jual beli saham dan dapat untung daripada urusan tersebut, mereka boleh membawa keluar keuntungan tersebut. Selain itu kita tidak menyekat kemasukan modal jangka panjang, sebenarnya kita telah dapat melihat peningkatan dalam kemasukan modal jangka panjang.

Jadi pada masa ini kita tidak berhajat untuk beransur-ansur melonggarkan sekatan ini kerana kemasukan modal bergantung kepada banyak faktor. Sekatan ini memainkan peranan kecil sahaja, yang penting adalah kekukuhan ekonomi Malaysia. Kalau pelaburan asing mempunyai keyakinan tentang masa depan Malaysia, kalau mereka yakin bahawa kita akan terus pulih ekonomi negara kita dan kalau mereka yakin bahawa dasar-dasar kita adalah telus dan consistent, sudah pasti mereka akan terus melabur di negara kita. Oleh itu kita merasakan bahawa sekatan modal secara selektif yang kita laksanakan ini tidak akan menjejaskan kemasukan modal asing khususnya modal jangka panjang. Kita memang tidak mahu hendak menggalakkan modal jangka pendek yang masuk hari ini keluar besok, dengan itu menjejaskan prestasi ekonomi kita.

Jadi langkah ini diambil untuk menyekat kegiatan spekulasi yang berlebihan termasuklah spekulasi terhadap Ringgit Malaysia. Dengan pelaksanaan langkah-langkah ini, seperti yang sedia maklum saya sudah pun jelaskan dalam ucapan saya tempoh hari ia telah membolehkan kerajaan melaksanakan dasar kewangan secara bebas, ia telah membawa kepada penurunan dalam kadar faedah, ia telah membawa peningkatan dalam kecairan ataupun liquidity dalam sistem bank.

Ringkasnya, langkah-langkah yang kita ambil secara umumnya telah memberi banyak kesan positif kepada ekonomi negara kita walaupun satu masa ada pihak yang menyatakan bahawa akan berlaku black market, pasaran gelap, akan berlaku transfer pricing, akan berlaku macam-macam masalah di negara kita. Setelah kita melaksanakan kawalan ini dalam tempoh tiga setengah bulan tidak ada masalah yang dihadapi malah yang kita lihat ialah peningkatan secara positif dalam

keyakinan pelabur asing dan pelabur dalam negeri. Apa yang kita lihat ialah peningkatan dalam rizab luar negara sebanyak kira-kira RM4,000 juta sejak melaksanakan kawalan modal, kita lihat juga peningkatan dalam lebihanimbangan perdagangan negara. Jadi ini antara kesan positif yang telah kita perolehi dan insya-Allah, dengan kekukuhan ekonomi negara Malaysia kita yakin bahawa masalah pengaliran modal keluar negara tidak berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang ada membangkitkan tentang keupayaan kerajaan untuk membiayai defisit tahun ini dan tahun hadapan. Tahun ini defisit kita kira-kira RM9.5 bilion, tahun hadapan ialah kira-kira RM16.1 bilion. Untuk tahun hadapan defisit bertambah, oleh kerana kutipan cukai berkurangan, defisit bertambah oleh kerana lebihan dalam akaun semasa berkurangan tetapi kita ingin memberi jaminan bahawa defisit ini RM16.1 bilion akan mampu dibiayai oleh kerajaan melalui punca-punca dalam negeri dan luar negara. Kita memberi tumpuan kepada sumber pembiayaan dalam negeri dan sedikit sebanyak juga kita bergantung kepada pinjaman luar negara. Kita ingin memberi keyakinan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kerajaan tidak akan menghadapi sebarang masalah dalam membiayai defisit dalam perbelanjaan tahun hadapan.

Sehubungan dengan ini, saya ingin memberi sedikit maklumat tentang berita yang tersiar di dalam akhbar berkaitan dengan cadangan kerajaan Malaysia untuk menguruskan pinjaman berjumlah 74 bilion Yen bersamaan RM2.41 bilion daripada Sumitomo Bank. Oleh kerana perkara ini telah pun disebut ataupun dihebahkan dalam media massa, saya ingin mengambil kesempatan ini memaklumkan bahawa kita menjangka memperolehi proxy dengan izin, daripada pinjaman ini pada 21 Disember 1998 akan datang iaitu hari Isnin depan kita akan menerima RM2.41 bilion. Kita amat berpuas hati dengan pinjaman ini, ia menunjukkan keyakinan masyarakat antarabangsa terhadap masa depan ekonomi Malaysia walaupun ada artikel-artikel yang ditulis mengenai Malaysia yang kurang menyenangkan dalam media antarabangsa, walaupun ada rating agencies yang menurunkan kadar penarafan Malaysia tetapi sebenarnya ekonomi Malaysia masih

kukuh, oleh itulah apabila kita mengambil pinjaman ini melalui Euro Yen kita tidak menghadapi sebarang masalah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pinjaman ini berjumlah dalam RM2.41 bilion ia daripada Sumitomo Bank, Jepun dengan bantuan jaminan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ataupun MITI Jepun. Pinjaman ini dijamin oleh MITI, 90% iaitu dibiayai melalui penerbitan nota Euro Yen yang diuruskan oleh Numora International manakala 10% adalah nota tanpa cagaran lindungan insurans. Dengan menggunakan lindungan insurans nota tersebut dapat diterbitkan dengan rating yang tinggi iaitu triple A. Satu rating yang amat tinggi triple A dan kadar kupon 1.5% setahun untuk tempoh lima tahun. Jika diambil kira kesemua kos yang terlibat, kos insurans dan lain-lain termasuk kadar kupon tadi, kadar faedah pinjaman ini cuma 3.48%. Satu angka yang amat rendah sebagai perbandingan kalau kita pergi ke pasaran antarabangsa untuk meminjam pada hari ini dengan rating yang diberikan kepada Malaysia pinjaman ini akan diperolehi dalam lingkungan 10% kadar faedahnya.

Jadi dengan pinjaman RM2.41 bilion ini, kita cuma dikenakan 3.41% setelah diambil kira kesemua kos dan ini satu, dengan izin, satu 'vote of confidence' dalam Malaysia menunjukkan bahawa masyarakat antarabangsa sudah menunjukkan keyakinan terhadap prospek ekonomi Malaysia tahun depan dan kita menjangkakan tidak ada masalah untuk membiayai masalah defisit dalam belanjawan kita tahun depan. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin juga membangkitkan tentang bilangan lembaga pengarah yang boleh diduduki oleh seseorang. Akhir-akhir ini kita banyak membaca di dalam akhbar-akhbar, ada orang yang menjadi pengerusi atau lembaga pengarah dalam berpuluh atau ratusan syarikat, kerajaan sedar masalah ini. Satu isu yang besar adalah mustahil bagi seseorang untuk mewakili kepentingan dalam lebih 100 buah syarikat, kalau ada mesyuarat hari-hari, maka dia hadir mesyuaratlah, tidak buat kerja, maksudnya begitu.

Oleh itu saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan secara prinsip telah pun bersetuju untuk mengehadkan bilangan lembaga pengarah termasuk pengerusi

syarikat, saya bercakap ini tentang public listed, public companies khususnya public listed, syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham, kalau private companies itu, itu dia punya pasal, dia punya duit, jadi kita tidak boleh sekat. Kalau private companies, dia berniaga, dia yang bertanggungjawab tetapi kalau public companies khususnya public listed company, maka kita merasakan harus dikenakan had tertentu. Maka saya ingin memaklumkan di Dewan ini bahawa kerajaan telah pun bersetuju secara prinsip untuk mengehadakan bilangan lembaga pengarah yang diduduki oleh seseorang individu tetapi bilangannya belum ditetapkan, sama ada 10 buah, 15 buah, 5 buah dan ini akan kita tetapkan mengambil kira pandangan Yang Berhormat Dato' Zuki bin Kamaluddin, saya tahu Yang Berhormat Dato' Zuki bin Kamaluddin ada mencadangkan supaya 10, itu maksimumnya, jadi kita ambil perhatian dan kita akan melaksanakannya dalam tempoh yang terdekat.

Ada beberapa isu lain yang dibangkitkan walaupun kecil, saya ingin membangkitkan di sini mengenai isu membaik pulih Dewan ini, Dewan Negara khususnya, saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM3.1 juta untuk membaik pulih penyelempangan, meningkatkan keceriaan dan kemudahan di Parlimen berjumlah RM3.1 juta. *[Tepuk]*

Yang Berhormat Tuan Rosli bin Mat Hassan juga membangkitkan tentang penggunaan tarif sebagai alat dalam mengurangkan import. Saya ingin memaklumkan bahawa sekarang ini kita tidak terikat dalam menggunakan alat ini. Kita ada WTO, ASEAN, AFTA, kalau kita baca surat khabar hari ini di Hanoi telah dibuat satu keputusan iaitu tarikh untuk akta ini dibawa ke depan, dahulu tahun 2003, sekarang tahun 2002, ini dalam konteks untuk melonggarkan lagi syarat-syarat perdagangan dalam konteks untuk mengurangkan tarif.

Oleh itu kita agak terhad dalam kemampuan bagi menggunakan kenaikan tarif sebagai satu usaha untuk memperkukuhkan imbangan pembayaran kerana kita bergerak ke arah dunia yang lebih global dan kita sebagai anggota ASEAN, telah pun memberi persetujuan kepada langkah tersebut. Oleh itu kita tidak dapat melaksanakan cadangan tersebut.

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali juga meminta Kementerian Kewangan mengkaji semula penggunaan barang-barang import dalam kontrak

kerajaan terutamanya berkaitan dengan chillers dalam sistem pendingin hawa projek kerajaan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Hospital Putra Jaya, Universiti Multimedia dan lain-lain. Saya ingin memaklumkan bahawa memanglah menjadi dasar kerajaan untuk menggalakkan penggunaan barang-barang buatan tempatan, itu dasarnya, dan kita sedaya upaya cuba untuk menguatkuasakan peraturan dasar tersebut kerana kita hendak menggalakkan pertumbuhan ekonomi dalam negara.

Mengenai Chiller dan pam ini, saya dimaklumkan bahawa syarikat yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali itu baru sahaja beroperasi di negara kita dan beberapa projek yang disebut oleh beliau, telah pun dilaksanakan sebelum pam dan chillers yang dimaksudkan dibuat dalam negara. Untuk kontrak masa depan, khususnya berkaitan dengan chiller dan pam ini, kerajaan telah mengambil perhatian cadangan Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali dan kita akan cuba sedaya upaya menggunakan, dasarnya ialah menggunakan barang tempatan. Dalam kes ini, oleh kerana ia baru sahaja dibuat dalam negara, maka ada projek-projek yang dilaksanakan sebelumnya tidak sempat diambil kira tetapi untuk masa hadapan, kita ucapkan terima kasih di atas pandangan tersebut.

Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan, menyentuh tentang perubahan taksiran cukai pendapatan kepada sistem taksiran tahun semasa mulai tahun 2000 dan meminta kerajaan berwaspada supaya pembayar cukai tidak mengelak membayar cukai yang sepatutnya. Saya mengucapkan terima kasih di atas ingatan ini dan kita telah pun memanggil syarikat-syarikat berkenaan dan kita telah memberi amaran kepada syarikat-syarikat supaya tidak mengambil kesempatan, supaya tidak melonggokkan segala keuntungan tahun depan ataupun kerugian tahun depan, jika dibuat begitu, maka kerajaan akan kerugian banyak hasil.

Untuk maklum Ahli-ahli Yang Berhormat, berikutan langkah ini, langkah mengubah sistem tafsiran daripada tahun sebelumnya ke tahun semasa bermula tahun 2000, kerajaan akan kehilangan hasil RM494 juta, iaitu satu angka yang besar, satu pengorbanan yang besar, ini kita merasakan penting dan perlu demi memperkemaskan lagi sistem kutipan cukai di negara kita. Sudah pasti dalam

waktu peralihan akan ada sedikit sebanyak masalah tetapi saya ingin memberi jaminan bahawa pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri akan mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan bahawa mereka yang mengelak daripada membayar cukai ini akan diambil tindakan sewajarnya.

Bagi memastikan langkah-langkah ini berkesan, pelaksanaannya akan diperketatkan supaya sistem taksiran tahun semasa dapat menunjukkan objectif kerajaan membuat pembaharuan dan meningkatkan keberkesanan pentadbiran cukai pendapatan. Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk makluman Yang Berhormat, telah mengeluarkan surat pekililing kepada semua majikan untuk memperjelaskan berkenaan sistem ini iaitu Sistem Taksiran Tahun Semasa supaya pelaksanaan sistem ini akan berjalan dengan lancar.

Kita juga telah mengedarkan satu pamphlet dalam bentuk “Soal Jawab” dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris berhubung dengan pelaksanaan Sistem Taksiran Tahun Semasa. “Soal Jawab” ini mengandungi 17 soalan, dan insya-Allah, kita akan poskan atau kalau ada masa dalam dua, tiga hari ini kita akan edarkan kepada Yang Berhormat 17 “Soal Jawab” ini untuk membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat memahami dengan lebih terperinci dan mendalam lagi apakah rasional dan maksud kita melaksanakan perubahan dalam sistem kutipan cukai pendapatan daripada taksiran tahun sebelumnya kepada Sistem Taksiran Tahun Semasa.

Di samping itu, pihak LHDN juga sedang menyediakan risalah dalam bentuk booklet dan pamphlet untuk diedarkan kepada pembayar cukai, untuk diedarkan kepada orang ramai. Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk memaklumkan satu perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat iaitu mengenai apa yang dipanggil “tax amnesty”, dengan izin. Kita perkenalkan langkah ini pada bulan Mei di mana kita kata siapa-siapa yang bawa masuk duit ke Malaysia ini dari luar negara, kita tidak akan tanya apa soalan, tidak payah bayar cukai pendapatan. Ramai rakyat Malaysia yang ada wang di luar negara, tetapi mereka khuatir dan takut hendak bawa duit dari luar negara, kalau bawa duit, pihak Income Tax akan tanya banyak soalan. Jadi kerajaan pada bulan Mei telah membuat keputusan untuk membenarkan rakyat Malaysia yang ada wang di luar negara

membawa balik wang tersebut dan kita beri jaminan bahawa pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak akan bertanya sebarang soalan.

Saya ingin memaklumkan bahawa 'tax amnesty' ini akan berkuatkuasa sehingga 31 Disember tahun ini, tidak lama, kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada duit banyak di luar negara itu, bawalah segera kerana kalau bawa tahun depan akan dikenakan cukai pendapatan. Kita ada dua minggu lagi, hari ini 15 haribulan dan sampai 31 haribulan kalau kita bawa.....

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon izin untuk mendapat maklumat dari pihak kerajaan, sama ada kerajaan bercadang untuk menyenaraikan nama rakyat Malaysia yang menyimpan wang di luar negara, sebab itu perkara yang cukup sensitif dan kerajaan perlu terus selain daripada senarai yang dapat tender dan saham, kita juga mahu senarai yang simpan duit di luar negara.

**Dato' Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara yang berbeza. Yang pertama, pendapatan yang diperolehi yang dikenakan cukai pendapatan dan tidak diisytiharkan. Jadi mereka ada duit tetapi tidak diisytiharkan. Ada golongan lain yang ada wang di luar negara, mereka mengisytiharkan dan mereka membayar cukai, jadi dua kategori. Satu ada wang luar negara, tidak bayar cukai; satu lagi ada wang luar negara, bayar cukai.

Jadi yang saya cakap ini, ada wang di luar negara yang tidak bayar cukai sebelum ini. Jadi langkah yang kita ambil ini ialah untuk menggalakkan mereka membawa masuk wang luar negara. Ini akan membantu kita dalam usaha-usaha untuk memulihkan ekonomi negara. Ini satu kelonggaran yang diberikan. Jadi kalau kerajaan isytiharkan atau hebahkan nama mereka ini adalah satu langkah yang tidak adil pada pendapat kerajaan. Mereka sebenarnya membantu kita dengan membawa duit daripada luar negara, saya akan memberi angkanya sehingga 12 Disember 1998 iaitu seramai 194 individu telah membawa wang ini yang di bawah kelonggaran ini melibatkan RM138.5 juta. Ini berkaitan cukai.

Yang kita sebut satu lagi kategori ialah orang yang simpan wang di luar negara seperti Singapura untuk mengambil faedah daripada kenaikan kadar faedah.



Itu golongan yang lain. Itu mereka yang membawa ke luar wang semata-mata untuk mengambil faedah daripada kenaikan faedah di Singapura. Yang ini kita bercakap tentang orang yang ada duit oleh kerana banyak soalan dia tanya maka mereka simpan di luar negara tetapi kita beri kemudahan ini dan dengan itu mereka tidak akan ditanya sebarang soalan. RM138.5 juta ini telah pun masuk dalam negara dan ini merupakan hasil kerajaan. Jadi kita tidak harus finalise ataupun menghukum mereka, mereka sebenarnya telah membantu kita, kalau tidak, duit ini akan berada di luar negara. Jadi kita ada cuma lima belas hari sahaja dan kita berharap rakyat Malaysia akan mengambil peluang yang sewajarnya membawa balik wang daripada luar negara dan kita tidak akan tanya apa-apa soalan, cuma tulis surat kepada Kementerian Kewangan dan pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak akan bertanya apa-apa soalan, wang itu boleh dibawa masuk ke dalam negara.

Ahli Yang Berhormat Long bin Jidin, Dato' Haji Mohd. Zuki dan juga Dato' Haji Sairin bin Karno membangkitkan antara lain berkaitan arak, judi dan rokok. Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki meminta supaya dinaikkan lagi kadar duti pertaruhan ataupun kadar cukai perjudian. Dato' Haji Sairin meminta supaya ditutup terus judi ini.

Jadi saya ingin memaklumkan bahawa kita merasakan kadar cukai yang dikenakan dalam Belanjawan sudah pun memadai dan kita merasakan ianya tidak perlu dinaikkan lagi. Dato' Haji Mohd. Zuki minta supaya dinaikkan kepada 7% hingga 10% lagi, walau bagaimanapun kita akan kaji perkara ini dari masa ke semasa.

Mengenai aktiviti perjudian, pada masa ini yang kita buat ialah untuk mengawal dengan ketat termasuklah tidak ada lesen baru perjudian, orang Islam tidak dibenarkan masuk premis perjudian, orang yang di bawah umur 21 tahun tidak boleh masuk di premis perjudian. Orang Islam tidak boleh memiliki lesen dan tidak boleh memiliki saham dalam syarikat perjudian. Orang Islam tidak dibenarkan menjadi operator jualan di premis perjudian. Inilah langkah-langkah yang kita ambil dan dalam tempoh tertentu kita akan terus mengenakan peraturan memperketatkan syarat-syarat termasuklah mengurangkan outlet perjudian di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai antimerokok, Yang Berhormat Puan Sri Sarasa ada sebut supaya kerajaan mengkaji kempen anti-merokok dan menghapuskan penagihan arak yang menimbulkan masalah kesihatan. Kerajaan telah mengambil langkah menaikkan kadar duti rokok dan minuman keras dalam Belanjawan 1999. Ini akan mengakibatkan barangan ini akan lebih mahal dan akan mengurangkan masalah ketagihan terhadap rokok dan arak yang boleh menjejaskan kesihatan. Dalam pada itu saya ingin memaklumkan bahawa pihak kastam khususnya sentiasa mempertingkatkan usaha untuk membendung kegiatan smuggling, dengan izin. Usaha-usaha ini akan diperhebatkan lagi memandangkan kenaikan cukai arak, rokok dan lain-lain lagi. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat ini pihak kastam telah pun menangkap dan telah pun dapat membongkar 559 kes smuggling ataupun penyeludupan ini yang melibatkan kerugian hasil sebanyak RM3.9 juta dan kita telah mengarahkan pihak kastam supaya memperhebatkan usaha untuk mencegah penyeludupan.

Yang Berhormat Dato' Chet Singh mencadangkan supaya satu jurucakap yang amat mahir dalam soal ekonomi dilantik untuk memberi penjelasan tentang langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam memulihkan ekonomi. Kita sedar tentang perkara ini dan sebenarnya keadaan hari ini lebih baik daripada dahulunya khususnya setelah ditubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN). Kita ada satu Unit Komunikasi dalam MTEN terdiri daripada beberapa orang pakar komunikasi dan mereka ini sedang berusaha untuk menyelaraskan komen dan pandangan pihak-pihak tertentu dalam kerajaan tentang isu-isu ekonomi semasa. Jadi sebelum ini memanglah ada nampak bercelaru sedikit, kadang-kadang nampak kenyataan yang agak bercanggah tetapi dengan penubuhan MTEN khususnya dengan penubuhan Unit Komunikasi di MTEN ini kita dapati bahawa keadaan sudah pun bertambah baik. MTEN juga ada homepage sendiri, ia agak agresif dalam mempertahankan dasar-dasar ekonomi negara dan kita ucapkan terima kasih kepada Dato' Chet Singh kerana mengemukakan pandangan tersebut dan kita berharap akan terus dapat memperbaiki keadaan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada yang bangun.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Kita ucapkan terima kasih kepada penerangan yang amat padat oleh Yang Berhormat Menteri. Cuma kita hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah peranan MTEN yang disebutkan tadi sebenarnya amat melebihi untuk membantu pemulihan ekonomi berbanding dengan pelan yang dilaksanakan oleh IMF di negara-negara yang sedang mereka bantu. Maknanya apakah perbezaan sekiranya kita menerima IMF

dengan tidak mewujudkan MTEN dengan perbezaan pelaksanaan IMF di negara-negara yang mendapat injeksi kewangan?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kita ada dua pilihan. Pertama ialah mengaku kalah dan menyerahkan segala-galanya kepada IMF. Keduanya ialah melaksanakan dasar mengikut acuan kita sesuai dengan keperluan negara kita. Kita telah memilih untuk tidak menyerah kalah, kalau kita hendak cara yang senang kita menyerah kalah dan kita biarkan IMF menguruskan ekonomi negara kita seperti yang dilakukan di beberapa buah negara. Apabila kita menyerah kalah dan mengambil pinjaman daripada IMF kita dikenakan beberapa syarat dan peraturan dan apabila ini berlaku maka pengurusan ekonomi, kewangan dan mungkin politik negara pun akan terpaksa diserahkan kepada IMF.

Di negara kita Malaysia, kita memilih untuk melaksanakan dasar-dasar sendiri sesuai dengan tuntutan negara khususnya untuk mempertahankan negara kita Malaysia daripada ancaman luar. Jadi sebenarnya apa yang kita lakukan ini, iaitu langkah-langkah yang diperkenalkan di bawah Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN), iaitu satu dokumen yang dikeluarkan bulan Julai lalu oleh pihak MTEN sebenarnya merangkumi seluruh sektor ekonomi – menyeluruh, dan saya berani menyatakan bahawa langkah-langkah yang kita perkenalkan ini adalah lebih menyeluruh, lebih komprehensif, lebih baik daripada langkah-langkah yang akan diperkenalkan oleh IMF. Ia jelas telah berkesan untuk membawa kepada pertumbuhan ekonomi dan juga ia telah jelas membawa kepada pemulihan keyakinan tetapi yang terpenting sekali ia telah memastikan bahawa negara Malaysia akan diuruskan oleh kita sendiri, bukannya oleh pihak asing. Jadi ini bezanya kita dengan IMF.

Seterusnya Yang Berhormat Zainal Rampak, Puan Hajah Hunaizah dan juga Dato' Ting Check Sii membangkitkan tentang EPF dan mereka menggesa wang EPF atau KWSP hanya digunakan untuk projek-projek yang berdaya saing dan bukan projek yang berisiko tinggi. Saya ingin memaklumkan bahawa panel pelaburan EPF meneliti setiap pelaburan yang dimasukinya dan EPF cuma melabur dalam projek-projek setelah ia berpuas hati bahawa projek-projek tersebut adalah berdaya maju. Jadi isu ini tidak berbangkit.

Berkaitan dengan Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak yang meminta kerajaan meneliti perjalanan EPF kerana masih banyak ruang yang perlu diperbaiki terutama dalam soal kadar faedah yang semakin menurun yang dibayar oleh EPF. Sebenarnya EPF telah mampu untuk memberi kadar dividen yang agak baik. Tahun lepas 6.7% dan ini adalah reasonable dan berpatutan berbanding dengan kadar faedah umpamanya untuk fixed deposit tahun ini kita belum lagi habis tahun, jadi kita belum tahu lagi berapa dividen yang akan diisytiharkan tetapi yang penting dividen ini berasaskan keuntungan yang diperolehi oleh EPF, kalau keuntungannya tinggi maka sudah pasti kadar dividennya juga tinggi. Kerajaan mengucapkan terima kasih atas ingatan dan pandangan Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak dalam perkara ini dan kerajaan akan memastikan bahawa EPF akan terus mampu memberikan kadar dividen yang competitive dalam konteks keadaan ekonomi semasa.

Yang Berhormat Janggu Anak Banyang membangkitkan tentang masalah sekolah khususnya beliau mencadangkan supaya usaha dipertingkatkan dalam memperbaiki sekolah usang, menyediakan bekalan air dan elektrik kepada sekolah-sekolah di luar bandar serta rumah guru. Saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan memang prihatin tentang perkara ini misalnya untuk perumahan guru di luar bandar – peruntukan disediakan dalam empat tahun ini ialah RM493.4 juta untuk pembaikan, ubahsuai dan selenggaraan. Naik taraf sekolah-sekolah pula sebanyak RM420 juta diperuntukkan dalam tempoh empat tahun ini. Kerajaan prihatin dan kita ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat membangkitkan perkara ini.

Yang Berhormat Datuk Yee Lung Fook Geoffrey telah menyeru supaya levi ke atas keuntungan berlebihan yang dikenakan ke atas minyak kelapa sawit yang dikutip ini, beliau mencadangkan supaya digunakan untuk faedah pekebun-pekebun kelapa sawit. Kita ingin memaklumkan bahawa kutipan ini akan digunakan untuk projek-projek pembangunan secara umumnya tidak dikhususkan kepada pekebun-pekebun kelapa sawit. Dalam pada itu kerajaan akan mengambil kira keperluan pekebun kelapa sawit dan kita merasakan bahawa melalui FELDA

dan agensi-agensi kerajaan yang lain, kepentingan mereka adalah sentiasa terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, itulah secara ringkas beberapa isu utama yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, saya hendak beri peluang kepada rakan-rakan dalam kerajaan yang sedia menunggu untuk menjawab persoalan yang dibangkit oleh Yang Berhormat. Saya sekali lagi ingin menyatakan ucapan terima kasih pihak Kementerian Kewangan khususnya dan kerajaan amnya kepada Ahli Yang Berhormat yang telah menyokong keputusan Belanjawan ini dan segala teguran yang dikemukakan kita akan ambil perhatian seperti yang disebut tadi, beberapa pandangan berkaitan lembaga pengarah, berkaitan dengan penggunaan barang import dan lain-lain yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat memang kita ambil perhatian dan tindakan sewajarnya akan kita ambil. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

### **3.32 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang undang Perbekalan 1999 ini. Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai pandangan-pandangan teguran-teguran dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Yeow Seng Huat ingin tahu langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi memastikan negara ini tidak kehabisan sumber tenaga sekiranya petroleum tidak terdapat lagi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini kerajaan telah menimbang beberapa alternatif bagi memastikan bekalan sumber tenaga negara yang terjamin. Selaras dengan dasar susutan negara ataupun national depreciation policy, dengan izin, yang bertujuan untuk melanjutkan jangka hayat bekalan minyak mentah purata pengeluaran dihadkan pada kira-kira 630,000 tong sehari bagi tempoh Rancangan Malaysia Ke-7.

Bagi menjamin bekalan sumber gas yang mampan pula had penggunaan jangka panjang sebanyak 2,000 juta kakipadu sehari telah diterima pakai di Semenanjung Malaysia. Dalam pada itu kaedah pembangunan bersepadu yang cekap dari segi kos dimajukan bagi menggantikan pendekatan pembangunan lapangan secara berasingan bagi mengoptimumkan pembangunan dan pengeluaran sumber petroleum iaitu minyak dan gas di Malaysia.

Sementara itu Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk meningkatkan rizab petroleum kepunyaan Malaysia, Petronas sedang dan akan meneruskan kegiatan cari gali di luar negara secara ikatan strategik dengan syarikat-syarikat petroleum multinasional. Sehingga kini anak-anak syarikat Petronas telah melaksanakan kegiatan cari gali petroleum di luar negara termasuk di Pantai Myanmar, Filipina, Republik Rakyat China, Vietnam dan Yemen.

Dalam usaha untuk mengurangkan penggantungan kepada petroleum sebagai bahan utama tenaga dan mempelbagaikan sumber tenaga, dasar kepelbagaian empat bahan bakar atau dengan izin, the four pure diversification policy telah dilaksanakan di mana tumpuan diberikan kepada empat bahan bakar iaitu minyak, gas, arang batu dan hidro. Dasar ini sedang dikaji semula bagi mengambil kira sumber tenaga yang boleh diperbaharui atau dengan izin, renewable sources of energy, seperti biomass, solar dan angin sebagai sumber alternatif lain yang berdaya maju.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ibrahim bin Ali pula telah mengesyorkan supaya perlantikan jawatan pengerusi dan ahli-ahli lembaga pengarah agensi atau syarikat kerajaan diagih-agihkan dan tidak tertumpu kepada seseorang atau sesuatu kumpulan sahaja. Yang Berhormat juga mencadangkan supaya jawatan Pengerusi itu dilantik tidak melebihi empat tahun ataupun selama dua penggal sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa perlantikan Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah dibuat antara dua hingga tiga tahun sekali. Kuasa melantik bagi agensi atau syarikat kerajaan di bawah Jabatan Perdana Menteri ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan Yang Berhormat Menteri-menteri yang berkenaan dengan persetujuan Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri. Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali juga telah membangkitkan mengenai bentuk tindakan yang diambil oleh kerajaan terhadap mereka yang melakukan, dengan izin, act of treason.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa jenayah terhadap negara diperuntukkan dalam Bab 6, Kanun Keseksaan. Berdasarkan apa yang diketahui setakat ini perbuatan yang dilakukan the act of treason, dengan izin, tidak termasuk dalam mana-mana peruntukan di bawah bahagian ini. Walau bagaimanapun, treason atau belot mungkin menjadi satu kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948. Jika demikian maka mengikut Akta Kesalahan Di Luar Negara 1976 perbuatan itu boleh dihukum di bawah Akta Hasutan 1948 walaupun perbuatan yang berkenaan dilakukan di luar negara.

Masalahnya Tuan Yang di-Pertua, ialah bagi membolehkan seseorang itu diekstradiksikan ke Malaysia oleh negara tempat orang itu berada sekarang. Perbuatan itu mestilah juga menjadi satu kesalahan ekstradiksi yakni perbuatan itu mestilah menjadi satu kesalahan di bawah undang-undang negara itu dan boleh dihukum dengan hukuman pemenjaraan dan tidak kurang daripada satu tahun atau hukuman mati. Selain itu negara itu mestilah mempunyai perjanjian ekstradiksi dengan negara kita Malaysia atau menjadi anggota Komanwel.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Zainal bin Rampak telah membangkitkan perkara mengenai gaji kakitangan kerajaan dan mengesyorkan agar kerajaan menaikkan gaji kakitangan kerajaan bila ekonomi pulih sepenuhnya memandangkan kuasa membeli sekarang telah pun berkurangan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan untuk makluman Dewan yang mulia ini kerajaan memang telah menimbang permintaan bagi kenaikan gaji anggota sektor awam. Kerajaan telah meluluskan pelarasan gaji anggota sektor awam mulai 1 Januari 1995. Kerajaan memang sedar keadaan sekarang dengan kegawatan ekonomi, kuasa membeli anggota sektor awam telah terjejas. Namun kerajaan akan menimbang kenaikan gaji ini hanya apabila keadaan kewangan negara kita mengizinkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim juga mencadangkan ....

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada ....

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin :** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta laluan. Saya mengkaji daripada Belanjawan, saya melihat bahawa Belanjawan yang dibentangkan sebanyak RM65.09 bilion mengandungi RM47.042 bilion untuk Perbelanjaan Mengurus. Perbelanjaan pembangunan cuma RM18.053 bilion. Sebahagian besar daripada Belanja Mengurus adalah gaji dan emolumen termasuk dengan keperluan-keperluan mengurus. Daripada sini kita telah pun deposit RM16.635 bilion. Bila saya kira ringgit to ringgit maknanya RM2.6 dibelanjakan untuk menguruskan pembangunan RM1. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah angka Belanja Mengurus RM2.60 untuk menguruskan Belanja Pembangunan RM1 ini angka yang berpatutan kerana melihat bahawa perbelanjaan ataupun kos untuk menguruskan sesuatu pembangunan itu lebih tinggi hampir 1½ tingginya daripada pembangunan yang boleh diberikan kepada rakyat seluruh negara dan saya memberi perhatian ini terutamanya kepada rakyat yang berpendapatan rendah di luar bandar. Jadi apakah perkiraan kerajaan dari segi itu?. Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih.

**Dato Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, membuat perhitungan terhadap pengiraan mengurus negara tidak boleh dilakukan secara demikian kerana separuh negara kalau kita tengok keseluruhan belanjawannya adalah ditumpukan kepada pengurusan semata-mata dan pembangunannya datang daripada sumber pinjaman. Jadi pada hemat saya sama ada munasabah atau tidak munasabah, kalau tanya saya, kerajaan berpendapat bahawasanya keadaan yang sedemikian adalah sangat sihat kepada pertumbuhan negara kita. Jadi saya rasa tidak ada perkara yang saya hendak huraikan malahan Yang Berhormat tadi patut bertanya dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan II dalam urusan ini. Saya bukan pakar tetapi saya tahu bahawa keadaan ini adalah sihat bagi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, terima kasih. Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim mencadangkan supaya jawatan sumber manusia di MTEN ditambah untuk membolehkannya melaksanakan tugas-tugas yang



dipertanggungjawabkan kepadanya. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan II juga telah menjawab beberapa soalan dalam hal ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, semua jawatan MTEN telah pun diisi dan tidak ada permohonan untuk jawatan tambahan.

Namun pandangan Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim akan diambil kira dan akan dimajukan kepada pihak MTEN. Walau bagaimanapun sukacita saya memaklumkan bahawasanya MTEN tidak bekerja sebagai 'sendirian' ianya akan berkoordinasi dengan jabatan-jabatan lain termasuk Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Sairin bin Karno telah meminta Perdana Menteri mengatakan mengapa Jabatan Perkhidmatan Awam terlalu berhati-hati untuk mengisi jawatan kosong. Sesungguhnya dari segi pengisian jawatan kosong, Jabatan Perkhidmatan Awam melaksanakan berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 tahun 1997 di mana pengisian kekosongan jawatan adalah dibekukan melainkan bagi kategori-kategori jawatan berikut tertakluk kepada kelulusan khas Perbendaharaan iaitu:

- (i) jawatan yang tugasnya terlibat secara langsung di dalam pendidikan, kesihatan, kutipan hasil dan penguatkuasaan;
- (ii) kekosongan jawatan yang disebabkan kenaikan pangkat, persaraan, pemberhentian, pembuangan dan kematian.

Bagi permohonan pengisian jawatan di RTM Sabah khususnya, JPA sedang meneliti bersama-sama dengan Kementerian Kewangan dan akan diisi tidak berapa lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa Ahli Yang Berhormat telah mengutarakan permasalahan yang boleh diambil tindakan terus oleh jabatan-jabatan tertentu seperti Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin umpamanya, telah menyuarakan permasalahan stesen bas Pudu Raya yang sesak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tindakan sedang diambil untuk membina semula sebuah stesen bas yang baru berhampiran dengan stesen Pudu Raya.

Begitu juga Ahl-ahli Yang Berhormat telah menegur masalah Bangunan Parlimen yang begitu ketara nampaknya keadaan penyelenggaraannya. Dalam hal

ini Ahli-ahli Dewan Rakyat juga telah pun menyuarakan dengan begitu lantang dan bising sekali dan pihak sekretariat Parlimen telah memberi janji kepada saya dan kami akan mengadakan mesyuarat untuk melihat bahawa penyelenggaraan Bangunan Parlimen ini dilaksanakan dengan lebih sempurna. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri sendiri pun tidak berpuas hati dengan penyelenggaraan Bangunan Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa lagi pandangan berkenaan dengan isu murtad. Sesungguhnya isu murtad ini bukanlah satu isu yang mudah dan ianya amat sensitif, sekarang ini ia dalam tindakan JAKIM dan insya-Allah akan dikaji dengan sehalus-halusnya dan akan diatasi permasalahan yang kita hadapi bersama. Ada Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh beberapa perkara seperti Yang Berhormat Senator Tuan Ym Chee Chong berkaitan dengan permohonan bekas Senator Datuk Kan Kok Kwan, ini adalah dalam Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan pandangan dan teguran kepada Jabatan Perdana Menteri dan kepada mana-mana Ahli Yang Berhormat yang tidak dijawab soalnya akan diambil tindakan berdasarkan kepada kemampuan kerajaan. Saya rasa itu sahajalah perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang sempat saya jawab dan mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab perkara tersebut telah dicatat dan akan diambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya duduk izinkan saya mengambil kesempatan ini mengucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan semua yang beragama Islam, selamat berpuasa dan kepada yang meraikan Hari Natal, dengan izin, Merry Christmas and Happy New Year. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Dalam Negeri.

**3.35 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Senator yang telah menyentuh perkara-perkara mengenai peranan dan tanggungjawab Kementerian

Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1999. Mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan, saya akan cuba memberikan penjelasan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Jamilah binti Ibrahim meminta kerajaan mengambil tindakan ke atas majalah-majalah, khususnya majalah-majalah hiburan terbitan tempatan yang banyak dan kerap menyiarkan gambar-gambar artis yang berpakaian dan bergaya yang kurang sopan dan menjadi ikutan para remaja. Untuk makluman Yang Berhormat, di antara tindakan yang telah dan akan terus diambil ialah secara memberi nasihat, teguran dan amaran. Sekiranya langkah-langkah tersebut tidak dihiraukan, tindakan menggantung dan membatalkan permit penerbitan terhadap majalah-majalah berkenaan akan dilakukan. Pada tahun 1998 iaitu pada tempoh Januari sehingga September 1998 sebanyak 25 penerbit majalah telah diberi teguran atau amaran kerana melakukan kesalahan tersebut.

Yang Berhormat Senator Puan Tan Ah Eng telah membangkitkan beberapa perkara yang berhubung kait dengan Jabatan Pendaftaran Negara. Beliau mengatakan kebanyakan urusan rekod peribadi anak-anak dikaitkan dengan bapa mereka, misalnya dalam urusan memohon kad pengenalan, dan lain urusan pendaftaran dengan hal itu telah menimbulkan masalah apabila berlaku perceraian ibu bapa mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat, pengeluaran sijil kelahiran adalah dikeluarkan berdasarkan Akta Kelahiran dan Kematian 1957. Maklumat yang terdapat dalam sijil kelahiran dan keterangan ibu bapa kanak-kanak tersebut, jika sekiranya berlaku perceraian atau kematian salah seorang ibu atau bapa kanak-kanak tersebut, kad pengenalan boleh dipohon oleh salah seorang daripada mereka yang hidup ataupun penjaga kanak-kanak tersebut. Walau bagaimanapun, pemohon perlu membawa dokumen bukti sebab-sebab ibu atau bapa tidak dapat hadir ketika permohonan itu dibuat.

Seterusnya Yang Berhormat Puan Tan Ah Eng menimbulkan perkara mengenai penguat kuasa Jabatan Pendaftaran Negara ataupun polis ke atas para suami yang berkahwin lebih daripada seorang isteri yang mana adalah melanggar

undang-undang perkahwinan dan perceraian. Dalam hubungan ini mengikut Akta Memperbaharui Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian 1976 yang berkuat kuasa bagi orang-orang bukan Islam tidak membolehkan pasangan berkahwin lebih dari satu. Rekod mereka yang telah berkahwin sama ada perkahwinan melalui adat yang didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara atau mengikut undang-undang perkahwinan, ada disimpan di Jabatan Pendaftaran Negara dan sebarang penyelewengan yang berlaku akan dapat dikesan. Walau bagaimanapun bagi perkahwinan yang mengikut lain-lain undang-undang tidak akan dapat direkodkan dan adalah sukar bagi pihak Jabatan Pendaftaran Negara mengesan perbuatan mereka yang berkahwin lebih daripada satu.

Saya juga bagi pihak kerajaan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ibrahim bin Ali yang mempertahankan tindakan tegas yang diambil oleh pasukan Polis Diraja Malaysia terhadap pihak-pihak tertentu untuk menjamin ketenteraman dan keselamatan negara sentiasa terpelihara. Menyentuh keyakinan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ibrahim bin Ali ke atas tujuan diwujudkan Akta Keselamatan Dalam Negeri dan beberapa akta pencegahan lain sebagai yang dihuraikan dan diperjelaskan oleh beliau itu, saya juga hendak ucapkan terima kasih kepada beliau saya juga ingin memaklumkan bahawa kerajaan tidak sewenang-wenangnya mengguna atau mengenakan terhadap mana-mana pihak pun melainkan apabila keadaan dan situasi yang amat memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Yim Chee Chong berkenaan kegiatan lanun di perairan negara, kerajaan melalui agensi keselamatan seperti polis marin, jabatan laut dan tentera laut sentiasa menjalankan rondaan di kawasan pantai dan perairan negara bertujuan membanteras kegiatan-kegiatan merompak di kawasan laut negara.

Seterusnya mengenai sama ada terdapat kuasa luar negara yang membantu pihak-pihak yang membuat rusuhan di negara ini, sehingga kini belum ada hasil siasatan yang kukuh untuk perkara ini. Walau bagaimanapun kerajaan sedang menjalankan siasatan yang sewajarnya.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, menggesa supaya kerajaan menarik balik kerakyatan mereka yang didapati telah mengkhianati negara ini. Sehubungan dengan ini saya masih ingat kementerian saya telah pun memberikan satu jawapan kepada Yang Berhormat Senator bertarikh 8 Disember. Walau bagaimanapun pandangan Yang Berhormat akan diambil perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya itu sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan sekiranya ada isu-isu lain yang tidak sempat saya sentuh, perkara-perkara tersebut akan diambil perhatian oleh Kementerian Dalam Negeri untuk tindakan yang selanjutnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kementerian Pengangkutan sila jawab.

**3.40 ptg.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu prihatin ke atas perkara-perkara yang berbangkit dengan bidang tugas Kementerian Pengangkutan. Kementerian ini menghargai pandangan dan teguran yang telah diberikan semasa sesi perbahasan dalam Dewan yang mulia ini. Semua perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian sepenuhnya dan akan disusuli dengan tindakan yang sewajarnya. Sehubungan dengan itu, dipohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk membolehkan saya memberi penjelasan secara ringkas dalam masa yang terhad ini berhubung dengan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai persoalan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba mengenai bot-bot dan feri-feri sentiasa diisi dengan penumpang lebih dari dihadkan dan tindakan kerajaan untuk mengawasi keadaan seperti ini. Yang Berhormat juga ada menyentuh mengenai feri dari Pasir Gudang

ke Batam diisi dengan penuh dan berjalan terlampau laju. Ingin saya menjelaskan di Dewan ini bahawa kerajaan sentiasa peka terhadap keselamatan kapal atau bot membawa penumpang. Mengikut kepada keperluan Ordinan Perkapalan Saudagar 1952, seksyen 208(1) setiap kapal-kapal penumpang atau bot penumpang yang berdaftar diwajibkan menjalankan pemeriksaan sekurang-kurangnya sekali pada setiap tahun oleh pemeriksa-pemeriksa kapal ataupun badan yang diiktiraf oleh kerajaan untuk memeriksa kapal tersebut. Manakala bagi kapal atau bot penumpang yang dilesenkan, pemeriksaan diwajibkan bergantung kepada tarikh lesen tersebut tamat di mana ianya tidak boleh melebihi 12 bulan mengikut seksyen 477(1) Ordinan Perkapalan Saudagar dan sekurang-kurangnya sekali pada setiap tahun, iaitu apabila lesen bot tersebut perlu dilanjutkan.

Bagi sesebuah bot atau kapal penumpang yang hendak dilesenkan atau didaftarkan, kapal atau bot berkenaan perlu mendapatkan sijil penumpang terlebih dahulu. Sijil penumpang ini menetapkan tentang bilangan penumpang yang boleh dibawa dengan selamat mengikut keupayaan dan reka bentuk kapal yang mana jumlah ini ditetapkan oleh pemeriksa kapal daripada Jabatan Laut. Bagi sesebuah bot ataupun kapal penumpang untuk mendapatkan sijil penumpang beberapa aspek keperluan keselamatan perlu diambil kira. Di antaranya ialah pertama, bergantung kepada jenis laluan; kedua, peralatan keselamatan bot tersebut; ketiga, peralatan melawan kebakaran bot tersebut; dan keempat, pembinaan.

Setiap kali sesebuah kapal atau bot penumpang yang ingin berlepas atau ingin memulakan pelayaran, satu dokumen pelepasan yang dipanggil pelepasan pelabuhan atau port clearance akan dikeluarkan. Melalui pelepasan pelabuhan ini pihak Jabatan Laut memastikan bahawa kapal atau bot berkenaan tidak membawa penumpang yang berlebihan.

Berkaitan dengan dakwaan bahawa feri dari Pasir Gudang ke Batam diisi dengan penuh dan berlayar terlampau laju, pihak Jabatan Laut akan menyiasat perkara ini dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya mengikut undang-undang Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 seandainya perkara Yang Berhormat sebut adalah benar kerana setakat ini kita tidak ada laporan berkaitan dengan perkara ini.

Mengenai persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba dari Melaka juga yang telah membangkitkan isu kemalangan jalan raya yang sering berlaku yang melibatkan kenderaan berat. Yang Berhormat juga telah menyentuh mengenai isu kenderaan berat yang diletak di tepi jalan tanpa apa-apa tanda amaran. Memanglah benar terdapatnya kemalangan jalan raya yang melibatkan kenderaan berat iaitu lori-lori dan juga bas ekspres. Bagi tahun 1996 - 23.49% dan pada tahun 1997 - 23.54% daripada jumlah kemalangan jalan raya adalah melibatkan kenderaan-kenderaan tersebut. Kenderaan-kenderaan berat ini yang diletakkan di tepi-tepi jalan lebuhraya tanpa memaparkan tanda amaran adalah satu faktor daripada berlakunya kemalangan jalan raya. Kenderaan-kenderaan tersebut tidak dapat dilihat terlebih awal oleh kenderaan-kenderaan yang lain yang melintasinya dan menyebabkan ianya dirempuh dari belakang.

Di bawah kaedah 101A – Pembinaan dan Kegunaan 1959, semua kenderaan perdagangan yang diletakkan di tepi jalan raya dikehendaki meletakkan tanda amaran tiga segi tidak kurang daripada 50 ela dari kenderaan tersebut untuk panduan dan keselamatan pengguna jalan. Bagi kenderaan yang melanggar peraturan ini tuan punya kenderaan tersebut boleh didakwa dan jika sabit kesalahannya boleh didenda tidak melebihi RM1,000 atau tiga bulan penjara.

Saya suka juga memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini bahawa semenjak dua bulan yang lepas polis telah pun memberi ataupun mengeluarkan kuasanya kepada PLUS untuk menunda ataupun menarik mana-mana kenderaan yang tersadai di tepi Lebuhraya Utara-Selatan. Dengan ini maka kita dapat mengeluarkan kenderaan-kenderaan yang rosak ataupun yang diletakkan begitu sahaja oleh tuan-tuan punya kenderaan kerana sebab-sebab yang tertentu dengan tempoh yang segera kerana dahulunya terpaksa menunggu kenderaan polis. Sekarang ini kuasa polis telah diberi kepada pegawai-pegawai penguat kuasa PLUS sendiri.

Mengenai persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin yang membangkitkan bahawa.....

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri berpindah kepada satu perkara lain, saya tertarik kepada kemalangan jalan raya dan berkaitan dengan perlindungan insurans. Tadi saya terbaca kenyataan bahawa terdapat lebih sejuta kenderaan yang tidak dilindungi oleh insurans bergerak di jalan raya di Malaysia kerana ada kaitan

dengan kemalangan yang tidak dilindungi oleh insurans. Apakah penjelasan dapat diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua kenderaan yang bergerak di jalan raya yang ada road tax sebelum road tax, diperbaharui mereka perlu mempunyai insurans terlebih dahulu. Kenyataan yang dibuat oleh Ketua Pengarah adalah satu perkara yang baru yang kami di peringkat kementerian belum mendapat laporan yang terperinci. Esok ada post-Cabinet, kita akan minta Ketua Pengarah menjelaskan apakah maksud beliau 1,000 ataupun 1 juta kenderaan tanpa insurans bergerak di jalan raya, selepas itu nanti kita akan maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat maksud beliau yang sebenarnya.

Mengenai persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin yang membangkitkan bahawa kadar tambang sistem LRT adalah terlalu mahal. Tuan Yang di-Pertua, sistem pengangkutan transit aliran ringan diadakan bagi mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di Bandaraya Kuala Lumpur di samping ianya dapat memberi perkhidmatan yang selesa kepada pengguna. Kadar bayaran tambang yang dikenakan bagi perkhidmatan LRT adalah munasabah berdasarkan mutu perkhidmatan yang cepat, tepat dan selesa. Orang ramai yang menggunakan perkhidmatan LRT dapat mengelakkan diri mereka dari kesesakan lalu lintas di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur terutamanya di waktu-waktu puncak. Kadar tambang yang dikenakan itu pula telah pun mengambil kira dari pelbagai sudut serta telah dipersetujui oleh kerajaan.

Laluan LRT Star dari Stesen Sultan Ismail ke Stesen Ampang adalah sejauh 12 kilometer dikenakan bayaran sebanyak RM2.90. Perjalanan LRT dari stesen Sentul Timur ke stesen PWTC dikenakan bayaran RM1.50. Begitu juga bagi perjalanan dari Sentul Timur ke Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil tambang yang dikenakan ialah RM2.90. Begitu juga dengan laluan LRT Putra dari Depot Sepang ke Terminal Putra di Gombak sejauh 28 kilometer yang melalui sebanyak 24 stesen, tambang yang dikenakan ialah RM4.50. Tambang-tambang ini telah pun dikira dengan sewajarnya sebelum ditetapkan, dan kita mendapati tambang ini munasabah mengikut jarak laluan dan juga dapat mengurangkan masa bagi pengguna-pengguna sistem pengangkutan LRT seperti yang disebut di atas tadi.

Setakat ini nampaknya pengguna-pengguna dapat menggunakannya dengan baik dan penggunaannya telah pun meningkat seperti STAR sahaja dapat membawa sehingga kini lebih kurang 30,000 penumpang sehari manakala PUTRA, 18,000



penumpang. Bagi kereta api komuter pula telah dapat membawa penumpang satu hari sebanyak 50,000. Ini menunjukkan satu peningkatan penggunaan yang begitu baik dan telah dapat mengurangkan kesesakan di dalam Bandaraya Kuala Lumpur kerana itu harga-harga tambang ini didapati munasabah dan tidak ada cadangan untuk diubahsuai. Di samping itu juga, LRT-LRT ini ada memberi diskaun-diskaun tertentu jika kita beli mengikut bulanan, berkumpulan, pelajar dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah sahaja penjelasan ringkas saya berhubung dengan isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, suka saya memaklumkan bahawa bagi isu-isu yang ada tertinggal jika tidak saya jelaskan, ianya akan diberi perhatian oleh kementerian dan kita akan mengambil tindakan dari masa ke semasa oleh pegawai-pegawai yang berkaitan. Sekali lagi, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu prihatin dan telah sudi meluangkan masa untuk membahaskan isu-isu berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan.

Semua teguran dan cadangan akan diteliti dan tidak akan disia-siakan demi memastikan bahawa ia akan mendatangkan manfaat kepada kementerian ini dalam melaksanakan program serta perancangan pengangkutan negara kita supaya ianya menjadi yang terbaik dan efisien untuk pengguna-pengguna di negara kita pada masa-masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Kerja Raya.

**3.52 ptg.**

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara mengenai bidang-bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ketika perbahasan Belanjawan 1999. Saya akan cuba menjawab atau memberikan penjelasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr. Yeow Seng Huat telah membangkitkan krisis bekalan air dan kawasan tadahan air yang tidak mencukupi dan ingin tahu apakah langkah-langkah untuk mengatasi masalah tersebut. Beliau juga telah mencadangkan agar peruntukan yang lebih besar dapat diberikan kepada kementerian yang berkaitan bagi mengatasi masalah air. Untuk makluman Ahli

Yang Berhormat, bagi mengatasi krisis bekalan air seluruh negara khususnya Selangor beberapa langkah telah diambil antaranya:

- (i) mengadakan kajian menyeluruh mengenai sumber dan keperluan air negara sehingga tahun 2050;
- (ii) meningkatkan penambahan kapasiti air dengan menambahkan skim pengepaman air mentah daripada Sungai Selangor ke Empangan Sungai Buloh di Selangor;
- (iii) mencadangkan untuk membina empangan-empangan baru seperti yang telah dicadangkan di bawah Skim Empangan Sungai Selangor di daerah Hulu Selangor.
- (iv) kerja-kerja membina loji rawatan air untuk menambah kapasiti air bersih;
- (v) kerja-kerja mengganti paip lama jenis asbestos cement (AC) dengan izin, kepada paip jenis baru untuk mengatasi masalah kehilangan air akibat paip bocor atau pecah; dan
- (vi) memindah air daripada negeri-negeri yang mempunyai lebih kepada negeri-negeri yang memerlukan seperti dari Pahang ke Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai peruntukan pula, di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM2.8 bilion bagi tujuan meningkatkan pembangunan dan bekalan sumber air negara. Adalah diharapkan dengan langkah-langkah ini, masalah kekurangan air untuk masa-masa yang akan datang tidak akan berulang lagi. Bagi mengatasi krisis bekalan air, kerajaan telah mengambil tindakan penyelesaian jangka pendek dengan mengagihkan bekalan air ke kawasan-kawasan kediaman dengan menggunakan lori-lori tangki.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Janggu Anak Banyang, yang membangkitkan isu lebu raya di Sarawak iaitu dari Simpang Betong ke Kayu Malam yang banyak selekoh dan lubang, Kementerian Kerja Raya akan sentiasa meningkatkan taraf jalan tersebut. Secara jangka pendek kerajaan telah dan akan terus membaiki kerosakan-kerosakan melalui program penyenggaraan jalan biasa dari masa ke semasa. Untuk jangka panjang, kerajaan telah pun meluluskan projek menaik taraf dan mengetar Jalan Betong/Kayu Malam dalam tempoh Rancangan

Malaysia Ketujuh ini. Keutamaan diberikan kepada projek naik taraf dan mengetar jalan daripada simpang Betong ke simpang Saratok sepanjang 90 kilometer.

Projek tersebut akan dilaksanakan dalam empat pakej iaitu Pakej A daripada Simpang Betong ke Simpang Sepauh diikuti oleh Pakej B, daripada Simpang Sepauh ke Simpang Malupar kemudian Pakej C daripada Simpang Malupar ke Simpang Roban dan Pakej D daripada Simpang Roban ke Kayu Malam. Pakej A telah pun ditawarkan secara runding terus dan kerja-kerja pembaikan jalan dijangka dapat dimulakan pada awal tahun 1999. Bagi pakej-pakej lain, projek ini akan ditender pada awal tahun 1999 juga.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan telah mengesyorkan penubuhan dana kontraktor bumiputera. Beliau meminta agar strategi kaedah dan pendekatan yang berkesan dapat diadakan bagi menyelamatkan dan mengukuhkan kontraktor-kontraktor bumiputera semasa Malaysia mengalami kegawatan ekonomi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syor penubuhan dana kontraktor bumiputra perlu kajian yang lebih mendalam memandangkan terdapat beberapa tabung bantuan yang sedia ada wujud di bawah beberapa agensi yang lain. Walau bagaimanapun, Kementerian Kerja Raya mempunyai tabung Skim Kumpulan Wang Amanah Kontraktor (SKWAK). SKWAK adalah merupakan satu daripada program Kementerian Kerja Raya bagi membantu kontraktor-kontraktor bumiputera dalam kelas F hingga ke kelas BX yang tidak berupaya menikmati kemudahan wang pendahuluan kerana tidak berjaya mendapatkan jaminan bank. Tabung ini mempunyai wang pusingan berjumlah sebanyak RM5 juta.

Tuan Yang di-Pertua, kontraktor yang mempunyai syarat-syarat berikut boleh dipertimbangkan untuk mendapatkan pinjaman di bawah skim ini:

- (a) kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam kelas F hingga ke kelas BX;
- (b) masih diiktiraf sebagai bumiputera oleh PKK;
- (c) modal dan tenaga pengurusan dimiliki 100% bumiputera;
- (d) menerima surat setuju terima tawaran daripada JKR bagi kontrak kerja projek-projek Persekutuan;
- (e) harga tawaran kontrak adalah viable ataupun menguntungkan;
- (f) mempunyai rekod kerja yang baik dan memuaskan serta tidak terlibat dengan tindakan kesusahan berat kerana hutang.

Tuan Yang di-Pertua, Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, telah menegur bahawa banyak kemalangan yang melibatkan lori treler dan bas yang berhenti di tepi jalan terutamanya di lebuhraya. Saya tidak ingin menyentuh perkara ini kerana sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan telah pun menyebut dengan panjang lebar mengenai perkara yang sama. Walau bagaimanapun, saya ingin menyentuh satu perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, yang menyatakan bahawa terdapat pokok-pokok jati yang ditanam di sepanjang jalan raya atau lebuhraya, beliau bimbang pokok-pokok tersebut akan membawa bencana di mana pada masa akan datang, jika ianya tumbang melintasi jalan, akan menimpa kenderaan yang sedang lalu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penanaman pokok-pokok jenis balak di sepanjang lebuhraya adalah bertujuan untuk maksud penlandskapan serta perhutanan semula kawasan-kawasan di mana pokok-pokok asal telah pun ditebang semasa pembinaan lebuhraya. Kerajaan sentiasa memastikan bahawa kawasan yang ditanam adalah sesuai dan dapat menampung pertumbuhan pokok-pokok serta pengawasan dilakukan setiap masa untuk menjamin keselesaan dan keselamatan para pengguna jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali telah mengusulkan supaya kerajaan menggalakkan penggunaan bahan-bahan tempatan dalam industri pembinaan. Kementerian Kerja Raya sememangnya menggalakkan penggunaan bahan-bahan tempatan dalam industri pembinaan di mana keutamaan adalah diberikan kepada bahan-bahan tempatan dalam setiap penyediaan spesifikasi rekabentuk dan tender. Arahan juga telah dibuat supaya semasa penilaian projek keutamaan diberikan kepada bahan-bahan tempatan. Selain daripada itu kerajaan juga telah mengeluarkan pekeliling yang menggalakkan penggunaan bahan-bahan tempatan malahan salah satu usaha penggalakan penggunaan bahan-bahan tempatan ialah dengan mengadakan Malaysian Product Show Case dalam pameran tahunan anjuran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia atau CIDB.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Christina Lorline Tibok Van hout en mencadangkan supaya Kerajaan Pusat menambahkan lagi peruntukan untuk pembinaan dan pembaikan jalan-jalan di Malaysia Timur khususnya di Sabah. Kerajaan sentiasa prihatin terhadap keadaan jalan-jalan di Sabah dan Sarawak. Peruntukan yang diluluskan untuk negeri-negeri bagi tujuan pembangunan dan penyelenggaraan jalan sentiasa dikaji dari masa ke semasa.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menjawab kerajaan sentiasa memberi keutamaan kepada projek-projek pembinaan supaya menggunakan segala bahan-bahan tempatan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat apakah Yang Berhormat sedar walaupun ada arahan daripada pihak kerajaan, surat pekeliling daripada Perbendaharaan dan juga seumpamanya, tetapi masih ada lagi agensi-agensi kerajaan termasuk JKR sendiri tidak dapat melaksanakan arahan tersebut dengan tegas. Saya hendak tanya apakah Yang Berhormat sedar, contohnya dalam penggunaan chillers, iaitu sesuatu bangunan ada digunakan chillers untuk hawa dingin di mana kita lihat kebanyakannya produk daripada luar negeri, seperti contoh, chiller Carriers, tetapi manakala ada perkara ini dibuat dalam negara kita, iaitu daripada American based juga tetapi dibeli oleh syarikat tempatan di mana perkara ini berlaku oleh kerana pihak JKR sama ada sedar atau tidak mereka ini menyerahkan kepada konsultan, perunding dan perunding-perunding ini telah menentukan spesifikasi yang begitu ketat dengan macam-macam syarat sehinggakan dokumen tender itu sendiri pun tidak memungkinkan ada jenis barang-barang yang boleh digunakan diperbuat dalam negeri kita. Oleh kerana tidak layak, ditolak ataupun seumpamanya kerana tidak kena dengan spesifikasi maka terpaksa beli barang import juga, macam chillers, contohnya, kalau ikut dari segi berat chillers, harga RM1 juta, RM2 juta, cuba kita bayangkan macam-macam bangunan yang dibuat oleh kerajaan tetapi menggunakan chillers dari luar negeri, contohnya Universiti Multimedia, saya dapat tahu, lain-lain saya boleh bagi contoh, termasuk juga agensi-agensi separa kerajaan, bank-bank masih tidak lagi mengindahkan arahan kerajaan ini. Jadi, bagaimana Yang Berhormat boleh menyebutkan kerajaan sentiasa menggunakan bahan-bahan tempatan sebab saya memberi fakta yang nyata. Saya memberi maklumat yang jelas, ini facts, bukan rhetoric ini, jadi saya pun mengharapkan pihak kerajaan menjawab dengan secara yang fakta, beri bukti cuba jawab betul atau tidak dari segi saya kata dakwaan saya tadi, supaya kita dapat melihat bahawa segala polisi yang dibuat oleh kerajaan dapat dilaksanakan dengan tegas.

**Datuk Haji Railey bin Haji Jaffrey :** Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya katakan bermaksud ialah selain daripada surat arahan ataupun surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan yang dikuatkuasakan ialah kita cuba dengan sedaya upaya, seberapa yang boleh bahan-bahan tempatan digunakan. Itu

disyaratkan daripada segi reka bentuk projek-projek yang telah digarispandukan mahupun dalam tender-tender yang telah digarispandukan mesti menggunakan seberapa boleh bahan-bahan tempatan. Walaupun tidak ditentukan peratusannya tetapi seberapa boleh, maknanya kalau ada yang tidak boleh dan dilarang, kecuali kalau benda itu tidak ada di dalam negara kita mereka, kena minta kebenaran. Memanglah konsultan bila dia merancang dia akan tentukan benda-benda yang dia fikir lebih sesuai untuk.....

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** [*Bangun*]

**Datuk Haji Railey bin Haji Jaffrey:** Yang Berhormat hendak jawab, silakan.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya bertanya balik, bagi memudahkan kalau Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan hendak bantu, ia bukan soal “seboleh-bolehnya”, yang pentingnya ialah polisi kita tegas, maknanya ada barangan tempatan yang ada di dalam negara kita ini maknanya tidak boleh lagi kita import kalau kita hendak menyelamatkan dari segi pengaliran wang kita, ini dasarnya. Saya hendak bertanya adakah bercadang untuk mengubahkan dari segi modus operandinya di mana apabila mereka hendak menggunakan barang luar negeri yang kita tahu ada dalam negeri, sebelum mereka buat, gunakan barang luar negeri mereka mesti mendapat kebenaran dahulu daripada JKR, daripada Kementerian Kewangan secara tegas. Ini yang saya katakan dari segi pelaksanaan, kalau dasarnya “seboleh-boleh” tidak jadi, Tuan Yang di-Pertua.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, ingin saya minta laluan untuk memberikan penjelasan. Oleh kerana Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali lambat datang tadi, Yang Berhormat Menteri Kewangan II telah pun menjawab, walau bagaimanapun, izinkan saya membaca skrip yang telah dijawab tadi. Surat pekeliling Perbendaharaan telah dikeluarkan yang menghendaki semua agensi kerajaan termasuk syarikat kerajaan menggunakan bahan-bahan binaan tempatan seperti yang disenaraikan oleh IKRAM Sdn. Bhd. Kementerian sedar bahawa terdapat chiller yang dikeluarkan oleh kilang tempatan. Pada pertengahan tahun 1998 pegawai-pegawai daripada Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan beberapa agensi kerajaan yang lain telah membuat

lawatan ke kilang berkenaan bagi memastikan status bahan-bahan keluaran kilang berkenaan boleh diterima sebagai bahan-bahan keluaran tempatan.

Berhubung dengan kes seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali tadi iaitu DBKL, Hospital Putrajaya, dan Universiti Multimedia adalah dimaklumkan bahawa pelaksanaan projek-projek tersebut telah dibuat sebelum chiller keluaran kilang tersebut dikenal pasti sebagai bahan keluaran tempatan. Jadi di masa-masa akan datang, insya-Allah, keluaran chiller tempatan ini akan digunakan. Terima kasih.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak dapat penjelasan lagi, kalau Setiausaha Parlimen hendak bantu bolehlah. Walaupun sebelum dan arahan baru keluar maka terpaksa menggunakan jenis barang yang dibawa daripada luar negeri, tetapi setahu saya projek-projek ini masih dalam pelaksanaan. Chillers ini belum lagi dipasang, tidak adakah cara atau jalan di mana kalau kita dapati barang tempatan itu ada walaupun dahulu diputuskan menggunakan barang daripada luar negeri, sekarang ini sudah ada, dibatalkan, dan digunakan barang tempatan, with immediate effect, kecuali kalau sudah pasang, itu lainlah, macam Universiti Multimedia dalam pembinaan, chillers belum pasang lagi, bangunan-bangunan yang saya sebut tadi belum lagi, sebab saya difahamkan arahnya with immediate effect, yang belum lagi dipasang. Barang ini belum diimport lagi, belum sampai ke Port Klang lagi, kenapa tidak boleh cari jalan supaya digunakan barang tempatan. Saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi secara umum, walaupun Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan telah pun menyebut dengan spesifik perkara-perkara yang melibatkan perkara seperti chillers dan sebagainya. Berkenaan projek-projek yang telah disebutkan, memang pada dasarnya, maksud saya seberapa banyak yang boleh walaupun ini merupakan satu perkara kemestian, jadi maknanya fleksibiliti masih ada, kalau benda itu tidak ada dalam negara kita dan kalau ada pun diassemble di negara kita, kita kena beli daripada apa yang ada di negara kita kecuali tidak ada. Kalau tidak ada pun kita kena minta kebenaran daripada Treasury yang ada kuasa membenarkan sama ada boleh ataupun tidak berdasarkan justifikasi yang telah diberikan oleh konsultan projek-projek berkenaan. Itulah maksud saya. Jadi saya

berharap itu telah menjawab soalan yang telah ditimbulkan tadi oleh Datuk Haji Ibrahim Ali.

Tuan Yang di-Pertua, saya meneruskan. Yang Berhormat Datuk Christina Lorline Tibok telah mencadangkan supaya kerajaan menambahkan peruntukan untuk pembinaan dan pembaikan jalan-jalan raya di Malaysia Timur khususnya di Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sentiasa prihatin terhadap keadaan-keadaan jalan di Sabah dan Sarawak. Peruntukan yang diluluskan untuk negeri-negeri bagi tujuan pembangunan dan penyenggaraan sentiasa dikaji dari masa ke semasa dan adalah bergantung kepada keupayaan kewangan kerajaan secara keseluruhan. Peruntukan yang disediakan juga bergantung kepada keadaan jalan yang hendak dibaiki ataupun dibina.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk negeri Sabah bagi tahun 1998 bagi pembinaan dan menaik taraf jalan ialah sebanyak RM91,681,000. Cadangan Yang Berhormat yang lain akan diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap mengenai perkara-perkara di bawah Kementerian Kerja Raya. Teguran dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan diberikan perhatian sewajarnya berserta dengan tindakan-tindakan yang perlu dan susulan akan diambil jika perlu. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya minta Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menjawab.

**4.14 ptg.**

**Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan yang menyentuh mengenai tanggungjawab kementerian saya. Saya ingin memberi jawapan kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, ianya mengenai rungutan dari tuan-tuan tanah di mana tanah-tanah mereka diambil untuk laluan talian penghantaran elektrik TNB tetapi telah tidak dapat dikerjakan dan dalam masa yang sama mereka terpaksa membayar cukai pada setiap tahun.



Imbuan yang dibayar oleh TNB mengikut harga pokok dan bukan harga tanah. Ahli Yang Berhormat berkenaan juga meminta supaya dikaji semula imbuan yang diberi. Perkara ini memang sering dibangkitkan oleh penduduk-penduduk yang terlibat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, TNB telah mengambil maklum dan mengambil kira terhadap kesukaran yang ditimbulkan. Pada masa ini, dasar yang ditetapkan mengenai bayaran pampasan adalah dibuat berdasarkan kepada tiga kriteria berikut:-

- (i) gangguan yang timbul akibat adanya talian penghantaran itu umpamanya rumah atau bangunan yang terlibat dengan talian penghantaran yang berkenaan. Pihak TNB akan membayar pampasan ke atas rumah atau bangunan yang terpaksa dialihkan keluar dari kawasan rintis, antara faktor-faktor yang diambil kira dalam menentukan pampasan bagi rumah atau bangunan yang terlibat iaitu luasannya dan keadaan rumah itu;
- (ii) kerosakan ke atas pokok-pokok yang perlu ditebang. Semua pokok yang perlu ditebang serta mempunyai nilai ekonomi akan ditafsirkan berpandukan kepada satu senarai kadar yang dikeluarkan oleh Bahagian Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan Malaysia.
- (iii) Kecacatan atau hilang upaya tanah dengan adanya talian penghantaran. Dalam hubungan ini TNB membayar elaun hilang upaya yang merupakan peratusan daripada harga pasaran tanah yang terlibat. Selain dari itu sekiranya pihak tuan tanah ingin mengusahakan tanah tersebut bagi maksud pertanian dan penternakan, maka mereka bolehlah pohon terus kepada pihak Tenaga Nasional Berhad.

Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Apa Yang Berhormat mahu.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Saya hendak minta laluan.

*[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Lain kalilah ada can. Saya ingin menjemput Kementerian Pertanian menjawab.

#### 4.15 ptg.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian untuk membangkitkan perkara yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Pertanian atau di bawah kawalan dan tanggungjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba meminta supaya MARDI memainkan peranan penting dalam R&D supaya dapat menghasilkan hasil tanaman yang setanding dengan pengeluaran dari luar negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga kini MARDI telah memainkan peranan penting untuk memenuhi objektif meningkatkan lagi produktivi pertanian di Malaysia menerusi aktiviti-aktiviti R&D seperti berikut:-

- (i) meningkatkan hasil menerusi pembiakan baka menerusi kacukan-kacukan saintifik ke atas tanaman dan ternakan;
- (ii) mengurangkan kerosakan hasil di ladang menerusi R&D pengawalan dan pengurusan perosak secara bersepadu di samping kegunaan racun-racun perosak kimia dengan betul tanpa menjejaskan alam sekitar;
- (iii) R&D untuk meningkatkan tahap kejenteraan ladang menerusi penyesuaian alat-alat jentera sedia ada dan pembangunan sistem-sistem kejenteraan yang sesuai untuk operasi ladang dan mengurangkan kos pengeluaran;
- (iv) menjalankan R&D untuk mengurangkan kerosakan lepas tuai, agar hasil yang diperolehi bertambah dan bermutu tinggi; dan
- (v) R&D juga dijalankan untuk mengekal atau meningkatkan amalan-amalan ladang bersabit dengan kegunaan sumber-sumber asli seperti air dan tanah agar tahap produktiviti yang tinggi dapat dikekalkan.

Kesemua aktiviti yang dinyatakan telah dapat menghasilkan banyak teknologi-teknologi baru bagi meningkatkan pengeluaran bahan makanan negara dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, MARDI akan terus menjalankan penyelidikan dan memperkenalkan teknologi-teknologi tinggi dan bioteknologi

pebiakan tanaman dan haiwan, bioteknologi alam sekitar perladangan, kejenteraan dan automasi ladang, penanaman dan ternakan di bawah sistem terkawal atau aplikasi remote sensing, dengan izin, dalam pengurusan sumber-sumber asli pertanian. Sekiranya MARDI terus diberi sokongan dalam bentuk kewangan untuk R&D dan kemudahan-kemudahan sokongan yang diperlukan, insya-Allah MARDI mampu pertingkatkan lagi keupayaan dalam teknologi pertanian yang diperlukan oleh negara setanding dengan negara-negara lain yang lebih maju. Di samping itu perlu juga kerajaan mengadakan polisi-polisi dan program yang boleh merangsang semula aktiviti-aktiviti pertanian moden dan komersial untuk mendapat manfaat yang sepenuhnya dari pembangunan teknologi yang jitu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator yang sama juga telah mencadangkan agar Kementerian Pertanian meneruskan pemberian subsidi padi kepada petani-petani serta benih-benih yang baik supaya mendapat galakan pertanian dan mengurangkan import makanan. Dalam hal ini suka saya menegaskan bahawa pada masa ini penanam-penanam padi diberi bantuan dua kampak baja urea dan lima kampak baja campuran seekar dan subsidi harga pada kadar RM24.80 bagi 100 kilogram. Buat masa ini, kerajaan tidak bercadang untuk memberhentikan pemberian subsidi-subsidi berkenaan selagi ianya dapat menolong petani-petani dan kepentingan negara.

Berkaitan dengan penjualan benih padi yang bermutu tinggi pula, ianya akan terus dijual kepada petani-petani menerusi Jabatan Pertanian pada kadar yang lebih rendah daripada kos pengeluarannya. Adalah diharapkan bantuan-bantuan berkenaan akan menggalakkan petani-petani untuk meningkatkan pengeluaran padi dan mengurangkan pergantungan kepada import beras.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat Senator Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi berkaitan dengan peruntukan dari Tabung Makanan untuk disertai oleh bumiputera melalui Lembaga Pertubuhan Peladang, sukacita dimaklumkan bahawa garis panduan operasi bagi tabung untuk makanan atau 3F 'Fun For Food' dengan izin, berjumlah RM300 juta tersebut masih dalam perbincangan dengan pihak Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Long bin Jidin pula telah membangkitkan persoalan bagaimanakah agensi-agensi kerajaan di bawah

kementerian mengatasi masalah kestabilan harga yang susah dicapai, kepada mereka yang terlibat dengan bahan-bahan keluaran sektor pertanian.

Kementerian Pertanian memang sentiasa prihatin terhadap kedudukan harga pasaran di sektor pertanian terutamanya berkaitan dengan kepentingan petani. Pelbagai langkah dan tindakan sama ada jangka pendek atau jangka panjang yang telah dan terus diambil oleh kementerian bagi menangani masalah berkaitan harga hasil-hasil pertanian.

Bagi jangka pendek kementerian melalui agensi FAMA dari masa ke semasa mengadakan pemantauan dan penganalisaan tentang harga dalam pasaran. Penyebaran maklumat dan khidmat nasihat diberikan kepada kumpulan sasar berkenaan seperti petani bagi tujuan panduan di dalam aktiviti pemasaran mereka.

Petani-petani juga digalakkan serta diberikan peluang supaya melibatkan diri dengan lebih aktif dalam pemasaran melalui pasar tani dan jualan terus bagi mendapat harga yang lebih baik. Dalam jangka masa panjang pula kementerian menggalakkan penglibatan pengeluaran petani secara komersial. Perancangan pengeluaran hendaklah berdasarkan potensi pasaran. Jadual pengeluaran akan ditentukan mengikut kemampuan penerimaan pasaran dari segi jenis, kuantiti dan masa pengeluaran.

Buat masa ini kementerian menggalakkan pengeluaran bahan-bahan makanan yang boleh menggantikan import bagi mengelakkan berlakunya kenaikan harga. Matlamat kementerian ialah untuk mewujudkan harga yang lebih stabil dan berpatutan....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajah Mastika.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat kerana memberi laluan kepada saya dan saya ingin bertanya dalam masa kita menggalakkan petani-petani untuk mengeluarkan makanan bagi negara supaya kita dapat menggantikan import.

Bagaimana pihak kementerian membuat pemantauan supaya import barang-barang makanan itu dapat ditentukan, di mana sekiranya dalam negara telah pun ada pengeluaran yang lebih, maknanya importnya itu dapat dikurangkan contohnya baru-baru ini kita menggalakkan petani-petani supaya menanam sayur.

Apabila sayur-sayuran banyak dikeluarkan dalam negara kita tetapi dalam masa yang sama import masih lagi diteruskan. Ini akan menyebabkan dalam teori

supply and demand menyebabkan harga akan turun dan petani-petani tempatan akan mendapat pukulan yang hebat, yang menjadikan mereka demoted dengan izin, untuk meneruskan perusahaannya mereka.

Bagaimanakah mekanisme pihak kementerian menentukan banyak mana pengeluaran yang akan dapat dikeluarkan dalam negara supaya import dapat di hadkan untuk memberikan ruang dan peluang kepada pengeluar tempatan untuk menikmati hasil yang pada berpatutan. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat, memang kita akui bahawa dasar kita apabila barang dalam negara kita agak lebih daripada mencukupi, memang kita kurangkan import tetapi walau bagaimanapun kita tidak boleh memberhentikan 100% kerana kita ada peraturan di bawah WTO dan lain-lain lagi.

Namun demikian misalnya pada musim sayur banyak baru-baru ini, saya sempat melawat pintu masuk Padang Besar di mana tempat kita mengawal, biasanya kita bawa masuk tiga lori, empat lori tetapi dalam keadaan itu kita hanya membenarkan satu lori sahaja. Tetapi kita tidak boleh hendak tutup terus keluaran barang-barang daripada negara jiran kerana ini akan melanggar dengan apa yang saya katakan syarat-syarat perdagangan bebas terutama ditentukan oleh WTO.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih Yang Berhormat, saya kalau dengar WTO ini agak tidak berapa menyenangkan dan mungkin fahaman saya salah tetapi saya rasa ini adalah proses liberalisasi yang telah pun dibawa oleh terutamanya kuasa-kuasa besar dalam menentukan kepentingan mereka. Kalau dapat saya ingin Yang Berhormat terangkan dengan lebih lanjut lagi, apakah peraturan-peraturan dalam WTO yang menghalang kerajaan kita dalam usaha-usaha untuk membela nasib petani dan nasib rakyat miskin?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Terima kasih sekali lagi sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi, ini proses liberalisasi di mana semua keluaran barangan dalam negara di dunia ini hendaklah sebolehnya dibebaskan dari segi pertandingan ataupun berdasarkan free enterprice tadi, di mana sesuatu negara tidak boleh memberi sekatan sama ada dengan memberi subsidi dan sebagainya.

Dalam soal ini sebagaimana yang kita tengok dalam surat khabar hari ini, pada masa lepas negara-negara di dunia khususnya telah menentukan bahawa kadar tahap penguatkuasaan ini adalah dijangka pada tahun 2003 tetapi hari ini kita tengok mesyuarat semalam ditetapkan diawalkan satu tahun lagi pada tahun 2002. Ini agaknya kepada negara kita khususnya bidang-bidang pertanian yang terkawal, yang dikawal misalnya pengeluaran tembakau agak terjejas kerana harga tembakau sekarang ini dikawal harganya oleh kerajaan.

Diberi harga yang begitu baik tetapi bila adanya syarat yang saya sebutkan tadi, maka kita akan bertanding dengan cara pasaran terbuka. Jadi sebab itu Kementerian Pertanian bersama-sama dengan kementerian yang lain yang ada hubung kait dengan Kementerian Pertanian telah meminta supaya teknologi moden diperkenalkan dan usaha-usaha kita untuk mengurangkan kos pengeluaran di samping meningkatkan produktiviti hendaklah dibuat dari sekarang, supaya bila tahun 2002 sebagaimana yang dirancangkan itu, kita boleh bersaing dengan bebas dengan negara-negara pengeluar pertanian yang ada di negara kita. Insya-Allah misalnya padi kita boleh sebab pengeluaran per hektar kita adalah lebih tinggi dibandingkan dengan negara-negara pengeluar padi yang lain walaupun taraf hidup kita lebih tinggi tetapi dengan teknologi yang lebih canggih, saya yakin dan percaya insya-Allah kita akan dapat bersaing di pasaran terbuka nanti.

Matlamat kementerian ialah untuk mewujudkan harga yang lebih stabil dan berpatutan dalam pasaran untuk kepentingan petani dan juga pengguna. Ini yang kita utamakan kerana kementerian terpaksa berjaga, memberi perhatian yang khusus supaya petani-petani, yang kita tahu petani, penternak, nelayanlah golongan yang banyak memberi sokongan padu kepada Kerajaan Barisan Nasional kita. Petani-petani luar bandar inilah yang taat setia kepada kita. Sehingga 40 tahun kita merdeka dan golongan ini patut kita beri perhatian di samping kita memastikan taraf hidup mereka akan dapat ditingkatkan. Jadi sebab itu kementerian sehingga kini akan memberikan apa sahaja perhatian dalam usaha membela nasib petani, penternak dan nelayan kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator yang sama juga telah menyentuh tentang rancangan kementerian dalam melaksanakan projek integrasi untuk mempertingkatkan pengeluaran hasil ternakan tempatan dengan menggunakan tanah di ladang-ladang yang sedia ada. Beliau juga mengesyorkan

supaya penguatkuasaan peraturan berhubung dengan kawalan penyembelihan ternakan betina di bawah Ordinan Haiwan diperketatkan lagi, bagi memastikan jumlah ternakan yang dihasilkan adalah mencukupi untuk projek integrasi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kegiatan melaksanakan projek integrasi bagi mempertingkatkan hasil ternakan tempatan dengan menggunakan tanah di ladang-ladang masih diteruskan, dijalankan dan dipergiatkan melalui forum-forum penerangan dan taklimat kepada pelbagai peringkat pengurusan ladang. Sehingga kini sambutan bagi ladang-ladang swasta yang besar kurang memuaskan. Walau bagaimanapun, usaha akan terus dijalankan. Soal selidik mengenai penerimaan pengurusan perladangan terhadap ternakan lembu secara integrasi juga telah dan sedang dijalankan dan sehingga kini 1,500 pengusaha ladang kelapa sawit telah mengambil bahagian. Sehingga kini sejumlah 70 ladang dan 300 blok kawasan FELDA yang sedang beroperasi sedang mengamalkan sistem penternakan ini.....

**Tuan N. Marimuthu:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.....

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:**..... dan yang melibatkan kawasan seluas.....

**Timbalan yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh beri laluan kepada Yang Berhormat Marimuthu.

**Tuan N. Marimuthu:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Kementerian Pertanian berhenti makan lembu tiga tahun, jimatkan wang itu untuk negara. *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Terima kasih, Ahli Yang Berhormat, inilah pertama kali cadangan seperti ini yang kita terima. Saya rasa kita tidak boleh berhenti terus, mungkin kita kurangkan makan lembu, banyakkkan makan ayam kerana harga ayam lebih murah daripada harga lembu. Sekarang ini satu kilo lembu dalam RM14 hingga RM16. Ayam cuma RM6.40 sahaja, jadi saya mintalah Yang Berhormat tolong kempen terutama dalam ladang-ladang dan juga di kampung-kampung. Kurangkan makan lembu tetapi sebaliknya banyakkkan makan ayam.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Orang India tidak makan daging lembu.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** [*Bangun*]

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Yang Berhormat, saya difahamkan orang yang beragama Hindu tidak makan lembu, memang tepatlah ya – mengurangkan. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa satu lagi bolehlah fasal rakan-rakan saya sedang menunggu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila, Yang Berhormat.

**Datuk Sairin bin Karno:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Cuma pembetulan – saya rasa perkataan itu perlu diperbetulkan – ‘makan daging lembu’, bukan makan lembu. [*Ketawa*].

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Ini betul dari segi bahasa.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak apalah, kita faham.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Kerana saya mengambil kutipan daripada Yang Berhormat tadi, Yang Berhormat kata ‘makan lembu’ saya pun terus makan lembu. [*Ketawa*] tetapi dari segi bahasanya ‘makan daging lembu’. Betul Yang Berhormat Datuk ya. Kita ucap terima kasihlah.

Sehingga kini sejumlah 70 ladang dan 300 blok kawasan FELDA yang berpeneroka sedang mengamalkan sistem penternakan ini dan yang melibatkan kawasan seluas 288,344 hektar dengan 56,178 ekor lembu ditenak di Semenanjung. Adalah diharapkan melalui maklum balas-maklum balas daripada kajian tersebut dapat membantu kementerian mengenal pasti halangan-halangan yang melambatkan perkembangan integrasi ternakan dengan sektor-sektor perladangan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk memenuhi keperluan baka pembiak, kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan sentiasa berusaha dan mengambil langkah-langkah meningkatkan pengeluaran baka-baka pembiak pedaging bermutu daripada ladang-ladang jabatan. Walau bagaimanapun, oleh kerana bekalan yang terhad, jabatan tidak dapat menampung keperluan-keperluan jabatan dan pihak swasta yang berminat telah digalakkan untuk mengimport baka-



baka ternakan dari negara-negara luar yang boleh membekalkan ternakan pada harga yang berpatutan.

Selain daripada itu, Jabatan Perkhidmatan Haiwan juga terus mengambil tindakan mengawal penyembelihan ternakan betina melalui Ordinan Haiwan 1953. Pemeriksaan ketat di rumah sembelih di lapangan sentiasa dijalankan untuk menentukan tiada ternakan betina disembelih.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjelaskan gesaan Ahli Yang Berhormat Senator Hajah Hunaizah binti Mohd. Nor mengenai perlunya pembukaan tanah-tanah terbiar bagi menambah hasil pengeluaran makanan negara, suka saya memaklumkan bahawa Kementerian Pertanian sememangnya telah menggariskan beberapa langkah untuk meningkatkan penggunaan tanah-tanah terbiar. Langkah-langkah tersebut antara lainya adalah seperti berikut:

- (i) dengan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri, kementerian sedang mengenal pasti tanah-tanah kerajaan yang terbiar dan sesuai supaya digazetkan tanah-tanah ini sebagai kawasan pengeluaran makanan yang tetap seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ubi kayu, ternakan dan padi. Tanah-tanah ini kemudiannya akan dibangunkan dengan kemudahan asas untuk tujuan pertanian seperti jalan ladang, sistem perparitan dan sistem perairan utama. Tanah-tanah ini akan dipecahkan kepada lot-lot yang bersesuaian dan disewakan kepada usahawan-usahawan dan swasta untuk pengeluaran makanan. Sehingga April 1998, sejumlah 342 hektar telah digazetkan bagi tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan;
- (ii) mempergiatkan lagi pengusaha tanaman di tanah-tanah terbiar milik petani melalui pembangunan projek-projek berkelompok dengan pembangunan infrastruktur asas ladang seperti sistem perairan dan perparitan oleh kementerian melalui Jabatan Parit dan Saliran Pertanian, petani-petani akan lebih bersedia dan bermotivasi untuk memulakan projek-projek pengeluaran makanan di atas tanah-tanah terbiar;
- (iii) di kawasan-kawasan tanah terbiar di mana petani-petani tidak berupaya untuk mengusahakannya, maka pertubuhan-pertubuhan peladang,

FELCRA, dan pihak swasta digalakkan untuk mengusahakan tanah-tanah ini melalui konsep landlord in trust, dengan izin, di mana pihak swasta terlibat. Kementerian dan kerajaan-kerajaan negeri akan memastikan perjanjian antara usahawan dan tuan-tuan tanah atau petani akan menguntungkan kedua belah pihak di mana petani-petani atau tuan-tuan tanah juga mendapat keuntungan yang munasabah daripada pelaksanaan skim ini;

- (iv) mengumpul dan mendapatkan maklumat tanah-tanah terbiar hak milik petani ataupun sebagai inventory tanah, dengan izin, terutamanya petani-petani yang ingin menyewakan tanah-tanah mereka untuk dimajukan dengan pertanian. Maklumat ini akan disebar untuk pengetahuan usahawan dan swasta yang berminat untuk menyewa dan membangunkan tanah-tanah ini untuk pengeluaran makanan.

Dengan itu saya mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah sama-sama memberikan perhatian, teguran dan cadangan-cadangan kepada Kementerian Pertanian dan segala perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diteliti dan tindakan sewajarnya akan diambil. Bagi perkara-perkara yang dibangkitkan dan tidak sempat dijawab, insya-Allah, ianya akan diambil perhatian dan tindakan sewajarnya oleh pegawai-pegawai kementerian saya yang bertugas pada hari ini.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya menjemput Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk menjawab.

**4.38 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 1999 terutama sekali Ahli Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak, Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi dan Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin yang telah menyentuh atau membangkitkan

perkara-perkara berkaitan bidang tugas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak telah membangkitkan tentang kedudukan harga barangan yang kian meningkat dan tindak-tanduk peniaga yang memanipulasikan tanda harga. Sehubungan perkara ini, seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, negara kita mengamalkan dasar ekonomi bebas di mana barang-barang umumnya ditentukan oleh pasaran. Namun demikian, penguatkuasaan dan pemeriksaan oleh bahagian penguatkuasa dipergiatkan untuk memastikan harga barangan tidak dinaikkan tanpa justifikasi yang munasabah. Mengenai aduan bahawa peniaga mengenakan harga yang lebih tinggi apabila pegawai-pegawai penguatkuasa tiba di kawasan tertentu, saya ingin memaklumkan bahawa kementerian ini sentiasa membuat pemeriksaan mengejut untuk mengesan pihak-pihak yang terbabit.

Pada masa yang sama kementerian ini mengalu-alukan aduan yang spesifik daripada pengguna supaya pemeriksaan-pemeriksaan ditumpukan terus kepada peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab. Pemeriksaan mengejut ini adalah tindakan terbaik bagi menangani masalah pakatan antara peniaga yang memaklumkan tentang kehadiran pegawai-pegawai penguat kuasa. Dalam pada itu kementerian ini akan menyediakan program meningkatkan kesedaran pengguna tentang membuat pembelian yang bijak, juga memberi kesedaran kepada peniaga tentang amalan perniagaan beretika.

Berhubung penubuhan satu badan pengguna yang dipanggil Pergerakan Pengguna MTUC, di mana ahli-ahlinya akan menjadi pengawas kepada kenaikan harga barang-barang, kementerian ini menyambut baik penubuhan badan ini. Kementerian ini berharap MTUC dapat bekerjasama dalam soal-soal kepenggunaan untuk kepentingan semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi pula menyentuh isu yang berkaitan dengan kesan El Nino yang telah menyebabkan pengeluaran minyak kelapa sawit berkurangan. Beliau turut mengemukakan persoalan kenaikan harga kelapa yang berkemungkinan juga disebabkan oleh El Nino.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya masalah bekalan minyak masak adalah berkaitan dengan fenomena panic buying, dengan izin dan sepatutnya tidak berlaku. Dalam hal ini kementerian memandang serius perkara tersebut dan sentiasa memastikan bekalan sesuatu barangan adalah mencukupi setiap masa tanpa mengambil kira faktor bencana alam seperti kesan El Nino. Kementerian ini dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan seperti Kementerian Pertanian, FAMA dan PORLA telah mengambil langkah-langkah kawalan supaya bekalan minyak masak tidak terjejas. Pada masa ini pihak industri minyak masak tidak ada masalah untuk membekal bagi kegunaan penduduk tempatan sebanyak 35 ribu metrik tan sebulan. Sebagai langkah untuk menstabilkan bekalan minyak masak ini kerajaan telah merancang dan melaksanakan tindakan-tindakan berikut:

- (i) menarik balik kelonggaran membawa keluar minyak masak tidak melebihi 2 kilogram;
- (ii) menguatkuasakan perintah kawalan harga pelabelan oleh pengilang, pengimport, pengeluar ataupun penjual borong 1990 yang mewajibkan pelabelan kenyataan bukan untuk eksport dan setiap pembungkus atau bekas minyak masak untuk jualan tempatan;
- (iii) mempertingkatkan pengawalseliaan dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan bagi mencegah aktiviti penyaluran minyak masak yang diperuntukkan untuk kegunaan domestik kepada pihak-pihak yang tidak sepatutnya mendapat bekalan itu termasuk mengambil tindakan tegas ke atas pihak-pihak yang melakukan penyelewengan lain yang menjurus kepada berlakunya kekurangan bekalan;
- (iv) menguatkuasakan peruntukan berhubung penyelenggaraan buku stok, perkara di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan Kawalan Bekalan 1974, ke atas pengilang-pengilang dan penjual-penjual borong minyak masak; dan
- (v) mendapatkan kerjasama Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, mempertingkatkan pemeriksaan bagi mencegah penyeludupan

minyak sawit mentah dan minyak masak yang diperuntukkan bagi kegunaan domestik.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai persoalan kenaikan harga kelapa, ia adalah berikutan bekalan kelapa semakin berkurangan di pasaran tempatan. Dalam hal ini Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah meminta kerjasama Kementerian Pertanian untuk mengimport kelapa bagi memenuhi keperluan tempatan terutama pada musim perayaan yang akan datang dan juga untuk menstabilkan harga.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi turut membangkitkan isu berhubung tawaran hadiah percuma yang terdapat unsur-unsur penipuan dari segi nilainya. Dalam perkara ini nilai hadiah bukanlah satu asas penipuan, penipuan berlaku jika hadiah yang dikatakan itu tidak diberikan langsung. Dalam hubungan ini pengguna perlulah membuat pemilihan dan pembelian yang bijak.

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin telah mencadangkan, agar ROC meminda undang-undang supaya mengehadkan seseorang menjadi pengarah dalam sepuluh buah syarikat. Di bawah Akta Syarikat 1965, pada masa ini memang tidak mengandungi peruntukan yang mengehadkan jumlah syarikat di mana seseorang itu boleh menjadi pengarah. Walau bagaimanapun sepatutnya seseorang itu hendaklah mengehadkan dirinya menjadi pengarah syarikat kepada suatu bilangan di mana dia boleh menjalankan kewajipannya dengan berkesan, sempurna dan baik sebagaimana yang diharapkan. Setiap orang menjadi hakimnya sendiri tentang keupayaannya dan bagaimana sebaiknya dia menguruskan masanya secara berkesan dalam sesebuah syarikat yang dia menjadi pengarah seperti yang termaktub dalam Kod Etika Pengarah Syarikat yang telah dilancarkan oleh kementerian ini, walau bagaimanapun

cadangan tersebut boleh diterima dan boleh dikaji sekiranya difikirkan wajar pindaan yang sesuai akan dicadangkan kepada Akta Syarikat 1965. Tuan Yang di-Pertua .....

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, .....

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, saya hendak minta penjelasan sedikit sebab tadi baru saja diberikan jawapan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II, mengatakan yang had ahli lembaga pengarah, syarikat-syarikat yang ada kaitan dengan kerajaan ataupun dengan kerajaan negeri telah pun diterima secara prinsipnya, maknanya kerajaan telah pun mengakui bahawa mesti dihadkan. Hanya yang tidak boleh dipastikan sekarang ini berapa banyak syarikat dia boleh menjadi lembaga pengarah. Jadi saya harap jawapan ini mestilah saling memahami antara kementerian-kementerian, nanti ia akan bercanggah dan satu masalah timbul pula. Kita hendak kepastian, kita harap pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri akan memberi jawapan yang.....

**Datuk Tan Chai Ho:** Setiausaha Parlimen sahaja.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Setiausaha Parlimen, insya-Allah, minta maaf akan datang naik menjadi Timbalan Menteri.

**Datuk Tan Chai Ho:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini satu cadangan yang baik, tadi saya kata boleh diterima dan jika ada apa-apa pindaan tentulah kementerian-kementerian lain akan dihubungi atau kita akan berbincang perkara ini supaya pindaan yang sesuai akan dibuat kepada Akta Syarikat 1965.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mengucapkan berbanyak terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan khususnya yang telah menyentuh serta memberikan pandangan dan cadangan ke atas....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar, mita laluan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya masih ada perkara yang hendak mendapat penjelasan berhubung dengan akta yang mengehendkan menjadi pengarah dalam syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham. Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Kewangan II juga menyentuh berkenaan perkara ini. Saya hendak mendapat penjelasan kalau hendak pinda akta, adakah sekarang ini di dalam akta itu kalau sekira pengarah syarikat sama ada pengerusi syarikat dan sebagainya, bila syarikat itu rugi apa tanggungjawab dia sama ada dia boleh lari begitu biar syarikat rugi, orang yang ada share tidak dapat apa-apa, dia dapat gaji. Itu etika dia, bagaimana kedudukan perkara ini sebab banyak sekarang ini, dia tunjuk akaun syarikat rugi, orang yang pegang saham pun tumpang rugi tetapi dia dapat gaji, etika yang macam mana yang patut kita fikirkan, setakat had bilangan syarikat sahaja tidak memadai, kalau tidak ada tanggungjawab terhadap kerugian syarikat itu.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, Kod Etika Pengarah Syarikat yang dilancarkan oleh kementerian ini adalah memberi nasihat-nasihat supaya pengarah syarikat boleh menguruskan syarikatnya dengan cara yang berkesan sempurna dan baik dan juga dalam kod etika ini menyatakan tanggungjawab dan responsibilities sebagai pengarah syarikat, kalau Yang Berhormat berminat, kementerian ini boleh bagi satu buku yang mengandungi Kod Etika Pengarah Syarikat dan tentang tanggungjawab mengenai seseorang pengarah syarikat dalam syarikat yang rugi, atau yang untung, ini memang tertakluk kepada management pengurusan syarikat itu.

Jadi di bawah Akta Syarikat 1965 kita ada peruntukan menentukan, pengarah yang bertanggungjawab ke atas kerugian atau keuntungan, tetapi kalau pengarah yang telah melakukan kesalahan di dalam peraturan-peraturan Akta Syarikat 1965 dia boleh diambil tindakan. Saya harap Yang Berhormat boleh terima penjelasan saya.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan cadangan-cadangan ke atas perkara-perkara yang di bawah bidang kuasa kementerian ini kita akan mengambil dan memberi perhatian dan bagi perkara-perkara yang secara tidak sengaja tidak diberikan jawapan sewajarnya, di dalam Dewan yang mulia ini, sukacita saya memaklumkan bahawa perkara-perkara yang berkaitan itu akan diambil perhatian oleh kementerian ini. Sekianlah, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kementerian Pendidikan akan menjawab.

**4.55 ptg.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 1999 khususnya yang menyentuh berbagai perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan.

Memandangkan terdapat perkara-perkara yang timbul pernah diberi penjelasan dalam Dewan yang mulia ini, izinkan saya menjawab isu-isu yang spesifik sahaja. Tuan Yang di-Pertua, isu berkaitan dengan pendidikan tinggi Kementerian Pendidikan menghargai keprihatinan beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan pendidikan tinggi khususnya berhubung dengan Program Francais Matrikulasi yang dijalankan di institusi pengajian tinggi swasta.

Yang Berhormat, Puan Jamilah binti Ibrahim telah menggesa agar kajian terperinci telah dijalankan dengan merujuk laporan kegagalan 72% pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia yang mengikuti program tersebut. Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia, Kementerian Pendidikan akan meminta laporan dari semua pihak universiti induk yang menjalankan program ini. Berdasarkan laporan tersebut langkah-langkah yang sesuai akan diambil untuk mengatasi masalah yang di timbul.

Untuk makluman Yang Berhormat Puan Sri Sarasa Pasamanickam Kementerian Pendidikan dan universiti terbabit yang melaksanakan skim francais sentiasa membuat pemantauan terhadap kolej swasta yang menjalankan skim



français ini. Berkaitan dengan isu penempatan pelajar yang dihadapi oleh Asian Sheffield Medical College, Kementerian Pendidikan sedang merundingkan cara terbaik bagi mengatasi masalah yang berkaitan.

Mengenai kadar yuran yang tinggi di IPTS yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim perlu dijelaskan bahawa institusi pendidikan tinggi swasta tidak terdapat sebarang bantuan kewangan daripada kerajaan dan ia terpaksa mengeluarkan kos yang tinggi untuk menyediakan kemudahan infrastruktur. Sehubungan itu pihak pengurusan IPTS terpaksa mengenakan bayaran yang agak tinggi kepada pelajar. Namun demikian, IPTS tidak boleh sewenang-wenangnya menaikkan yuran dan ia tertakluk kepada peraturan dan kawalan dasar Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Khoo Keok Hai telah membangkitkan masalah institusi pengajian tinggi yang masih tidak mencukupi. Kementerian Pendidikan mempunyai perancangan meningkatkan enrolment pelajar kepada 20,000 bagi setiap universiti menjelang tahun 2000. Di samping itu penubuhan universiti-universiti swasta serta penubuhan cawangan universiti luar negara akan menambah peluang pelajar melanjutkan pengajian di peringkat tinggi.

Mengenai sama ada faktor geografi diambil kira di dalam perancangan pembinaan sesebuah universiti seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno, untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia, Kementerian Pendidikan sememangnya menetapkan beberapa kriteria termasuklah faktor lokasi, peruntukan kewangan dan sebagainya.

Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong telah mencadangkan supaya Kursus Pergigian Universiti Malaya dipendekkan daripada lima tahun kepada empat tahun sahaja, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia perkara ini sedang dikaji oleh Kementerian Pendidikan.

Berhubung dengan pertanyaan mengenai Akta Univeristi dan Kolej Universiti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1996 adalah relevan bagi memastikan pelajar-pelajar

menumpukan sepenuh perhatian kepada pelajaran mereka dan tidak digunakan oleh kumpulan-kumpulan politik tertentu.

Pembayaran dan pinjaman pendidikan. Mengenai saranan Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim, agar kemudahan pinjaman pendidikan diberikan kepada pelajar di semua peringkat pengajian, perkara ini akan dikaji. Pada masa ini Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional hanya memberikan pinjaman pendidikan kepada pelajar-pelajar di peringkat Ijazah Pertama di IPTA dan tiga buah di IPTS.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang saya ingin bangkitkan ialah berkaitan dengan teknologi maklumat. Mengenai gesaan Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim agar pelajar-pelajar di luar bandar tidak tercicir dalam kemajuan teknologi komputer, Kementerian Pendidikan dalam usaha mewujudkan sekolah berciri teknologi komputer telah memperkenalkan program komputer dalam pendidikan di semua peringkat sekolah. Kemudahan komputer dibekalkan ke semua sekolah dengan tumpuan diberikan kepada sekolah-sekolah di luar bandar mulai tahun 1996. Walau bagaimanapun, memandangkan kegawatan ekonomi yang sedang dialami, bekalan komputer dijalankan secara berperingkat-peringkat, bergantung kepada kemampuan kewangan kerajaan.

Isu-isu kurikulum. Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor telah membangkitkan masalah pelajar-pelajar lepasan PMR yang kurang cenderung dalam bidang akademik, Kementerian Pendidikan telah menyediakan program khas sekolah kerjaya bagi membantu pelajar-pelajar tersebut. Program ini mengandungi dua komponen iaitu sukatan pelajaran Tingkat Empat dan Lima yang diminimumkan 60% dan latihan tempat kerja yang memberi fokus kepada perolehan kemahiran atau kebolehan boleh guna dan kemahiran tempat kerja.

Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor dan Yang Berhormat Puan Sri Sarasa Pasamanickam juga membangkitkan soalan-soalan berkaitan dengan sekolah-sekolah menengah vokasional. Untuk maklum Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, penstrukturan semua 69 buah sekolah menengah vokasional kepada sekolah menengah teknik memerlukan satu usaha terancang untuk menambah bilangan pelajar yang mengikuti jurusan sains dan teknologi sekali gus

meningkatkan enrolmen sekolah menengah teknik kepada 75,000 orang pelajar pada tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu perjawatan guru. Berhubung usaha untuk meningkatkan motivasi di kalangan guru yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Janggau Anak Banyang, Kementerian Pendidikan amat prihatin mengenai perkara ini. Antara usaha yang dijalankan termasuklah mewujudkan peluang kenaikan pangkat, menambah perlantikan guru cemerlang atau guru pakar, memberi peluang yang lebih luas untuk guru-guru mengikuti kursus dalam perkhidmatan serta memberikan elaun insentif pedalaman khas kepada guru-guru yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak.

Isu pembangunan premis pendidikan. Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu telah meminta pihak kementerian memberi bantuan bagi memperbaiki infrastruktur di sekolah-sekolah bantuan modal terutamanya di ladang-ladang dan kawasan pedalaman.

Untuk maklum Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi sekolah-sekolah yang bertaraf bantuan modal, peruntukan kewangan pembangunan mestilah bertujuan untuk melaksanakan kerja-kerja pembinaan bangunan baru tambahan, ubahsuai atau pembelian peralatan perabot. Jumlah bantuan kewangan pembangunan adalah berdasarkan permohonan daripada pihak sekolah yang dikemukakan melalui Jawatankuasa Bantuan Modal, jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengarah Pendidikan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Janggau Anak Banyang telah meminta Kementerian Pendidikan menambah peruntukan bagi menyediakan bekalan elektrik rumah guru serta meningkatkan kemudahan infra.....

**Tuan N. Marimuthu:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh beri laluan kepada Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Sedikit sahaja.

**Tuan N. Marimuthu:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 1998, Kementerian Pendidikan mengumumkan sebanyak 1,217 buah sekolah menengah dan rendah akan dibina di seluruh negara. Dalam 1,217 buah

sekolah itu, sekolah-sekolah Tamil perlu terlibat, berapa buah sekolah Tamil akan dibina? Sekian sahaja, terima kasih.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada butir-butir di tangan saya, bolehkah saya jawab secara bertulis berkaitan butir tersebut. Untuk maklum Ahli-ahli Dewan yang mulia, setakat ini masih terdapat 218 buah sekolah rendah di seluruh negara yang masih belum mendapat bekalan elektrik. Kementerian Pendidikan sedang merancang dan meneliti untuk memberi bekalan elektrik kepada 188 buah sekolah lagi, iaitu 36 buah sekolah di Semenanjung, 45 buah sekolah di Sabah dan 107 buah sekolah di Sarawak. Sekolah-sekolah yang tidak ada bekalan elektrik atau hanya menerima bekalan elektrik yang terhad dijangka akan menerima bekalan sepenuhnya menjelang tahun 2000.

Mengenai pembinaan rumah guru, kerajaan akan memperhebatkan pembinaan rumah guru melalui pembinaan terus oleh kerajaan dan program penswastaaan. Sebanyak 56,127 unit rumah guru akan dapat disediakan di seluruh negara menjelang tahun 2002. Usaha ini adalah sebagai mengatasi masalah sewa rumah yang terlalu tinggi di kawasan bandar serta ketidakadaan rumah di kawasan luar bandar. Usaha-usaha meningkatkan kemudahan infrastruktur di sekolah-sekolah akan terus dijalankan.

Bantuan pendidikan. Yang Berhormat Tuan Janggu Anak Banyang, telah mencadangkan agar bantuan pinjaman buku teks dan bahan bacaan diberi keutamaan kepada sekolah luar bandar. Untuk maklum Ahli-ahli Dewan yang mulia, dasar kelayakan untuk mendapatkan bantuan skim pinjaman buku teks adalah berdasarkan pendapatan ibu bapa atau penjaga dan bukannya jenis atau lokasi sesebuah sekolah.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Janggu Anak Banyang dan Yang Berhormat Datuk Christina Lorline Tibok Vanhouten, skim pinjaman buku teks dan skim rancangan tambahan untuk pelajar-pelajar sekolah akan diteruskan walaupun dalam keadaan kegawatan ekonomi negara pada masa ini.

Budaya membaca. Bagi membudayakan amalan membaca di kalangan remaja seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor, kementerian telah mengambil langkah mengadakan Kempen

Membaca Kebangsaan secara menyeluruh pada tahun 1999. Kempen Membaca akan melibatkan pembinaan rangkaian infrastruktur perpustakaan yang lebih luas, terutama di kawasan luar bandar dan kempen ini akan dijadikan agenda kebangsaan melibatkan semua pihak dan agensi berkaitan dengan pendidikan dan pembangunan sosial.

Isu-isu disiplin. Kementerian Pendidikan menghargai pandangan Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim agar dikaji semula cadangan mengadakan sistem persekolahan satu sesi untuk membendung masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia, penilaian ke atas pelaksanaan secara percubaan persekolahan satu sesi menunjukkan bahawa program ini sesuai dan berjaya dalam meningkatkan keberkesanan kokurikulum serta membendung masalah disiplin di kalangan pelajar, walau bagaimanapun pelaksanaan program ini memerlukan peruntukan yang besar. Menyedari keadaan ekonomi semasa, Kementerian Pendidikan mengambil pendirian menangguhkan persekolahan satu sesi ke satu masa yang lebih sesuai.

Isu keberkesanan sistem pendidikan....

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim minta laluan.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, tinggal sedikit sahaja kerana masa adalah terhad, ada banyak perkara Kementerian Pendidikan hendak menjawab.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Saya hendak tanya sedikit sahaja. Saya hendak tahu di manakah sekolah percubaan dilaksanakan bagi sekolah satu sesi.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Program itu dilaksanakan di beberapa buah sekolah di Perak, Melaka dan sebagainya tetapi saya tidak boleh sebut nama sekolah kerana saya tidak ada butir-butir di tangan, tetapi saya bolehlah kemukakan secara bertulis butir-butir tersebut.

Isu keberkesanan sistem pendidikan dan penekanan kepada pendidikan Islam dalam menangani masalah sosial telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hajah Jamilah binti Ibrahim, Yang Berhormat Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor dan Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba. Pada dasarnya

Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha agar pelajar-pelajar memahami dan mengamalkan Islam sebagai satu cara hidup dan menjadi insan yang berperibadi mulia. Program-program pendidikan yang dijalankan serta penerapan dan mengamalkan nilai-nilai murni banyak mendatangkan kesan positif dalam usaha menangani masalah sosial.

Masalah keruntuhan akhlak di kalangan pelajar yang juga telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Hajah Khadijah binti Haji Awang merupakan tanggungjawab bersama dan penglibatan secara bersepadu daripada ibu bapa, komuniti, media, pertubuhan sukarela dan lain-lain organisasi akan dapat membantu sekolah-sekolah menangani masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini yang dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pendidikan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan perkara-perkara yang saya tidak dapat jawab, pegawai-pegawai saya telah mengambil catatan dan Kementerian Pendidikan akan mengkaji semula semua cadangan yang dikemukakan.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kementerian Penerangan diminta menjawab.

**5.12 ptg.**

**Timbalan Menteri Penerangan[Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]:**

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Penerangan semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1999 di Dewan yang mulia.

Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim mengesa supaya televisyen tidak lagi menyiarkan drama Melayu yang menggambarkan unsur-unsur keruntuhan moral muda mudi.

Saya ingin jelaskan bahawa RTM mempunyai garis panduan dari segi penerbitan bagi memastikan perkara-perkara yang negatif dan di luar landasan dapat dikawal. Setiap pembekal dan penerbit juga telah dimaklumkan akan perkara ini dan menasihati para penerbit di mana yang bersesuaian. Rancangan yang siarkan oleh RTM akan melalui 3 peringkat penilaian iaitu:

- (i) panel penilai rancangan;

- (ii) kawalan mutu teknikal; dan
- (iii) penapisan oleh Lembaga Penapisan Filem.

Yang Berhormat Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang telah meminta supaya tidak lagi disiarkan filem-filem yang boleh mengganggu ketenteraman orang ramai iaitu yang mengandungi unsur-unsur negatif atau pemberontakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat setiap filem yang disiarkan di RTM telah ditapis terlebih dahulu, pertama oleh Penapis Filem, Kementerian Dalam Negeri dan kedua penapisan di peringkat RTM sendiri.

Filem-filem yang diluluskan oleh Lembaga Penapis Filem ini pula telah di kategorikan kepada dua kelas utama iaitu tuntutan umum dan tuntutan lapan belas tahun ke atas. Ini bermakna unsur-unsur VHSC atau ganas, seram, sek dan pertentangan budaya masih lagi terdapat. Oleh itu terpulanglah kepada kebijaksanaan individu untuk memilih dan menilai mana-mana filem yang sesuai untuk ditonton. Di samping itu RTM sebagai media kerajaan sentiasa terus berusaha untuk menyiarkan rancangan-rancangan yang berlandaskan nilai-nilai murni untuk segenap lapisan masyarakat serta memenuhi citarasa penonton. Ini adalah sejajar dengan dasar kerajaan bagi mewujudkan masyarakat berilmu dan berdisiplin tinggi.

Mengenai bayaran kepada syarikat pembekal filem yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno, saya ingin menjelaskan bahawa kementerian ini dan Kementerian Kewangan sememangnya sedang mengambil tindakan untuk menjelaskan bayaran kepada pembekal-pembekal filem untuk stesen RTM. Perkara ini akan cuba diselesaikan seberapa segera. Yang Berhormat Dato' Haji Sairin bin Karno juga telah menyentuh soal penerimaan siaran televisyen di Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini sedar akan masalah penerimaan siaran di Sabah maka tindakan sedang diambil bagi membaiki keadaan ini khususnya bagi kawasan terlindung secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan dan kemampuan peruntukan kewangan.

Mengenai pengisian kekosongan jawatan di RTM Sabah dan Sarawak yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Sairin, pada masa ini semua

pengisian jawatan kosong ditangguhkan berikutan dengan keputusan untuk mengkorporatkan RTM.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi memberi teguran dan pandangan ke atas Kementerian Penerangan. Semua pandangan dan teguran akan diberikan perhatian. Terima kasih

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

#### **5.17ptg.**

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Teng Gaik Kwan]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi yang telah memberi cadangan, pendapat dan teguran yang membina dalam perbahasan ke atas Belanjawan 1999 ini bagi Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi ada menyuarakan permintaan kepada jabatan-jabatan kerajaan untuk memaklumkan kepada Jabatan Arkib Negara mengenai maklumat-maklumat dan harta benda yang perlu disimpan untuk tatapan, pengetahuan dan maklumat rakyat pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Arkib Negara Malaysia sentiasa mengambil tindakan dengan memaklumkan kepada jabatan kerajaan mengenai tugas dan tanggungjawab jabatan kerajaan untuk menyenaraikan dan memindahkan semua rekod dokumen kerajaan yang bernilai kekal untuk simpanan Arkib Negara Malaysia bagi tujuan penyelidikan dan rujukan generasi akan datang.

Arkib Negara Malaysia juga melakukan lawatan ke jabatan kerajaan secara berkala dari masa ke semasa bagi memastikan jabatan kerajaan mematuhi semua arahan yang dikeluarkan antaranya Akta Arkib Negara Malaysia No.44 Tahun 1996, Surat Pekeliling Am Bil.1/1997, Bil.1/1970 dan Surat Perkeliling Perbendaharaan Bil.9/1986 dan arahan-arahan lain yang dikeluarkan dari masa ke semasa.



Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih sekali lagi kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan cadangan yang membina kepada kementerian. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kementerian Sumber Manusia.

**5.20 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Shafie bin Mohd Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi jawapan bagi pihak Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator Marimuthu a/l Nadeson, Yang Berhormat Senator Janggu anak Banyang, Yang Berhormat Senator Hajah Jamilah binti Ibrahim, Yang Berhormat Senator Haji Gapar bin Gurrohu dan Yang Berhormat Senator Zainal Rampak kerana membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian ini.

Yang Berhormat Senator Marimuthu telah mencadangkan supaya Kerajaan memberi perhatian yang lebih terhadap kebajikan pekerja-pekerja ladang. Mengenai perkara ini memang Kerajaan dengan kerjasama pemilik-pemilik ladang sentiasa prihatin terhadap kebajikan pekerja-pekerja ladang dari segi kebajikan mereka selaras dengan Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990. Sebagai contoh, Skim Pemilikan Rumah Pekerja telah dilaksanakan. Skim ini giat dipromosikan oleh Kementerian Sumber Manusia dan ianya merupakan suatu usaha galakan kerajaan terhadap majikan. Sebuah Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan Kebangsaan Rancangan Pembangunan Lima Tahun (RPLT) ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Buruh dan ahli-ahlinya terdiri daripada wakil-wakil United Planting Association of Malaysia (UPAM), Persatuan Pengeluar-Pengeluar Pertanian Tanah Melayu (MAPA), National Union of Plantation Workers (NUPW) dan pegawai-pegawai Jabatan Buruh. Jawatankuasa yang serupa juga ditubuhkan di setiap negeri untuk menyelaras pelaksanaan RPLT. Kementerian Sumber Manusia hanya boleh memujuk dan menggalakkan pihak majikan membina rumah-rumah untuk dimiliki oleh pekerja-pekerja ladang masing-masing dengan tawaran harga yang

berpatutan. Kejayaan bagi pelaksanaan skim ini adalah bergantung kepada beberapa faktor, termasuklah kesungguhan dan kemampuan majikan membina rumah-rumah tersebut yang merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial mereka.

Melalui penguatkuasaan Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 dan khidmat teknikal juga Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Kesihatan menentukan supaya pihak pengurusan ladang menyediakan kemudahan kesihatan dan perubatan yang cukup kepada pekerja-pekerja ladang. Walaupun hospital dan klinik ladang berada di bawah pengurusan pihak ladang tetapi Kementerian Kesihatan sedang dalam proses mengambil alih tugas kawalseliana. Selain itu, Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan juga telah membantu memberi latihan kepada pembantu perubatan supaya mereka dapat memberi perkhidmatan yang bermutu dan wajar setelah tamat dari latihan tersebut.

Pekerja-pekerja ladang juga diberi perhatian khas terutama dalam meningkatkan kualiti hidup mereka melalui kemudahan-kemudahan seperti bekalan air bersih percuma dan bekalan elektrik. Jika terdapat tanggungan pekerja yang berumur kurang dari empat tahun dan bilangan mereka melebihi 10 orang bagi sesuatu kawasan, pihak majikan dikehendaki menyediakan sebuah Pusat Asuhan Kanak-kanak dengan perbelanjaan ditanggung oleh pihak pemilik ladang sendiri.

Mengenai penghijrahan pekerja-pekerja ladang ke bandar, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Haji Gapar bin Gurrohu, perkara ini tidak dapat dielakkan kerana setiap pekerja akan mencari peluang pekerjaan yang lebih baik dari segi pulangan dan pendapatan serta kemudahan-kemudahan lain yang ditawarkan oleh majikan atau syarikat. Kementerian memang sedar ada pekerja dari ladang atau pedalaman datang ke bandar untuk mencari pekerjaan. Mereka boleh mendaftar di Kementerian ini melalui Jabatan Tenaga Rakyat untuk bantuan mendapat pekerjaan yang sejajar dengan kelulusan dan pilihan mereka. Dalam hal ini usaha-usaha sedang dilaksanakan oleh Kementerian untuk menangani masalah pasaran buruh melalui kerjasama majikan selaras dengan Akta

Kerja 1955. Melalui peningkatan kualiti hidup pekerja di ladang adalah dijangka bilangan pekerja ladang berhijrah ke bandar akan berkurangan.

Yang Berhormat Senator Janggu anak Banyang bertanya mengenai pembangunan sumber manusia. Kerajaan sentiasa mengambil berat mengenai pembangunan sumber manusia sejajar dengan dasar pembangunan negara. Dalam hal ini, sektor swasta disaran untuk mewujudkan pekerja-pekerja yang berkualiti melalui kemudahan-kemudahan latihan yang ada. Pembangunan sumber manusia negara yang strategik masa kini dan akan datang, sememangnya telah pun dirancang dan dilaksanakan dengan teliti. Sebagai contoh, Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) yang diwujudkan melalui Akta Pembangunan Sumber Manusia, 1992 telah pun dilaksanakan sejak 1 Januari 1993. Tujuan Kumpulan Wang ini ialah untuk melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja yang diliputi di bawah Akta tersebut. Usaha-usaha ini adalah untuk memastikan bahawa Malaysia boleh menghadapi apa jua cabaran bagi:

- (a) meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pekerja;
- (b) melengkapkan pekerja dengan kemahiran yang khusus dan terkini;

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Mastika minta laluan.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, minta maaf Yang Berhormat sedang membaca tadi, saya tidak dengar apa yang disebutkan. Mungkin soalan saya itu ada relevan dengan apa yang sedang Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang mewakili Menteri Sumber Manusia hendak sebutkan.

Saya menarik perhatian kepada kualiti pekerja tadi. Kita lihat sekarang ini Menteri Sumber Manusia memberi perhatian kepada bilangan pekerja yang boleh memenuhi keperluan pekerjaan dan juga pekerja-pekerja yang boleh mengeluarkan produktiviti untuk negara ataupun syarikat-syarikat yang berkenaan. Tetapi dalam masa yang sama apabila kita telah pun menerima tekanan daripada luar, saya merasakan bahawa ketahanan diri pekerja itu, patriotismenya, semangatnya berjuang, semangatnya bekerja, adakah Kementerian Sumber Manusia ada

program-program ini supaya pekerja-pekerja bukan sahaja dinilai dari segi produktiviti dalam syarikat ataupun pengeluaran yang dapat di berikan dalam bentuk fizikalnya tetapi kita hendak melihat ketahanan mereka sebagai pekerja yang boleh mempertahankan negara. Terima kasih .

**Dato' Dr. Shafie bin Mohd. Salleh:** Ya, Yang Berhormat Senator. Soalan itu sangat tepat dan sangat jitu. Apa yang dilakukan oleh kementerian menyenaraikan latihan-latihan yang diluluskan (approved training). Jadi di sini ada satu tajuk latihan yang menyatakan mengenai pembangunan insan dan juga motivasi. Kurikulumnya ada juga berkait dengan patriotisme dan ketahanan diri. Jadi perkara itu ada dan kita berharap nanti dengan keadaan sekarang ini banyak lagi selain daripada kemahiran teknikal, kemahiran tangan dan sebagainya tetapi kewujudan dan kejituan patriotisme pekerja itu sendiri akan dapat diasah dan dihantar oleh majikan.

- (c) membantu untuk mempercepatkan pemindahan teknologi dalam operasi industri;
- (d) meningkatkan produktiviti dan operasi yang memberi nilai ditambah;
- (e) mencegah kemahiran pekerja daripada menjadi usang di dalam persekitaran teknologi yang sentiasa berubah-ubah;
- (f) mewujudkan kemahiran pelbagai sesuai dengan pekerjaan yang fleksibel dan tetap; dan
- (g) memupuk budaya latihan di kalangan majikan.

Dalam hal ini Kementerian Sumber Manusia melalui Majlis Pembangunan Sumber Manusia telah melaksanakan latihan kepada pekerja-pekerja untuk meningkatkan lagi tahap kepakaran mereka melalui strategi latihan seperti beriktu:

- (i) melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja melalui pelbagai skim latihan yang ada;
- (ii) mengatasi kesukaran melepaskan pekerja untuk mengikuti latihan dan kekurangan tenaga kerja yang terlatih;
- (iii) menggalakkan persatuan majikan bergiat aktif melatih pekerja melalui Skim Latihan Berkelompok dan;

- (iv) memupuk budaya latihan di kalangan majikan melalui Skim Pembelian Peralatan Latihan dan juga mengadakan kursus-kursus khas seperti 'On-The-Job Instructional Workshop', 'Train-The-Trainer', bengkel Analisis Keperluan Latihan dan juga khidmat rundingcara Analisis Keperluan Latihan.

Di bawah Skim Latihan Pekerja Yang Diberhentikan Kerja sebanyak RM2.34 juta telah diperuntukkan oleh kerajaan untuk memberi latihan kepada pekerja-pekerja mengikuti di peringkat sijil dan peringkat Diploma untuk meningkatkan kemahiran mereka. Buat masa ini penekanan diberi kepada pembangunan sumber manusia dalam bidang teknikal dan bidang teknologi maklumat. Segala bayaran yuran sepanjang tempoh latihan tersebut ditanggung oleh pihak kerajaan.

Yang Berhormat Senator Hajah Jamilah binti Ibrahim membangkitkan mengenai krisis pengangguran dan pembuangan kerja akibat kegawatan ekonomi. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, majikan-majikan dikenakan syarat untuk mengemukakan laporan kepada kementerian ini melalui Jabatan Buruh sebulan sebelum tindakan pemberhentian pekerja dilakukan terhadap pekerja-pekerja mereka. Bagi pekerja-pekerja yang telah diberhentikan pembayaran pampasan telah dilakukan mengikut kadar-kadar yang ditetapkan oleh undang-undang. Oleh yang demikian, adalah tidak benar bahawa mereka yang diberhentikan tidak diberi pampasan oleh majikan. Sekiranya ada kes-kes tertentu di mana majikan tidak mengikut peraturan undang-undang yang berkuat kuasa sekarang, maka siasatan akan dilakukan setelah kementerian menerima laporan. Mereka yang gagal mendapat bayaran pampasan berhak mengemukakan tuntutan mereka di Jabatan Buruh.

Yang Berhormat Senator Zainal Rampak bertanya mengenai 'Retrenchment Benefit' dan cadangan lain yang sesuai untuk mengatasi masalah pemberhentian pekerja. Sebagaimana termaklum, kerajaan telah menolak cadangan tersebut kerana ia mempunyai implikasi-implikasi tertentu di pihak majikan dan pekerja.

Sebenarnya Kementerian Sumber Manusia telah mengkaji secara mendalam cadangan itu dan mendapati ia tidak sesuai kerana kutipan tabung itu

sekiranya dimulakan sekarang adalah tidak mencukupi terutamanya dengan kegawatan ekonomi dan ia akan semata-mata menggalakkan majikan-majikan yang tidak bertanggungjawab untuk menghentikan kerja pekerja-pekerja mereka serta menyalahgunakan tabung itu. Lebih-lebih lagi, majikan akan terpaksa menanggung tambahan kos tinggi dengan pelaksanaan tabung itu. Walau bagaimanapun, dalam menangani masalah pemberhentian pekerja bagi menjamin kebajikan pekerja sentiasa terpelihara, Kementerian mengambil langkah-langkah yang berikut:

- (a) majikan adalah diwajibkan untuk melaporkan pemberhentian pekerja kepada Jabatan Buruh di bawah Kementerian Sumber Manusia sebulan sebelum memberhentikan pekerja.
- (b) memastikan pekerja-pekerja yang diberhentikan mendapat faedah penamatan kerja mengikut kadar yang ditetapkan:-
  - (i) upah untuk sepuluh hari bagi tiap-tiap tahun penggajian bagi tempoh kerja yang kurang daripada dua tahun;
  - (ii) upah untuk lima belas hari bagi tiap-tiap tahun penggajian bagi tempoh kerja selama dua tahun atau lebih tetapi kurang daripada lima tahun;
  - (iii) upah untuk dua puluh hari bagi tiap-tiap tahun penggajian bagi tempoh kerja lima tahun atau lebih; dan
  - (iv) dikira pro-rata bagi tempoh yang tidak genap setahun, mengikut genap bulan yang hampir sekali;
- (c) memastikan pekerja mendapat faedah-faedah lain sekiranya layak iaitu:-
  - (i) membayar gaji ganti notis;
  - (ii) membayar *contractural bonus* sekiranya ada;
  - (iii) baki ganti cuti tahunan yang belum diambil lagi;
  - (iv) lain-lain faedah seperti yang dinyatakan dalam kontrak perkhidmatan atau perjanjian bersama.
- (d) membantu pekerja yang diberhentikan untuk mendapat pekerjaan lain melalui Pasukan Petugas Peringkat Kebangsaan, Negeri dan Daerah;

- (e) meminta majikan-majikan yang bercadang untuk memberhentikan pekerja menyediakan khidmat 'exit service' seperti teknik temuduga, perkhidmatan kaunseling dan panduan kerjaya bagi membantu pekerja mendapatkan pekerjaan alternatif;
- (f) meningkatkan mobiliti buruh dengan membantu menempatkan pekerja daripada kawasan-kawasan lebih buruh kepada kawasan yang kekurangan tenaga buruh;
- (g) melaksanakan pindaan ke atas Akta Kerja bagi menggalakkan amalan pekerjaan yang fleksibel dengan membolehkan industri mewujudkan sistem kerja separuh masa; dan
- (h) menyebarkan satu garis panduan untuk kegunaan pihak majikan dan pekerja yang terlibat dengan pemberhentian pekerja.

Sekian, terima kasih .

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat masa sudah cukup. Kementerian-kementerian yang belum jawab, sila jawab pagi esok. Sebelum menangguhkan Dewan ini, dengan izin, benarkan saya to say a few words on Yang Berhormat Puan Sri Sarasa Vellu. I am sure Ahli-ahli Yang Berhormat are aware that Yang Berhormat Puan Sri Sarasa has sat in the Senate for six years. Her present in the Senate has been felt by all of us, her absent in future also will be felt and miss by all of us but I'm sure Yang Berhormat Puan Sri will continue to serve the nation, the people and the society. So, on behalf of the President of the Senate, all the members in the House and myself, we wish you good luck, enjoy good health and also continue to serve the nation which you love so much.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada jam 5.33 petang.***

